

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II                      Bil. 74                      Hari Rabu                      4hb. Disember 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Ruangan )

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**  
Mengalu-alu Kedatangan Rombongan Ahli Parlimen Kebangsaan  
Wilayah Afrika Selatan dan Namibia. (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 1997  
**Jawatankuasa:**  
**Jadual -**

Maksud B.43 (Ruangan )  
Maksud B.44 (Ruangan )

**USUL-USUL:**  
Anggaran Pembangunan 1997  
**Jawatankuasa:**

Maksud P.43 (Ruangan )  
Maksud P.44 (Ruangan )

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat.

(Ruangan )

Oktober, 1996.

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Kedua**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)



Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

Yang Berhormat Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K.,  
A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

Yang Berhormat Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

Yang Berhormat Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
  
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
  
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
  
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
  
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
  
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
  
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
  
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
  
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
  
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh



**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 4hb. Disember, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PROJEK KUALA LUMPUR LINEAR CITY - KESAN  
TERHADAP ALAM SEKITAR DAN PENGAIRAN**

**1. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kesan terhadap persekitaran, pengairan dan potensi pembangunan yang akan dibawa oleh projek Linear City di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulan panel pengulas EIA dalam mengkaji laporan penilaian kesan ke atas alam sekitar pembangunan projek KL Linear City dan memutuskan bahawa kesan projek tersebut ke atas alam sekitar adalah tidak signifikan dan boleh diatasi dengan langkah-langkah tebatan yang telah dicadangkan.

Dari segi potensi pembangunan, ianya boleh dianggap satu pembangunan yang canggih lagi inovatif. Secara langsung, pemaju akan menyelenggara Sungai Kelang dan menempatkan semula setinggian di sepanjang kawasan projek.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa pandangan dari NGO atau orang ramai terhadap bantahan yang telah diterima mengenai dengan EIA tersebut?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ada 12 orang pengulas-pengulas dan badan ini dianggotai oleh 3 pakar dari individu, 2 daripada NGO dan 7 orang dari agensi kerajaan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada syarat-syarat yang ditetapkan dahulu oleh JPS bahawa di sebelah kiri dan kanan sungai itu tidak boleh diadakan sebarang pembangunan atau mendirikan bangunan-bangunan bercanggah dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan sama ada di sungai-sungai lain juga boleh dibangunkan dengan konsep yang sama?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat ini adalah begitu ketat sekali kerana projek ini adalah projek yang begitu canggih di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur dan syarat-syarat itu boleh diatasi oleh pihak-pihak yang berkuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin.

*[Soalan No. 2 - Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang) tidak hadir]*

#### **PESAWAT HAWK - BILANGAN JATUH TERHEMPAS**

**3. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pesawat terbang jenis Hawk telah jatuh semenjak ianya dibeli dari Britain; dan
- (b) apakah masalah mendapatkan alat ganti bagi pesawat tersebut dari British Aerospace telah dapat diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak pesawat Hawk dibeli dari Britain dalam tahun 1994, sebanyak 2 buah pesawat telah jatuh terhempas.
- (b) Masalah bekalan alat ganti bagi pesawat ini telah dapat diatasi dengan menandatangani kontrak bekalan dengan British Aerospace bagi alat ganti 'proprietary' dan syarikat-syarikat lain bagi alat ganti bukan 'proprietary'. Kementerian Pertahanan akan membuat pesanan dari syarikat-syarikat ini dari masa ke semasa mengikut keperluan.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa mengikut laporan akhbar adalah difahamkan bahawa banyak daripada kapal terbang ataupun pesawat terbang Hawk ini telah tidak dapat terbang oleh kerana kekurangan spare parts. Adakah pada masa itu pertahanan udara Malaysia dikompromikan?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu ketika itu alat-alatnya tidak dapat dibekalkan dengan kadar segera yang memaksakan sebahagian daripada pesawat kita tidak boleh beroperasi. Bermakna, kita dalam keadaan yang mana keseluruhan lebih kurang 18 buah pesawat itu tidak dapat dipergunakan. Oleh kerana hanya sebahagian sahaja yang tidak boleh digunakan, yang lain-lain itu boleh digunakan, bermaknanya kalaulah ada apa-apa masalah, kita masih lagi boleh mempertahankan kedaulatan negara kita.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab pesawat terbang jenis Hawk telah jatuh?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya adalah disebabkan kesilapan juruterbang, tetapi bukan disebabkan kecuaiian

tetapi kesilapan. Itu sebab pertama yang jatuh. Yang keduanya, disebabkan teknikal, 'engine trouble', dengan izin.

## **LESEN KERETA SEWA DI SARAWAK - MENAMBAH BILANGAN**

**4. Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan memandangkan pengangkutan dengan menggunakan van amatlah berguna dan diperlukan oleh masyarakat luar bandar di negeri Sarawak termasuk di daerah Serian, adakah kementeriannya bercadang untuk menambahkan bilangan lesen kereta sewa.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ataupun LPKP Sarawak memberi keutamaan dalam pengeluaran permit kepada kereta sewa ke kawasan-kawasan luar bandar di mana sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang lain belumlah begitu mantap.

Pengeluaran permit kereta sewa bagi sesuatu kawasan dinilai mengikut keperluan setempat dan selepas perundingan dibuat dengan pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan berkenaan. Di dalam hal ini, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan boleh menimbangkan permohonan permit kereta sewa di kawasan Yang Berhormat sekiranya terdapat keperluan dan permintaan.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan bercadang untuk menghadkan bilangan permit-permit teksi ini. Jadi, apakah kedudukan sekarang ini - apakah kita ini terlebih lesen ataupun terlalu banyak kereta sewa yang dikeluarkan kerana di dalam laporan akhbar, pemandu-pemandu teksi ini telah menaikkan tambang sesuka hati tanpa menggunakan meter? Apakah ini menunjukkan bahawa mereka kekurangan pelanggan ataupun perniagaan mereka menurun? Saya minta penjelasan tentang kedudukan sekarang.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, ada banyak masalah tentang teksi sebenarnya. Tetapi kita tidak ada rancangan untuk menghadkan. Baru-baru ini kajian

telah dibuat dan mungkin sedikit masa lagi permohonan untuk permit teksi akan dibuka kerana kita faham yang jumlah permit teksi, terutamanya di kawasan Kuala Lumpur masih lagi tidak mencukupi.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pemandu teksi ialah masalah traffic jam yang berlaku di Kuala Lumpur dan sebab itulah baru-baru ini kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan tambang mereka.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggunakan perkhidmatan van luar bandar sebagai tambahan kepada perkhidmatan kereta sewa ataupun bas kerana kita dapati bahawa di luar-luar bandar susah mendapat perkhidmatan kereta sewa ataupun bas melainkan dari bandar ke luar bandar, itu mudah didapati? Jadi, memandangkan van-van ini mudah masuk ke kampung-kampung.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, memang seperti mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Serian tadi, di Serian apa yang dikatakan kereta sewa itu adalah van sebenarnya. Memang ada tempat-tempat di mana van digunakan sebagai kereta sewa di kawasan luar bandar, tetapi semuanya perlu kajian tempatan dan di mana-mana yang perlu proses transisi ini boleh dilakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]*

#### **DANA KHAS MEMBANTU GOLONGAN TUA DI RISDA**

**6. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) bilakah kementerian akan melancarkan dana yang disumbangkan Kumpulan Ladang Risda berjumlah RM1 juta yang bertujuan membantu golongan tua, uzur dan cacat; dan
- (b) berapa orang dari 3 golongan ini akan dapat manfaat dari dana tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak bercadang untuk mewujudkan satu dana khas bertujuan bagi membantu golongan tua, uzur dan cacat di kalangan pekebun kecil Risda kerana golongan ini telah diambil kira di bawah program pembasmian rakyat termiskin yang dilaksanakan oleh kementerian.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kementerian akan menghentikan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil untuk meneruskan tanaman semula, malah mereka ini akan diarah ataupun dinasihatkan supaya mengambil pinjaman untuk menanam semula ladang-ladang getah mereka ini.

Jadi, adakah kerajaan sedar bahawa ini mungkin tidak dapat diterima oleh masyarakat pekebun kecil kerana pendapatan mereka ini tidak sebegitu rupa sedangkan pinjaman yang perlu mereka bayar balik dan tanggungan faedah yang akan mereka bayar itu mungkin tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Jadi, apakah rancangan alternatif kementerian untuk memastikan bahawa bantuan-bantuan ini dapat diteruskan semula supaya pekebun-pekebun kecil ini tidak merasa gelisah pada ketika ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bantuan tanaman semula akan diteruskan, tetapi mungkin ia akan dikurangkan. Pertama.

Yang kedua, kementerian sekarang sedang mencari pendekatan baru di mana kita berharap sistem yang kita gunakan adalah untuk kebaikan pekebun-pekebun kecil. Kita sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Oleh yang demikian, maka apa-apa pun pendekatan yang akan diambil oleh kementerian ianya tidak akan membebankan, tetapi akan mempertingkatkan lagi pengeluaran dan kemudian meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

### **PEKERJA ASING - JUMLAH MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN**

7. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah dan peratusan pekerja asing yang terlibat di sektor pembinaan, perladangan dan perkilangan mengikut negara asalnya. Apakah kementerian bercadang mewujudkan sistem penyeragaman bayaran upah mengikut skill yang mereka miliki bagi mengelakkan diskriminasi di kalangan sesetengah majikan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang sah mengikut sektor dan warganegara pada 1 Ogos 1996 adalah seperti berikut:

#### **Mengikut Sektor:**

Pembinaan	-	69,833 orang
Perladangan	-	75,944 orang
Perkilangan	-	204,614 orang
Pembantu rumah	-	71,254 orang
Perkhidmatan	-	10,841 orang
Lain-lain	-	17,079 orang
		<hr/>
Jumlah		449,565 orang
		<hr/>

#### **Mengikut warganegara:**

Bangladesh	-	160,812 orang
Filipina	-	25,359 orang

Indonesia	-	249,603 orang
Thailand	-	5,128 orang
Pakistan	-	3,845 orang
Lain-lain	-	4,818 orang
		<hr/>
Jumlah		449,565 orang
		<hr/>

Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod kewarganegaraan pekerja asing bagi setiap sektor.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi peratus pekerja asing di dalam sesuatu sektor oleh kerana Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod jumlah keseluruhan pekerja di dalam sesuatu sektor.

Mengikut Kementerian Sumber Manusia, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sistem penyeragaman bayaran upah mengikut skill yang dimiliki oleh pekerja-pekerja. Ini kerana amalan sistem upah terbuka sekarang yang ditentukan oleh kuasa-kuasa penawaran dan permintaan buruh dan juga prinsip rundingan bersama (collective bargaining) adalah sesuai.

Pada masa yang sama, kerajaan menggalakkan majikan-majikan sektor swasta supaya menggunakan Sistem Reformasi Gaji yang baru digubal yang menekankan kaitan yang lebih rapat di antara upah dan kenaikan produktiviti. Garis panduan tentang Sistem Reformasi Gaji tersebut yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak majikan, pekerja dan juga kerajaan membolehkan majikan memperkenalkan pendekatan yang lebih terbuka dan lebih sistematik ke arah meningkatkan upah dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi, produktiviti dan prestasi syarikat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kehadiran pekerja asing memang tidak dapat dinafikan. Tetapi saya merasa agak hairan,



kalau dahulu kehadiran pekerja asing adalah untuk menampung kekurangan di sektor perladangan dan juga pembinaan kerana pendidikan rakyat telah pun dinaikkan taraf dan tidak dapat disalurkan ke sektor pekerjaan yang sedemikian. Tetapi, mengapakah jumlah pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang semakin meningkat? Adakah ini satu indication, dengan izin, kepada kekurangan minat rakyat Malaysia untuk bekerja di kilang ataupun ini juga indication kepada peningkatan taraf pendidikan rakyat Malaysia yang tidak lagi memenuhi syarat-syarat untuk bekerja di kilang?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya tidak dapat menganalisis faktor-faktor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat secara terperinci buat masa kini, tetapi salah satu gejala yang dapat kita nampak ialah dengan bertambahnya kilang dan juga kegiatan ekonomi dalam tahun-tahun kebelakangan ini memang merupakan satu faktor di mana penambahan tempat-tempat kosong pekerja itu tidak dapat dipenuhi oleh pekerja-pekerja tempatan.

Selain daripada itu, memang juga menjadi satu gejala di mana orang-orang tempatan ini kalau sekiranya gaji tidak cukup disatu tahap yang tinggi, mereka kurang berminat. Selain daripada itu, faktor yang lain ialah ada sebilangan tenaga kerja kita yang ditempatkan di luar bandar, mereka enggan datang ke bandar untuk bekerja. Jadi, faktor yang lain-lain itu, saya rasa kita perlu adakan analisis terperinci.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan sedar atau tidak, ada di kalangan pekerja-pekerja asing ini terutama sekali wanita yang dibawa masuk oleh agensi-agensi pembawa pekerja asing atas alasan untuk bekerja di sektor-sektor yang dibenarkan tetapi ramai daripada mereka akhirnya bekerja di kelab-kelab malam atau di kelab-kelab eksklusif sebagai GRO dan sebagainya. Di Kuala

Lumpur sendiri ramai didapati mereka ini, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai perkara ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak ada maklumat yang tepat tetapi setahu saya, melalui operasi-operasi yang telah dijalankan terutamanya di tempat-tempat hiburan malam seperti kelab-kelab malam, kebanyakan gadis-gadis ataupun pekerja wanita yang kita dapat tangkap itu kebanyakan mereka itu tidak ada permit kerja di apa-apa sektor pun. Mereka ini ramai masuk dengan pas lawatan sosial macam pelancong ataupun untuk mengunjungi sahabat dan sebagainya. Tetapi, selepas itu mereka tidak pulang mengikut tempoh visa. Mereka sudah masuk ke tempat-tempat yang tertentu. Ini sahaja yang dapat saya terangkan.

#### **BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA (ISLAM) RANAU TIDAK SELAMAT DIGUNAKAN**

8. **Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian beliau sedar bahawa beberapa buah bangunan milik Sekolah Menengah Agama (Islam) Ranau tidak dapat digunakan lagi kerana ianya akan runtuh bila-bila masa disebabkan pergerakan tanah sekeliling. Apakah tindakan pihak kementerian terhadap kontraktor atau juruperunding yang terlibat dalam pembinaan tersebut dan adakah bangunan-bangunan yang lain telah diisytiharkan sebagai selamat untuk didiami manusia.

#### **Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar bahawa beberapa buah bangunan milik Sekolah Menengah Agama (Islam) Ranau tidak dapat digunakan lagi. Satu mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan Projek-projek Pendidikan di Negeri Sabah telah pun diadakan pada 6hb. Disember yang lalu dan memutuskan untuk membina bangunan baru di tapak yang lain.

Sekeping tanah telah pun dikenal pasti oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Urusan pengambilan tanah itu sedang dibuat dan sekolah baru ini akan dibina semula apabila urusan pengambilan tanah itu selesai.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati bahawa jenis bangunan yang telah dibina di kawasan saya iaitu SMK Agama (Islam) Ranau dan juga sekolah menengah di kawasan saya adalah jenis yang bertingkat tinggi dan kawasan saya adalah kawasan pergunungan di mana pergerakan tanah sering berlaku dan bolehlah dianggap bahawa kadangkala kalau bangunan itu tinggi tidak selamat.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bercadang ataupun telah membuat kajian tentang kesesuaian jenis bangunan di kawasan yang tinggi atau gunung-ganang seperti di kawasan saya? Jadi, saya cadangkan dalam soalan ini juga sama ada kementerian akan membina yang satu tingkat dan tidak sampai tiga, empat tingkat yang bagi saya tidak sesuai di kawasan yang bergunung-ganang?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah kaji dan teliti semua perkara itu dan kita akan bina bangunan-bangunan yang sesuai dengan iklim di tempat itu.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang sedang dijalankan oleh kementerian sekarang ini bagi mendapatkan bantuan kepada sekolah-sekolah agama? Kriteria dan cara-caranya, berapa buah sekolah agama yang boleh diberi bantuan oleh pihak kementerian?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ini agak lain sedikit tetapi tidak apa, pasal Barisan Nasional tanya saya jawab. *[Ketawa]*

Memang kita ada kriteria ataupun asas-asas dalam urusan membantu sekolah-sekolah agama rakyat terutamanya, capitation grant yang kita beri, itu ada jumlahnya yang kita tentukan. Yang keduanya, kalau sekiranya kita dapati satu-satu sekolah agama itu betul-betul perlu, misal kata untuk menambah bilik darjah, menokok tambah peralatannya, semuanya ini ada kita gariskan dan tiap-tiap tahun kita menyalurkan banyak

peruntukan untuk membantu keselesaan anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah agama.

### **PERLUMBAAN HARAM - HUKUMAN**

9. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang melibatkan diri dalam perlumbaan haram; dan
- (b) adakah kementerianya bercadang supaya pesalah dihukum dengan menjalankan kerja seperti mengutip sampah dan membersihkan jalan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelumba-pelumba haram yang berjaya ditangkap lazimnya dituduh di mahkamah di bawah seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau seksyen 279 Kanun Keseksan mengikut merit kesalahan dan kesalahan-kesalahan lain semasa ditangkap. Di antara hukuman yang disabitkan di bawah seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ialah:
  - (i) didenda tidak melebihi RM6,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali;
  - (ii) kali yang kedua ialah didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi sabitan kali kedua;
  - (iii) hilang kelayakan memiliki lesen memandu bagi tempoh tidak kurang dari dua belas bulan.

Manakala hukuman di bawah seksyen 279 Kanun Keseksan pula ialah dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

- (b) Setakat ini belum ada undang-undang yang membolehkan kerajaan menghukum pesalah dengan menjalankan khidmat masyarakat seperti mengutip sampah dan membersihkan jalan.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya begitu hebat sekali pelumba-pelumba haram ini disebabkan oleh motosikal-motosikal yang digunakan itu telah diubahsuai ekzosnya untuk menjadikan bunyi yang begitu lantang dan apakah kementerian telah mengambil tindakan ke atas pengubahsuaian yang berkenaan termasuklah kedai-kedai yang menjalankan kerja ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa bekerjasama untuk memeriksa, menyiasat dan juga mengawal keadaan sebegini dan kita akan gunakan undang-undang yang sesuai dan juga termasuk kalau sekiranya ada maklumat yang mengatakan kedai yang mana sentiasa buat atau melakukan perkara ini, kita akan mengambil tindakan untuk memastikan mereka ini tidak meneruskan kegiatan itu akan tetapi kita perlu maklumat daripada orang awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelebu.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelebu.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Oh, Jelebu. Jelebu dengan Jerlun ini dekat-dekat sama. *[Ketawa]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jelebu dengan Jerlun ini biasanya keliru sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Soalan tambahan. Suka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan kepada seksyen 42(1) APJ 1987, iaitu menguasai kenderaan yang didapati terlibat di dalam lumba haram boleh juga disita dan juga dilelong dan penaja perlumbaan pun boleh diambil tindakan mengikut Kanun Keseksaan dan juga APJ yang berkenaan.

Saya ingin tahu setakat hari ini daripada jumlah tangkapan yang dibuat oleh Polis DiRaja Malaysia dan juga JPJ, berapakah kenderaan yang disita dan dilelong oleh kerana pesalah-pesalah gagal menuntut kenderaan tersebut dan daripada jumlah yang dibawa ke mahkamah berapakah keseluruhan kutipan daripada kompaun dan juga denda mahkamah dan adakah ini menggambarkan bahawa denda yang dibayar itu masih boleh dipersoalkan iaitu rendah dan adakah cadangan kementerian untuk mengubah akta ini bagi menambah lagi hukuman berat kepada pesalah-pesalah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai angka-angka yang spesifik itu saya perlu notis. Mengenai sama ada akta ini kita hendak ubah semula, buat masa kini kita masih dalam peringkat kajian. Terutamanya satu cadangan telah disuarakan oleh Ketua Polis Negara sendiri bahawa kalau mereka ini disabitkan salah dalam lumba haram ini dihukum dengan sebatan. Ini masih dalam peringkat kajian kita.

## **JENAYAH REMAJA - LANGKAH MENGATASI**

10. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kedudukan jenayah remaja di negara ini, adakah semakin membimbangkan. Dan apakah langkah kerajaan untuk memastikan penjenayah remaja ini tidak terus menjadi penjenayah dewasa yang lebih ganas dan merumitkan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kedudukan jenayah remaja (Juvana) yang ditangkap dalam melakukan jenayah indeks adalah terkawal, dan antara langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) memberkas dan mendakwa juvana yang melakukan jenayah yang lebih bertujuan untuk mendidik, dan bukannya untuk menghukum;
- (ii) meletakkan pesalah juvana di bawah penjagaan saudara mara atau mereka yang layak;
- (iii) memerintahkan ibu bapa atau penjaga supaya menyempurnakan bon bagi tujuan memberi pemeliharaan dan penjagaan; dan
- (iv) menghantar pesalah juvana ke Sekolah Henry Gurney untuk tujuan pemulihan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, di antara para remaja yang terlibat dengan kegiatan jenayah, saya ingin tahu berapa ramaikah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah, dan apakah bentuk ataupun kaedah kerjasama di antara polis dengan pihak sekolah untuk membendung masalah jenayah remaja ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang melibatkan murid-murid sekolah, kerana angka yang saya dapati itu adalah secara keseluruhan. Kalau kita tengok angka-angka ini memang adalah satu perkara yang kita terpaksa ambil serius kerana nampaknya jenayah kekerasan juga melibatkan satu bilangan juvana, seperti samun bersenjata, rogol pun ada. Ini satu perkara yang kita pandang serius. Oleh kerana umur itu adalah memang di bawah umur yang masa mereka sepatutnya berada di sekolah, maka tentulah ada di antara mereka ini adalah masih di sekolah. Jadi, secara terperinci saya tidak dapat beri breakdown. Bagaimanapun kita memberi kerjasama dengan pihak sekolah. Polis Diraja Malaysia memang ada salurannya dan kita sentiasa melawat sekolah-sekolah yang didapati ada kegiatan - apabila kita ada maklumat, kita juga berikan ceramah di sekolah-sekolah. Kita juga bekerjasama rapat dengan guru-guru disiplin di sekolah.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah dipulihkan, sejauh manakah kes remaja mengulangi kesalahan juvana?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan juvana yang telah dihantar ke tempat-tempat pemulihan atau ke Sekolah Henry Gurney, kebanyakan mereka itu boleh dikatakan pulih dengan baik. Bilangan yang berulang adalah kurang. Tetapi angka tepat, saya tidak ada di sini.

### **KWSP - PELABURAN DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN**

11. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pelaburan-pelaburan yang telah dibuat oleh KWSP dalam semua bidang perdagangan dan perindustrian dan sebutkan bidang-bidang tersebut dan nama-nama syarikat yang terbabit.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan KWSP melibatkan sektor-sektor kewangan, perindustrian, pembinaan, pembuatan, perladangan, hartanah, perhotelan, perkhidmatan dan infrastruktur. Syarikat-syarikat yang terlibat merupakan syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang saham yang besar dan pengurusan yang berwibawa serta kukuh asas kewangannya, seperti Malaysia Building Society Bhd., Tenaga Nasional Bhd. dan syarikat-syarikat tersenarai di bursa saham lain.

Pelaburan KWSP setakat 31hb. Ogos tahun ini adalah seperti berikut: Security Kerajaan Malaysia - 36.3%; pinjaman - 20.2%, ekuiti - 14.4%, pasaran wang - 28.7%, hartanah - 0.4%.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu peranan yang dimainkan oleh KWSP iaitu melabur sendiri dalam Projek Hidro Bakun?



**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini KWSP akan melabur sebanyak 5% di dalam Projek Hidro Elektrik Bakun di dalam Syarikat Hidro Elektrik Bakun, yang mana syarikat ini akan disenaraikan tidak berapa lama lagi. Jikalau Yang Berhormat tanya apakah rasionalnya, rasionalnya ialah kemungkinan besar projek ini beruntung dan KWSP sebagai satu dana kewangan dan boleh dilaburkan dan telah dikaji bahawa projek ini akan beruntung, khususnya apabila syarikat ini disenaraikan dan apabila ada pembesaran kapital, maka tentu sekali pemegang-pemegang saham akan mendapat untung yang banyak.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu apakah pertimbangan dan kriteria-kriteria yang perlu diambil oleh KWSP sebelum terbabit dalam pelaburan, dan berapa juta ringgitkah pelaburan KWSP di luar negara dan namakan syarikat-syarikat yang terbabit?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut tadi tiga kriteria yang patut diambil pasti oleh KWSP. Pertama sekali dana pemegang saham yang besar, iaitu syarikat yang besar. Yang kedua, pengurusan yang berwibawa, dan yang ketiga ianya tersenarai di dalam bursa saham, iaitu syarikat yang telah dibuktikan mempunyai kekukuhan kewangan, kekukuhan pengurusan dan lain-lain lagi. Jadi, itu tiga dana.

Yang kedua, mengenai pelaburan luar negara, pada masa ini KWSP telah dibenarkan untuk melabur sebanyak tidak lebih RM1 bilion di luar negara. Setakat ini belum lagi KWSP mencapai RM1 bilion pelaburan itu, dan syarikat-syarikat yang dilaburkan itu, saya ada di sini, 9 di Singapura, 2 di Thailand. Sehingga 30hb. September, 1996 KWSP telah melabur sebanyak RM296.87 juta. Jadi, lambat lagi untuk ianya mencapai RM1 bilion yang dibenarkan melabur di negara asing.

Jadi, Yang Berhormat, saya memberi jaminan di sini bahawa apa-apa pelaburan yang dibuat di syarikat-syarikat negara asing akan dipastikan mengikut kriteria yang saya kata tadi, dan ianya diuruskan dengan baik dan diawasi oleh kementerian dengan rapi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak mari.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena] tidak hadir]*

#### **PROGRAM TEBATAN BANJIR DI SEREMBAN - PELAKSANAAN**

13. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pertanian menyatakan program tebatan banjir yang sedang dan akan dijalankan di Daerah Seremban setakat ini. Sila sebut jumlah kos bagi setiap projek dan tarikh yang akan disiapkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir Bandar Seremban. Program tersebut berjumlah kosnya ialah RM177.85 juta telah dilaksanakan mulai tahun 1985. Di samping itu, sebanyak lima buah projek berikut sedang dilaksanakan dengan kos sebanyak RM16.03 juta:-

- (a) menyiapkan pembinaan saluran konkrit dan kerja-kerja berkaitan di sepanjang Jalan Temiang dengan kos RM4.07 juta dan dijangka siap pada 29.6.97;
- (b) menyiapkan pembinaan saluran konkrit dan kerja-kerja bersangkutan di sepanjang Jalan Templer dengan kos RM1.175 juta yang dijangka siap pada 25.3.97;

- (c) menyiapkan pembinaan longkang konkrit, struktur penurun, pementung kekotak berkembar bawah trek Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Anak Air Rasah, Seremban dengan kos RM4.24 juta yang dijangka siap pada 21.5.97;
- (d) menyiapkan pembinaan jambatan konkrit dan kerja-kerja berkaitan di Sungai Kepayang dengan kos RM2.38 juta dan dijangka siap pada 19.3.97; dan
- (e) projek melurus, melebar dan mendalamkan Sungai Batang Nilai dengan kos RM4.17 juta dan dijangka siap pada 9.7.97.

#### **PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

#### **Mengalu-alukan Kedatangan Rombongan Ahli Parlimen Kebangsaan Wilayah Afrika Selatan/Namibia**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum soalan tambahan diizinkan, sukalah saya mengalu-alukan kedatangan rombongan delegasi dari Parlimen Kebangsaan dan Wilayah dari Afrika Selatan dan Namibia [*Tepuk*]. Seremban.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberikan banyak peruntukan untuk melaksanakan projek-projek yang telah disebutkan tadi. Sebenarnya saya berharap lebih banyak wang akan disalurkan kerana di Seremban tidak ada parti Pembangkang lagi. Jadi, semua parti pemerintah.

Jadi, soalan tambahan, untuk memastikan bahawa semua projek ini dapat disiapkan mengikut jadual, saya rasa jabatan-jabatan teknikal seperti JBA, Telekom, TNB dan sebagainya - kerjasama dari mereka sangat-sangat diperlukan. Jadi, saya ingin bertanya sama ada kementerian Yang Berhormat mengalami masalah dari segi kerjasama

dan koordinasi di antara jabatan-jabatan teknikal. Sebab saya difahamkan di antara satu projek, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, daripada Jalan Templer, sebenarnya projek ini patut disiapkan lebih awal lagi, oleh kerana TNB atau Telekom tidak dapat mengalihkan dawai, jadi, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tidak boleh mengulas, Yang Berhormat hanya boleh soal.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, tetapi sebagaimana yang telah saya jelaskan iaitu jadual yang telah ditetapkan, memanglah sedikit sebanyak ada masalah-masalah yang sedang dihadapi. Tetapi sesetengah masalah yang menyentuh tentang masyarakat, maka saya rasa Ahli-ahli Parlimen patut memberi sokongan untuk menyelesaikannya, tetapi dengan jabatan-jabatan teknikal yang lain. Sehingga kini tidak ada masalah dan kita boleh menyelesaikan dengan cara perundingan dari masa kesemasa.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan secara menyuluruh. Berkait dengan program tebatan banjir, kerana bila di sebut program tebatan banjir ada kaitnya dengan program pemuliharaan sungai.

Jadi, setakat manakah komitmen, dengan izin, pihak kementerian tentang program ini, memandangkan dalam Belanjawan tahun 1997 ini, bagi program-program pemuliharaan sungai di Perlis, peruntukan hanya RM10 sahaja?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Memang tanggungjawab untuk mengurangkan banjir dan juga pemuliharaan sungai diberi kepada Jabatan Parit dan Saliran. Oleh kerana pemuliharaan sungai ini hanya akan diambil kira pada suatu keadaan, di mana bila ia diperlukan sahaja. Maka oleh sebab itu, diberi token sebanyak

RM10. Ini bermakna projek itu bila perlu boleh dijalankan kerana duit token sudah pun ada.

Tentang tebatan banjir, ini saya rasa projek besar yang menelan belanja kebanyakannya berpuluh, malahan beratus juta. Jadi, dengan sebab itu, kesannya kepada sungai ada, dan selepas itu kita terpaksa memulihkan sungai sebagaimana peruntukan yang diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan.

*[Soalan No. 14 - Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]*

#### **RAKYAT TERMISKIN - JUMLAH DAN KATEGORI**

**15. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan keluarga miskin yang dapat dikesan di seluruh negara; dan
- (b) menjelang tahun 2000, apakah kategori ini dapat dihapuskan langsung.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mengikut kajian pendapatan isirumah 1995, household income survey, terdapat 370,000 keluarga miskin di seluruh negara;
- (b) adalah menjadi matlamat kerajaan pada tahun 2000, kadar golongan miskin akan turun ke 5.5% daripada 8.9% pada tahun 1995. Pada masa yang sama, kadar kemiskinan golongan termiskin akan hampir disifarkan kepada kira-kira 0.5% meliputi 23,000 keluarga. Bilangan ini dijangka hanya terdiri daripada orang-orang tua, uzur dan cacat yang mana boleh dikategorikan sebagai kes kebajikan semata-mata.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin hendak bertanya soalan tambahan. Bagaimanakah kerajaan mentakrif dan menetapkan garis kemiskinan di tiap-tiap negeri

dan nyatakan program yang dirancang untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi mereka?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada definisi atau takrifan dari segi Pendapatan Garis Kemiskinan. Jadi, untuk tahun 1995, saya percaya Yang Berhormat mesti sudah baca laporan ekonomi yang lepas. Bagi Peninsular Malaysia golongan yang berpendapatan di bawah RM425 dianggap sebagai miskin, bagi Sabah - RM601 dan bagi Sarawak RM516.

**Tuan Tan Kok Wai:** Perkara ini silap dijawab. Saya minta Yang Berhormat supaya memberi tahu Dewan ini macam mana kerajaan mentakrif dan menetapkan garis kemiskinan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Saya belum sampai ke situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Pembangkang ini memang tidak sabar langsung. Dalam mengira Pendapatan Garis Kemiskinan ini, kerajaan mengambil kira onkos minimum yang diperlukan oleh sesuatu keluarga untuk memenuhi keperluan asas seperti perumahan, makanan dan perjalanan. Jadi, itulah asasnya. Kerajaan tahu bahawa angka ini mungkin tidak realistik kalau kita tengok dari segi orang-orang di bandar. Oleh yang demikian, kerajaan sekarang telah mengkaji dengan lebih teliti bagaimanakah angka ini dapat diubahsuai untuk memenuhi keperluan di bandar.

**Tuan Jimmy Lim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, bagaimanakah kita tahu bahawa seluruh pelosok Sarawak telah dilawati oleh pegawai-pegawai yang memperakukan keluarga itu miskin oleh kerana Sarawak begitu luas dan pedalamannya begitu sukar dilawati?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar atas masalah yang dihadapi di Sarawak kerana kawasan itu besar tetapi kita ada jentera pentadbiran negeri melalui Pejabat Daerah dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Kedua-dua jabatan ini ada mempunyai pejabat masing-masing di seluruh negeri Sarawak hingga ke pedalaman.

Jadi, baru-baru ini, kita telah mengarahkan kedua-dua jabatan ini untuk mengadakan satu kajian yang teliti untuk mengesan isi-isi rumah yang dianggap sebagai rakyat termiskin dan tidak lama lagi kita akan mengeluarkan angka-angka tersebut.

Tetapi, kalau ada dalam kawasan-kawasan Yang Berhormat yang difikirkan patut dimasukkan sebagai rakyat termiskin tetapi tertinggal, kita minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan senarai-senarai itu untuk kajian dan perhatian oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

*[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]*

#### **GURU - SIASATAN TERHADAP RUNGUTAN BEBAN KERJA YANG BERTAMBAH**

**17. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah usaha sedang dibuat bagi menyasat rungutan guru-guru yang mendapati beban kerja mereka bertambah berat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan perkhidmatan perguruan menyelerakan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh guru-guru. Oleh itu, beberapa usaha sedang dan akan terus dijalankan untuk memastikan supaya beberapa aspek perkhidmatan perguruan diperbaiki. Antara beberapa langkah yang telah dijalankan ialah seperti membuka peluang yang lebih luas untuk guru-guru melanjutkan

pelajaran yang bersesuaian dan memberikan kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kepakaran mereka.

Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan gaji mereka dengan memberikan peluang untuk mendapatkan kelulusan diploma perguruan. Guru-guru bukan siswazah yang bertugas di luar masa bertugas biasa juga akan dibayar elaun lebih masa yang sewajarnya.

Langkah yang seterusnya ialah menjalankan kajian terutama di sekolah-sekolah kecil yang tidak mempunyai staf sokongan untuk merangka semula norma perjawatan perguruan dan staf sokongan dalam usaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan perguruan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk menentukan supaya guru-guru boleh bekerja dalam keadaan yang lebih selesa dengan pembinaan bilik guru yang lebih sesuai dan juga tempat kediaman mereka di antaranya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan takrifan, apakah elaun lebih masa atau definisi lebih masa, kerana saya rasa timbul kekeliruan berapa jam yang sepatutnya seorang guru berkhidmat sebelum ia boleh membuat tuntutan elaun lebih masa atau overtime? Kerana terdapat banyak rungutan bahawa satu daripada sebab mengapa banyak guru memberhentikan perkhidmatan mereka kerana mereka tak boleh membuat tuntutan lebih masa dan terpaksa bekerja untuk masa yang sangat panjang. Bolehkah Yang Berhormat memberikan penjelasan tentang perkara ini dan apakah usaha untuk mengatasinya?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, elaun lebih masa yang diberi kepada guru-guru ini ialah bergantung kepada bentuk dan corak



perkhidmatan yang mereka lakukan, selain daripada waktu perkhidmatan biasa yang mereka lakukan. Dan ada asas-asas ataupun garis panduan yang telah pun kita sediakan untuk menyelenggarakan tugas tersebut.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada rungutan di sekolah-sekolah di Kelantan mengalami kekurangan guru-guru terutama dalam bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan sebagainya. Saya rasa isu ini bukan isu Kelantan sahaja, bahkan di seluruh negara ....

**Seorang Ahli:** Hai, soalanlah, bukan Kelantan!

**Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tertib! Yang Berhormat, itu kerja saya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya, apakah benar kekurangan guru ini berlaku bukan sahaja di Kelantan, bahkan di seluruh negara. Sekiranya ada, berapakah jumlahnya, dan bagaimana usaha kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru ini. Saya kira isu ini bukan isu baru.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** Hai, soalelah!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah benar kekurangan itu dan berapakah jumlah dan apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan .....  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sukalah saya ingatkan Yang Berhormat, soalan tambahan biasanya satu sahaja! Janganlah ambil kesempatan. Lebih-lebih lagi kalau Yang Berhormat cuba hendak mengulas ataupun hendak memberi pandangan. Saya rasa itu tidak dibenarkan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang bertanya, saya ingat banyak benar kelabunya. *[Ketawa]* Sebab, pertama sekali, di Kelantan bukan kurang guru. Di Kelantan dah terlebih guru! *[Ketawa][Tepuk]* Yang jadi kepala besar 'Tuan Guru'. *[Ketawa]*

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat kata kekurangan guru-guru dalam mata-mata pelajaran yang tertentu, itu ada munasabah. Tetapi, kalau di Kelantan, guru yang sebenarnya terlebih. Fasal kita melampau tak sanggup hendak melihat suami dengan isteri ini berpisah! Itu yang pertama.

Yang kedua, kalau dah tahu, buat apa bertanya? Kalau sudah tahu kita kekurangan guru di seluruh Malaysia ini, memang saya pun telah berbuih mulut bercakap dah, Yang Berhormat kan? Hai, dia tidur agaknya! *[Ketawa]*

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu angkanya, sekolah menengah kita kekurangan lebih kurang 10,000 orang. Sekolah rendah kita kekurangan guru dalam 1,000 lebih orang sedikit sahaja. Dan kita harap di sekolah rendah ini, insya-Allah, boleh selesai, tak lama lagi tidak ada masalah lagi guru-guru di sekolah menengah. Malahan kita hendak meningkatkan taraf guru kita sekarang, begitu keadaannya lebih kurangnya.

## **PROGRAM BERSIH DAN INDAH - HASIL YANG DICAPAI**

**18. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar bahawa program kebersihan dan keindahan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan yang memakan berjuta-juta wang cukai rakyat tidak membawa hasil yang dijangkakan. Keadaan ini telah menyebabkan beliau sendiri tidak boleh berdiam-diam lagi terpaksa mengeluarkan satu "Amaran" kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk membersihkan kawasan pentadbiran mereka atau menghadapi tindakan sewajarnya dalam tempoh 3 minggu mulai 8.9.96 hingga 28.9.96. Jika benar, apakah kelemahan dan kecacatan yang telah dikenal pasti oleh kementeriannya, jika tidak, mengapa amaran tersebut terpaksa dikeluarkan. Adakah amaran tersebut untuk membolehkan pihak konsortium mengambil alih perkhidmatan pelupusan sampah yang akan diswastakan nanti.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa program Bersih dan Indah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan tidak membawa hasil yang dijangkakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bersih dan Indah merangkumi 15 aktiviti yang termasuk di dalamnya, kebersihan tandas, kebersihan pantai dan tempat pelancongan, pengindahan bandar dan pungutan sampah.

Dari maklum balas yang diterima dan dari pemerhatian yang dibuat, terdapat peningkatan tahap kebersihan dan keindahan oleh pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, kebersihan tandas awam, kebersihan pasar, tahap penyediaan makanan dan pendidikan awam perlu ditingkatkan lagi walaupun ianya telah ada peningkatan berbanding dengan tahun-tahun sebelum pelaksanaan program Bersih dan Indah ini. Salah satu sebab matlamat program Bersih dan Indah belum dapat dicapai sepenuhnya ialah pihak berkuasa tempatan memerlukan masa yang lebih panjang kerana kesempitan kewangan dan kekurangan kakitangan.

Yang Berhormat Menteri tidak pernah mengeluarkan 'amaran' kepada pihak berkuasa tempatan dengan memberi tempoh tiga minggu supaya membersihkan kawasan masing-masing seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Penswastan sisa-sisa pepejal juga tiada kena-mengena dengan program ini kerana penswastan ini hanya melibatkan sisa-sisa pepejal manakala program Bersih dan Indah meliputi banyak perkara pengindahan di samping kebersihan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang apa pandangan Yang Berhormat bahawa penswastan perkhidmatan mengangkat sampah boleh diibaratkan sebagai mengabaikan tanggungjawab sosial pihak kerajaan kepada rakyat jelata.

Dan ia mungkin membebankan rakyat jelata dan menjejaskan usaha menangani inflasi kerana selama ini memang adalah fungsi penting pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan perkhidmatan mengangkat dan melupuskan sampah sarap.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, ayat Ahli Yang Berhormat yang penghabisan tadi memang tepat iaitu mengangkat dan melupuskan sampah. Bagi pihak-pihak berkuasa tempatan, mengangkut sampah memang senang, tetapi yang menjadi masalah ialah melupuskan sampah. Jadi, dengan adanya penswastaaan pelupusan sampah ini, kita berharap supaya sampah-sampah dapat diangkut dengan lebih baik dan pelupusannya juga akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Kita telah mengadakan perundingan dengan pihak syarikat yang telah pun diberikan penswastaaan ini, pihak ANULAE dan juga pihak EPU untuk mencari satu cara yang terbaik supaya penswastaaan ini tidak akan membebankan rakyat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerja-kerja pembersihan dan pengindahan yang dijalankan oleh jawatankuasa atau persatuan penduduk-penduduk di kawasan kondominium dan apartment berjalan dengan berkesan, saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan akan mengenalkan konsep seperti ini di taman-taman perumahan di mana cukai taksiran dibayar kepada satu jawatankuasa atau persatuan penduduk-penduduk dan kerja-kerja pembersihan dan pengindahan dijalankan oleh persatuan itu?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang akan mengadakan satu 'management committee' untuk menjalankan ataupun melaksanakan pembersihan dan juga untuk menjaga kebersihan kawasan-kawasan seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini tidak bermakna bahawa kalau misalnya didapati ada management committee yang tidak menjalankan tugas dan pihak Yang Berhormat mengatakan bahawa ada management committee lain ataupun ada

koperasi yang ditubuhkan untuk mengambil alih kawasan-kawasan ini, kita sedia memberikan pertimbangan kepada hasrat mereka ini.

### **HOSPITAL DI DAERAH BELAGA - PEMBINAAN**

19. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan merancang untuk membina hospital di Daerah Belaga. Jika ya, dimanakah hospital tersebut dibina dan bila. Bagaimanakah kerajaan merancang untuk menampung keperluan kesihatan lebih kurang 20,000 penduduk di kawasan Bakun, bila kerja di projek hidro itu berjalan dengan rancak?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk membina sebuah hospital di Daerah Belaga dengan sejumlah 76 buah katil. Pada masa ini, projek masih lagi dalam peringkat pengambilan tanah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

Sehubungan ini, bila projek hidro elektrik Bakun bermula, pihak Bakun Management Sdn. Bhd. akan membina sebuah pusat kesihatan yang memberi keperluan kesihatan bagi kira-kira 20,000 penduduk tempatan.

### **PENDATANG TANPA IZIN DI SARAWAK - JUMLAH DIKESAN**

20. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang tanpa izin yang telah dikesan di Sarawak sejak 1995 dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menghapuskan masalah ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang tanpa izin yang telah dikesan di Sarawak dalam tahun 1995 ialah 2,732 orang. Langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah kemasukan pendatang tanpa izin ini adalah dengan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan meningkatkan kawalan sepanjang pantai dan sempadan untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin. Pendatang tanpa izin itu akan diusir atau dihantar pulang secara sistematik termasuk menggunakan kapal-kapal tentera laut negara masing-masing dan

memperhebatkan operasi bersepadu terhadap kawasan-kawasan khususnya yang dikenal pasti menjadi penempatan pendatang tanpa izin.

### **INSTITUT JANTUNG NEGARA - MEMBANTU PESAKIT BERPENDAPATAN RENDAH**

21. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah pelan yang dilaksanakan oleh Institut Jantung Negara (IJN) bagi memberikan perkhidmatan yang positif dan membantu pesakit-pesakit jantung dari golongan pendapatan rendah bagi mendapatkan rawatan serta merta.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, Institut Jantung Negara (IJN) telah ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1992 bagi tujuan mengadakan perkhidmatan rawatan penyakit jantung yang terulung di negara ini.

Perkhidmatan rawatan pesakit jantung yang dikendalikan oleh IJN adalah untuk semua pesakit, mahupun persendirian atau yang dirujuk, tanpa mengambil kira status ekonomi pesakit.

Bagi pesakit-pesakit jantung dari golongan yang berpendapatan rendah, mereka boleh diberi pertimbangan untuk menerima subsidi kerajaan untuk menampung kos rawatan mereka di IJN. Pada tahun 1995, seramai 5,290 pesakit dari golongan berpendapatan rendah telah menerima subsidi tersebut.

Giliran atau tarikh pembedahan yang ditentukan untuk setiap pesakit adalah berdasarkan kepada keadaan penyakit dan pesakit tersebut mengikut kriteria-kriteria berikut:-

- (i) kes-kes yang ditahap tenat atau 'emergency', dengan izin, akan dibedah serta-merta;
- (ii) kes-kes yang di peringkat memerlukan pembedahan dengan segera atau 'urgent', dengan izin, akan dibedah dalam jangka masa satu minggu; dan
- (iii) kes-kes yang tidak begitu serius akan diletakkan dalam senarai menunggu yang akan mengambil masa di antara 6 hingga 12 bulan.

Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit yang diletakkan di dalam senarai menunggu akan terus menerima rawatan sebagai pesakit luar atau pesakit dalam oleh pakar perunding kardiologi dalam tempoh 3 bulan sekali. Jika dalam tempoh tersebut, keadaan pesakit bertambah teruk, tarikh pembedahan mereka akan dipercepatkan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak sempat Yang Berhormat. Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 2, 5, 12, 14, 16 dan 22 hingga 33 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesebelas]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.43 [Jadual]-**

**Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:**

Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana membenarkan saya menyambung jawapan yang bermula semalam. Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah mengatakan bahawa ukuran terhadap lot-lot di kampung-kampung baru belum dibuat. Jabatan Ukur dan Pemetaan sememangnya tidak pernah mengasingkan kategori kampung-kampung baru dengan tanah-tanah desa dan pekan yang lain di dalam menangani permohonan ukuran. Oleh yang demikian, tiada statistik khas untuk kampung-kampung baru.

Bagaimanapun, bagi lima buah kampung baru di kawasan Parlimen Serdang, kawasan Yang Berhormat iaitu Batu 14, Puchong, Seri Kembangan, Batu 11, Cheras, Sungai Chuah dan Balakong hak milik pajakan yang telah diberi sebelum ini telah tamat tempoh. Oleh itu Jabatan Ukur dan Pemetaan sedang menunggu permohonan ukur dari Pejabat Tanah bagi pengeluaran hak milik pajakan yang baru.

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Serdang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya pajakan hak milik di kampung-kampung tersebut masih belum habis tempohnya. Di kampung saya Seri Kembangan, masih diteruskan, rumah saya, masih pegang surat hak milik. Jadi, saya tidak tahu sebab apa dikatakan tempoh pajakan di kampung-kampung yang tersebut itu telah habis? Saya minta penjelasan dalam isu berkaitan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, ini adalah mengikut maklumat yang jabatan dapat dan saya rasa lebih baik, saya melawat kawasan Yang Berhormat bersama-sama dengan pegawai ukur. *[Disampuk] [Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab.....

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*



**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Serdang bangun lagi.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan lagi berkaitan dengan kampung-kampung baru yang lain. Sebab di Malaysia ada 452 selain dari 5 buah kampung baru di kawasan saya, ada lebih 400. Bilakah Jabatan Ukur akan menjalankan ukur tapak mereka masing-masing?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, Jabatan Ukur dan Pemetaan tidak asingkan dan tiada statistik khusus untuk kampung-kampung baru. Walau bagaimanapun, saya akan semaklah dan sekiranya ada masalah, kami akan cuba akan atasi.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab mencadangkan bahawa bagi mengatasi masalah kelewatan pengukuran dan pengeluaran hak milik strata, Jabatan Ukur diswastakan. Sememangnya, kerja-kerja ukur strata selama ini dibuat oleh jurukur-jurukur berlesen dari sektor swasta. Jabatan Ukur dan Pemetaan hanya berperanan menyemak kerja-kerja jurukur swasta tersebut dan seterusnya meluluskan pelan-pelan yang berkaitan seandainya mengikut peraturan.

Statistik sehingga Oktober, 1996 mengenai semakan ukuran strata adalah seperti berikut:

	<b><u>Petak Dalam Tindakan</u></b>	<b><u>Petak Telah Disokong</u></b>	<b><u>Petak Telah Diluluskan</u></b>
Semakan Pelan Permohonan Strata	5,245	17,021	-
Semakan Pelan Akui Strata	2,528	-	7,503
Penyediaan Surat Hakmilik Strata	1,071	-	-

Yang Berhormat dari Jelebu telah minta statistik mengenai ukuran tanah iaitu:-

\* FELDA Pasoh I - hakmilik telah diserahkan kepada peneroka pada

April 1995.

- \* FELDA Pasoh II - ukuran lot-lot rumah telah disiapkan. Ukuran terhadap lot-lot ladang telah dibuat oleh swasta. Jabatan Ukur masih menunggu pelan-pelan hasil ukuran dari juruukur berlesen yang terlibat. FELDA berhasrat untuk menyerahkan hakmilik lot-lot kampung dan ladang bersekali.
- \* FELDA Pasoh III - surat hakmilik bagi lot-lot rumah dan ladang telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah kecuali 42 lot sahaja lagi belum diukur.
- \* FELDA Pasoh IV - ukuran lot-lot kampung dan ladang telah disiapkan. Jabatan menunggu permohonan pengeluaran hakmilik dari Pejabat Tanah.

Yang Berhormat dari Serdang dan Mentakab telah menimbulkan kelambatan pengeluaran hakmilik strata. Kerajaan memang sedar tentang masalah kelambatan pengeluaran hakmilik strata yang disebabkan oleh pemaju-pemaju yang gagal membuat permohonan untuk hakmilik strata.

Dalam hubungan ini, pihak pentadbiran tanah telah diminta untuk mengenal pasti pemaju-pemaju yang telah gagal berbuat demikian dan mengambil tindakan mahkamah terhadap pemaju-pemaju berkenaan, menurut Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata. Jika disabit kesalahan, penaltinya adalah tidak melebihi RM5,000 dan tidak melebihi RM1,000 untuk setiap hari pelanggaran ini berterusan. Di samping itu, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah perundangan dan pentadbiran untuk mempercepatkan pemprosesan permohonan hakmilik strata.

Sebagai langkah perundangan, Akta Hakmilik Strata 1985 telah dipinda melalui Akta A/1951 yang mulai berkuatkuasa pada 2hb. Ogos, 1996, untuk di antara lain, membenarkan permohonan hakmilik strata walaupun bangunan berbilang tingkat yang

telah disiapkan itu belum lagi dikeluarkan Sijil Layak Menduduki atau tanah untuk bangunan itu masih dipegang di bawah hakmilik sementara.

Yang Berhormat dari Serdang dan Mentakab juga mencadangkan supaya ditubuhkan badan khas untuk mewujudkan koordinasi di antara penduduk dan pemaju bagi bangunan berbilang tingkat dan mempercepatkan penubuhan Perbadanan Pengurusan serta masalah penyelenggaraan dan pengurusan bangunan berbilang tingkat.

Kerajaan sedang berusaha untuk menggubal satu Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan), di mana akan diwujudkan jawatan Pesuruhjaya Bangunan (Commissioner of Building) dengan izin, bagi maksud mengawal selia penyelenggaraan dan pengurusan bangunan berbilang tingkat.

Kerajaan yakin bahawa penggubalan undang-undang baru itu akan dapat menangani masalah atau rungutan yang sering dihadapi dan dibangkitkan dalam hal penyelenggaraan dan pengurusan bangunan berbilang tingkat, seperti kegagalan membuat bayaran perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bagi bangunan berbilang tingkat yang telah dikeluarkan hakmilik strata dan Perbadanan Pengurusan telah ditubuhkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985. Perbadanan Pengurusan memang diberi kuasa dalam Akta Hakmilik Strata itu untuk mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik yang gagal membayar bayaran perkhidmatan, iaitu melalui tindakan civil di mahkamah atau memohon waran penahanan daripada Pejabat Tanah.

Bagi mempercepatkan penubuhan Perbadanan Pengurusan sukacita saya memaklumkan bahawa tindakan-tindakan juga telah diambil untuk mempercepatkan pemprosesan dan pendaftaran hakmilik strata. Tindakan-tindakan tersebut termasuklah usaha-usaha meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan pentadbiran melalui kursus dan latihan dan memperkenalkan Sistem Pemprosesan Setempat (One Stop Processing System) dengan izin, untuk hakmilik strata.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah pemaju yang telah dihukum atas kelambatan mengemukakan permohonan untuk mendapat hakmilik strata?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Setakat ini, setahu saya, saya perlu semak hanya 1 sahajalah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang membangkitkan masalah tentang koperasi yang dibekukan pada tahun 1986. Bilangan koperasi yang dibekukan pada tahun 1986 adalah 24 buah. Bilangan yang dipulihkan atau dalam proses pemulihan adalah 6 buah, yang dipulihkan ialah:-

- (i) Koperasi Seri Maju Berhad - Pemaju;
- (ii) Koperasi Pantai Kembang Berhad; dan
- (iii) Koperasi Bersatu Tenaga dan Koperasi Jaya Diri Berhad (KOJADI).

Koperasi dalam proses pemulihan ialah:-

- (i) Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM);
- (ii) Koperasi Rakyat Berhad (KORAKYAT).

Bilangan koperasi yang dibubarkan adalah 5 iaitu:-

- (i) Koperasi Jasa Rakyat Berhad;
- (ii) Koperasi Wanijaya Malaysia Berhad;
- (iii) Koperasi Emas Pulau Pinang Berhad;
- (iv) Koperasi Wartawan-wartawan Berhad; dan
- (v) Koperasi Sakti Jaya Berhad.

Bilangan koperasi yang dicadangkan dibubarkan adalah 13 buah. Mereka adalah seperti berikut:-

- (i) Koperasi Pembangunan Ekonomi Pemuda Malaysia Berhad;
- (ii) Koperasi ENE Berhad;
- (iii) Koperasi Serbaguna Fourties Berhad;

- (iv) Koperasi Serbaguna Gunung Emas Berhad;
- (v) Koperasi Kewangan Perindustrian Malaysia Berhad;
- (vi) Koperasi Serbaguna Kosmopolitan Berhad;
- (vii) Kopersi Mewah Berhad;
- (viii) Syarikat Kerjasama Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Selangor Berhad;
- (ix) Koperasi Pengusaha Teksi Wilayah Berhad;
- (x) Koperasi Sepadu Berhad;
- (xi) Koperasi Serbaguna Leasing and Credit Malaysia Berhad;
- (xii) Koperasi Bersatu Berhad; dan
- (xiii) Koperasi Belia Bersatu Berhad.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah .....

**Dato' Yap Pian Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada koperasi-koperasi yang dilupakan, dipulihkan dan dibubarkan, bolehkah beri pandangan dan ulasan terhadap sebuah koperasi, Koperasi Tindakan Malaysia Berhad yang dianjurkan oleh DAP masih aktif atau macam mana KOTINDAK ini memberi faedah kepada ahli-ahli koperasi tersebut?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya perlu semak balikkah, kerana saya tiada .....

**Dato' Yap Pian Hon:** Okay.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Saya akan memberikan jawapan bertulislah.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Di sini saya ingin menyatakan .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Hendak nyatakan sesuatukah atau penjelasan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin menanyakan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau hendak soal, boleh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya ingin menanyakan Yang Berhormat sama ada beliau sedar bahawa KOTINDAK hanya untuk ahli-ahli dan bukan untuk orang awam, bukan seperti KOMUDA iaitu salah sebuah koperasi yang telah dibubarkan dan telah ditubuhkan oleh MCA di mana Pengerusi Pemuda MCA dipenjarakan. Adakah ini benar? Adakah pihak kementerian akan memastikan bahawa parti MCA tidak boleh menubuhkan koperasi dan mengutip wang daripada orang awam, supaya orang awam tidak akan ditipu oleh pemimpin MCA? *[Tepuk]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mempolitikkan *[Ketawa]* pergerakan koperasi.

Tentang KOBENA dan juga pembelian saham METROD oleh National Land Finance Cooperative Society Limited, suka saya menjelaskan bahawa KOBENA sedang dalam proses melunaskan hutangnya. Kedudukan hutang telah berkurangan dari RM185 juta pada tahun 1993 kepada RM101 juta pada tahun 1994 dan terus berkurangan kepada RM68 juta pada 1995.

Tentang isu saham METROD, Ketua Pendaftar sedang mengendali isu saham METROD yang dibeli oleh NLFCS sebagai satu kes pertikaian di bawah seksyen 82 Akta Koperasi 1993.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jerantut bangun.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi KOBENA dia punya hutang telah menurun dengan begitu mendadak, adakah ianya disebabkan

keuntungan yang dibuat oleh KOBENA ataupun oleh kerana asetnya telah dijual dan keuntungan dari segi penjualan aset yang merupakan extraordinary gains telah menyebabkan penurunan dari segi hutang tersebut? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai detail tersebut? Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya perlukan sedikit notislah. Walau bagaimanapun, akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, tentang pertanyaan yang saya buat dalam ucapan saya semalam, tentang KOBENA dan NLFCS, soalan saya ialah tentang penjualan oleh NLFCS. Penjualan saham METROD dengan pembelian. Pembelian merupakan satu isu siasatan, tetapi pertanyaan saya semalam dalam ucapan saya ialah penjualan kerana ada setengah-setengah ahli NLFCS rasa bahawa penjualan ini tidak berkepentingan koperasi tersebut. Memandangkan METROD sekarang telah pun disenaraikan dalam BSKL dan penjualan ini adalah kepada ahli-ahli keluarga Lembaga Pengarah NLFCS.

Oleh sebab itu saya harap, kerana saya telah timbulkan perkara ini pada tahun lepas dan pada masa itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam satu jawapan bertulis kepada saya menyatakan bahawa siasatan masih dijalankan dan telah dirujuk kepada BPR untuk tindakan selanjutnya. Itulah jawapan bertulis daripada Yang Berhormat bahawa hasil daripada pemeriksaan tersebut dirujuk kepada BPR untuk tindakan selanjutnya. Saya hendak tanya apakah keputusan oleh BPR tentang perkara ini?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, semalam Ahli Yang Berhormat bangkitkan isu pembelian saham METROD dan seperti saya jawabkan tadi, Ketua Pendaftar menganggap ini sebagai satu kes pertikaian di mana ada ahli koperasi yang

tidak bersetuju dengan pembelian saham METROD ini dan telah mempertikaikan pembelian itu. Oleh yang demikian mengikut akta kita, Ketua Pendaftar boleh menganggap ini sebagai satu kes pertikaian dan akan mengadakan pendengaran dan mendengar kedua-dua pihak, ini tentang isu METROD.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, kalau begitu bolehkah saya bertanya tentang penjualan saham METROD oleh NLFCS yang lebih dipertikaikan oleh ahli-ahli kerana saham ini dijual di bawah nilai sebenarnya. Bolehkah Yang Berhormat memberikan kedudukan muktamad tentang perkara ini kerana seperti yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat telah memberi satu jawapan bertulis pada saya bahawa perkara ini telah dirujuk kepada BPR?

Kedua, tentang KOBENA, adakah kementerian akan menyokong penyenaian KOBENA, sungguhpun ia dalam keadaan rugi iaitu kedudukan prestasi kewangan ia masih mengalami kerugian terkumpul? Kalau begitu adakah ini merupakan satu precedent yang membolehkan semua koperasi yang lain, sungguhpun mereka menghadapi kedudukan rugi, mereka pun boleh disenaraikan dalam BSKL?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan saham METROD seperti saya katakan tadi, ada orang yang mempertikaikan pembelian ini dan mengatakan itu dan ini. Oleh yang demikian, Ketua Pendaftar akan mengadakan satu pendengaran dan mendengar kedua-dua pihak dan sebelum pendengaran ini selesai, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberi apa-apa jawapan yang lebih lanjut.

Berkenaan KOBENA seperti yang saya katakan tadi, kedudukan kewangan adalah lebih baik dari dahulu dan Jabatan Koperasi berusaha dengan seberapa banyak yang bolehlah untuk menolong KOBENA ini supaya boleh dipulihkan 100 peratus.



Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas mengatakan bahawa peruntukan belanja pembangunan koperasi bagi negeri Sarawak tidak begitu banyak. Kementerian sedar peruntukan yang diberi kepada negeri Sarawak tidak banyak. Atas permintaan Yang Berhormat, kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk menambahkan peruntukan untuk negeri Sarawak seterusnya kerana perkara kedudukan koperasi Sarawak inipun dibangkitkan oleh satu, dua wakil rakyat yang lain. Saya sendiri akan melawat dan melihat kedudukan koperasi di negeri Sarawak bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat yang berminat.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu mengemukakan beberapa soalan mengenai koperasi. Bilangan koperasi berdaftar sehingga 31hb. Oktober 1996 sebanyak 3,705 buah. Terdapat lebih kurang 320 buah koperasi yang kurang aktif atau 90 peratus dari jumlah keseluruhan koperasi yang berdaftar pada 31hb. Disember 1995. Lebih kurang 140 buah telah dipulihkan sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Bilangan koperasi yang dibatalkan bagi 1996 sehingga 31hb. Oktober, berjumlah 35 buah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan isu berkenaan dengan peruntukan RM20 juta kepada SALCRA bagi tahun 1997.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)]

***mempengerusikan Jawatankuasa]***

SALCRA adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak, Ordinan 1976 pada 1hb. Mei 1996 dan segala urusan perjalanannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak lebih kurang RM122.4 juta telah diperuntukkan kepada SALCRA. Bagi tahun 1997, sebanyak RM20,920,000 telah diperuntukkan di mana RM20 juta adalah pinjaman dan RM920,000 merupakan grant.

Peruntukan sejumlah RM20 juta yang diluluskan adalah untuk pembangunan tanah-tanah adat yang di bawah bidang kuasa SALCRA. Sehingga kini, 36,000 hektar tanah adat telah dibangunkan. Peruntukan tambahan boleh dipertimbangkan dari masa ke

semasa berdasarkan kepada keperluan pendekatan yang digunakan bagi membangunkan tanah adat oleh SALCRA adalah secara berkelompok.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyoal kenapa sekeping tanah sebanyak 3 ekar di hadapan Ocean Supermarket di Kelang diambil alih oleh Majlis Perbandaran Kelang untuk padang letak kereta kerana pemilik tanah sendiri ingin membina padang letak kereta juga.

Izinkan saya menjawab seperti berikut. Kerajaan Persekutuan, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang dan telah mengambil maklum mengenai perkara ini. Kerajaan Persekutuan telah menarik perhatian Kerajaan Negeri Selangor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju untuk menyelesaikan isu ini dengan cara yang sebaik mungkin.

**Dr. Lee Chong Meng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah difahamkan bahawa kes ini pun telah dibangkitkan di peringkat kabinet pada bulan Oktober 1996 dan perbincangan telah dijalankan dengan terperinci dan keputusan pun telah dibuat bahawa ramai menteri pun telah menyokong bahawa tanah ini perlu dikembalikan kepada pihak tuan punya tanah yang asal untuk pembangunan kompleks komersial termasuk 1,400 lot-lot tempat letak kereta.

Saya tidak faham macam mana pihak Majlis Perbandaran Kelang tidak menghormati keputusan Kabinet dan isu ini sampai sekarang belum diselesaikan. Saya ingin membangkitkan soal ini berkenaan semangat menghormati keputusan Kabinet kerana ini sangat merbahaya untuk pentadbiran negara.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, tidak dinafikan bahawa perkara ini pernah dibincangkan dalam Jemaah Menteri, tetapi saya hairan macam mana Ahli Yang Berhormat boleh tahu berapa orang menteri menyokong atau tidak menyokong.

Seperti saya katakan tadi, Kerajaan Persekutuan telah menarik perhatian Kerajaan Negeri Selangor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bersetuju untuk menyelesaikan isu ini dengan cara yang sebaik mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan kerajaan negeri yang tidak mengikut arahan Jemaah Menteri tentang pengambilan tanah persendirian sehingga pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah selesai.

Tuan Pengerusi, adalah benar Kerajaan Persekutuan sedar bahawa ada terdapat kerajaan negeri yang terus mengambil tanah bagi maksud pembangunan ekonomi di bawah seksyen 3B Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerajaan Persekutuan akan terus mengawasi dan mengesan perkara agar ianya tidak berterusan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memandangkan bahawa kerajaan sedar bahawa ada kerajaan negeri yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kabinet, apakah tindakan yang akan diambil? Sungguhpun kita sedar kalau kita tidak mengambil sebarang tindakan, itu tidak bererti dan tidak berguna. Kalau memang ada kerajaan negeri yang ingkar, kita harus mengambil tindakan supaya menunjukkan bahawa keputusan yang dicapai oleh Kabinet berkesan dan berkuasa. Kalau tidak, saya rasa dasar negara akan dipermainkan-mainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan Persekutuan sudah mengambil tindakan untuk memberi peringatan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang

berkenaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, masalah tanah adalah di bawah bidang kuasa pentadbiran negeri.

Yang Berhormat dari Kota Melaka pun telah membangkitkan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** .....telah menuduh berlakunya rasuah dalam Pejabat Tanah.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu luas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi ya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Saya berharap, jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai rasuah di mana-mana Pejabat Tanah, beliau akan melaporkan dengan segera kepada Badan Pencegah Rasuah dengan butir-butir yang lengkap untuk tindakan sewajarnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tentang permintaan Yang Berhormat, saya telah berbuat demikian. Malah, Badan Pencegah Rasuah merupakan salah satu jabatan kerajaan yang saya kerap melawati dan ini boleh disahkan dengan Jabatan BPR di Melaka. Bukan sahaja Pejabat Tanah, tetapi Jabatan Imigresen di mana ada kes rasuah seks yang pertama didedahkan di Malaysia pun berlaku di Melaka pun atas usaha saya. So, saya rasa itu bukan satu perkara yang jarang berlaku.

Tetapi yang penting ialah tentang arahan Kabinet yang tidak dipatuhi. Kalau kita hendak menegakkan arahan Kabinet, kalau sekadar memberikan peringatan, saya rasa tidak cukup. Kalau memang jelas dan memang benar bahawa kerajaan negeri telah melanggar arahan Kabinet, adakah pihak kerajaan akan mengarahkan kerajaan negeri memulangkan tanah yang diambil secara paksa daripada tuan punya tanah kerana Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) masih belum diluluskan.

Kalau tidak ada sebarang tindakan diambil, sekadar memberikan peringatan berulang-ulang, ini tidak lain sekadar melepaskan batuk di tangga dan tidak bererti langsung. Oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak kerajaan boleh mengarahkan sama ada kerajaan negeri memulangkan tanah tersebut kepada tuan punya tanah yang mereka sudah ambil dengan kadar pampasan yang amat rendah sekali, ataupun benar-benar

membekukan semua proses pengambilan tanah supaya prestasi dan kewibawaan Kabinet boleh dikekalkan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, Kerajaan Persekutuan sedar tentang perkara ini dan perkara ini adalah dalam perhatian dan tindakan Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tindakan untuk mengambil balik adakah Yang Berhormat bersetuju untuk memberi pampasan?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Saya tidak beri jalan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, kerana Yang Berhormat tidak jawab perkara ini, Yang Berhormat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** .....memberikan jawapan yang sangat menyeluruh tetapi untuk perkara ini saya harap secara spesifik boleh jawab.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah arah kerajaan negeri memulangkan tanah yang mereka ambil secara paksa, yang tidak mengikut kabinet? Harap beri jawapan.....*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cukuplah. Dia tidak beri jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Ahli Yang Berhormat dari Yan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Jawablah, jangan lari.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kota Melaka....

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu perkara penting, Tuan Pengerusi. Saya harap ini secara ikhlas. Saya harap boleh jawab. Ini bukan perkara politik, ini perkara asas, perkara dasar, kewibawaan Barisan Nasional, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kota Melaka.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Yan...

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu jawab, Yang Berhormat. Minta duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** ...mencadangkan supaya tanah rizab Melayu dimajukan oleh golongan korporat dan bukan oleh orang bukan Melayu. Kerajaan sedang mengkaji strategi-strategi pembangunan tanah rizab Melayu dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** Beliau juga mengatakan bahawa tanah rizab Melayu yang dibatalkan patut digantikan. Di bawah perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri adalah dikehendaki menggantikan tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kota Melaka hendak minta jalan, hendak beri atau tidak?

**Dr. Goh Cheng Teik:** ...dengan tanah yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan keluasan yang tidak melebihi kawasan tanah yang telah dibatalkan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri,  
Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Beliau juga membangkitkan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** ....soal pajakan tanah rizab Melayu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri,  
Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** .... kepada orang bukan Melayu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Nanti dulu, nanti dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, nanti akan beri ya. *[Ketawa]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** Pajakan tanah rizab Melayu kepada orang bukan Melayu tidak dibenarkan oleh enakmen-enakmen rizab Melayu. Mana-mana tanah rizab Melayu yang telah dipajakkan kepada orang bukan Melayu adalah tidak sah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian kalau tanah rizab termasuk tanah rizab Melayu yang telah diambil alih oleh pihak kerajaan, sungguhpun seperti Yang Berhormat katakan tadi dibekukan, termasuk tanah rizab Melayu pun diambil oleh pihak kerajaan negeri. Adakah ini sah atau tidak? Adakah pihak kementerian akan mengarahkan supaya ia dibekukan atau kadar bayaran pampasan yang lebih adil dan lebih tinggi dibayar. Saya harap Yang Berhormat boleh menjawab soalan ini. Tidak guna kita berikan peringatan kepada kerajaan negeri yang ingkar, yang melanggar arahan oleh kabinet. Kalau ini berlaku, ini bermakna bahawa tidak ada sistem kerajaan dalam Malaysia, kucar kacirlah! Di mana arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat tidak bererti, tidak berguna langsung.

**Seorang Ahli:** Tak berwibawa!

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, sekiranya tanah rizab Melayu diambil oleh kerajaan untuk kegunaan orang Melayu, ini memang sahlah. Tetapi....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tentang bayaran pampasan?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tentang bayaran pampasan, ini mengikut undang-undang ditetapkan oleh pihak pentadbir tanah dan sekiranya pihak pemilik tanah tidak berpuas hati, boleh bawa ke mahkamah untuk keputusan mahkamah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Isu ini bukan tentang undang-undang. Kita faham tentang undang-undang. Peruntukan undang-undang atau proses rayuan oleh pihak tuan punya tanah. Dia mesti buat borang N, lepas ini buat rayuan kepada Mahkamah Tinggi tetapi soal pokoknya, apabila arahan dikeluarkan oleh Kabinet, bekukan semua pengambilan tanah kerana di bawah seksyen 3B ini adalah tidak adil kepada tuan punya tanah sehingga rang undang-undang ini dipinda, baru dijalankan.

Kalau ini tetap berlaku, sungguhpun melanggar arahan kabinet, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa arahan mesti dikeluarkan kepada kerajaan negeri, pulangkan tanah yang diambil secara tidak mengikut peraturan atau 'irregularly acquired', dengan izin, saya tidak mahu cakap haram, but irregularly acquired atau kalau tidak sehingga pindaan ini diluluskan oleh Parlimen. Kalau tidak, tidak guna pergi mahkamah kerana mahkamah pun tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada. Kita hendak tunggu rang undang-undang baru di mana bayaran wang pampasan yang lebih adil dan lebih tinggi diberikan kepada tuan punya tanah.

Saya harap Yang Berhormat jangan lari daripada soal pokok, sangat mudah! Jawab, apakah tindakan yang diambil ke atas kerajaan negeri yang engkar arahan Kabinet. Ini bukan sahaja di negeri Melaka, di seluruh Malaysia berlaku, inilah



penyalahgunaan kuasa, penyelewengan penswastaaan tanah yang berlaku dalam negara kita. Sekian.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, kementerian saya akan memberi perhatian kepada pandangan Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekiranya ada orang di peringkat kerajaan negeri tidak mengikuti arahan Kerajaan Persekutuan, beliau memang menghadapi risiko politik kalau tidak ada risiko undang-undang. *[Tepuk]* Jadi, nasib baik Barisan Nasional mempunyai disiplin dan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan lain atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu tuan punya tanah jadi korban.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Gajah berlawan kancil mati ditengah-tengah. Itulah yang berlaku.....*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan, minta jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Saya rasa saya sudah beri cukup peluang kepada Ahli Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tahu, Yang Berhormat ingat saya tahu tetapi minta jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Jadi, saya haraplah Ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan mengorbankan tuan punya tanah.

**Dr. Goh Cheng Teik:** ...kerana.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Mereka tidak berdosa, mereka tidak bersalah. [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan, Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mereka tidak bersalah, mengapa mereka mesti dikorbankan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak adil.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat pun ada peluang dalam sesi yang lain untuk terus membahaskan perkara ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tanah sudah diambil, mana ada peluang lagi? [*Ketawa*]  
Tuan Pengerusi, itu penting. Tanah mereka sekarang sudah diambil.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari.....

**Tuan Lim Guan Eng:** You ada banyak tanah, tidak ada masalah. [*Ketawa*]  
Tetapi untuk mereka yang tidak ada tanah, susah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biar dia teruskan jawapannya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu perkara penting, Tuan Pengerusi.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Ahli Yang Berhormat dari Yan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, dia tidak mahu beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** .....telah membangkitkan tentang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Kota Melaka.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan menyekat perolehan tanah oleh orang asing. Kanun Tanah Negara

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Goh Cheng Teik:** .....telah di.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, minta jalan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Okay.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam saya membangkitkan ataupun tiga perkara pokok mengenai tanah rizab Melayu. Pertama adalah kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencerminkan satu pandangan dan sikap baru terhadap nilai komersial tanah rizab Melayu.

Yang keduanya, kenyataan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi sendiri lebih kurang dua, tiga minggu yang lalu, yang juga mencerminkan satu sikap baru pihak pemerintah terhadap nilai komersial tanah rizab Melayu.

Yang ketiganya adalah tanggapan konvensional seluruh masyarakat Melayu terhadap tanah rizab Melayu di mana tanah rizab Melayu tidak mempunyai nilai

komersial dan tanah rizab Melayu harus diberi perlindungan yang seketat-ketatnya, dengan izin, with full jealousy.

Jadi, saya minta Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi memberi satu garis panduan yang jelas, apakah masa hadapan tanah rizab Melayu dan apakah nilai komersial tanah rizab Melayu menerusi perundangan dan lain-lainnya? Jadi, saya harap Dato' Timbalan Menteri memberi penjelasan mengenai hal ini sebelum berpindah kepada Yan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, seperti Ahli Yang Berhormat sebagai seorang tokoh politik yang berpengalaman sedia maklum, perkara tanah rizab Melayu ini adalah satu perkara besar, satu perkara penting yang dijamin dalam Perlembagaan kita.

Oleh yang demikian, kita haruslah teliti perkara ini dengan baik dan tidak mengambil apa-apa keputusan secara tergesa-gesa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO telah menyuarakan pandangan beliau dan telah memulakan proses fikiran secara baru tentang isu ini.

Kementerian lebih suka pada waktu ini mendengar pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dan juga golongan masyarakat yang lain sebelum membuat apa-apa kesimpulan, masa untuk kesimpulan belum sampai. Perkara ini dibincangkan dalam Majlis Tanah Negara baru-baru ini, dan kerajaan negeri juga diminta memberi pandangan mereka supaya masalah ini boleh diselesaikan dan kepentingan orang Melayu dipertahankan dengan sebaik-baiknya. Berkaitan dengan.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi. Adakah ini bermakna bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang dalam proses

untuk menjalankan kajian yang terperinci terhadap nilai ekonomi Tanah Rizab Melayu dan pendekatan-pendekatan bagaimanakah Tanah Rizab Melayu ini boleh diberi perlindungan perundangan, dan pada waktu yang sama memberi nilai komersial kepada tanah berkenaan? Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Memang begitu, Tuan Pengerusi. Tentang tanah yang diperolehi oleh orang asing, Kanun Tanah Negara telah dipinda pada tahun ini melalui Akta A/1941 untuk mengawal pemilikan tanah oleh orang asing atau syarikat asing. Mereka mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa negeri sebelum memperolehi tanah, dan juga dikehendaki membayar levi sejumlah RM100,000.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah mengatakan bahawa harga tanah Rizab Melayu hendaklah sama dengan harga tanah bukan Rizab Melayu. Harga pasaran tanah Rizab Melayu adalah ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran atau dalam bahasa Inggeris 'market forces'. Adalah tidak benar tanah Rizab Melayu perlu dinilai dengan harga yang lebih rendah. Tinggi-rendahnya, harga akan ditentukan oleh sama ada tanah Rizab Melayu itu merupakan penghalang atau sekatan dalam hak milik berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong mencadangkan supaya sistem pentadbiran tanah yang lebih cekap diwujudkan. Usaha-usaha yang berterusan sedang diambil oleh kementerian saya untuk meningkatkan sistem pentadbiran tanah. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah mengadakan sejumlah 43 kursus.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dr. Goh Cheng Teik:** .....dalam pelbagai aspek - nanti Yang Berhormat ya - pentadbiran dan perundangan tanah bagi sejumlah 1,749 pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah dan agensi kerajaan pada tahun 1995. Di samping itu, Mesyuarat Pengarah-

pengarah Tanah dan Galian Malaysia dan Persidangan Pentadbir Tanah Malaysia diadakan dari masa ke semasa untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam pentadbiran tanah dan mencari penyelesaian ke atasnya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, untuk pembetulan rekod. Saya tidak pernah membahaskan masalah kecekapan pentadbiran tanah. Apa yang saya cakapkan saya telah pun nyatakan in a nut shell tadi, tiga perkara mengenai tanah Rizab Melayu. Jadi, saya harap ada satu kecekapan di dalam reporting di kalangan kakitangan kerajaan supaya saya tidak bercakap benda ini dikatakan saya bercakap. Ini semata-mata untuk kebaikan kita bersama. Jangan nanti saya tak bercakap, dikatakan saya bercakap, sedangkan apa yang saya katakan tidak mendapat perhatian. Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat dari Jelevu telah membangkitkan kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi berhubung dengan Pejabat-pejabat Tanah. Tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan kementerian saya tidak mempunyai hubungan yang terus dengan Pejabat Tanah. Walau bagaimanapun, kementerian saya melalui Majlis Tanah Negara sentiasa menggubal dasar dan perundangan untuk pemakaian pentadbiran tanah negeri.

Tentang soal penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah kerajaan, pentadbir-pentadbir tanah mempunyai kuasa di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara untuk mengusir keluar orang yang menduduki tanah kerajaan secara haram dan mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah mengadakan kursus-kursus penguatkuasaan dan pendakwaan untuk melatih pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan. Perkara ini terpulang kepada pihak negeri untuk menjalankan tindakan tegas dan berkesan.

Tentang permohonan tanah kerajaan oleh kakitangan kerajaan, sebagai warganegara semua pegawai dan kakitangan kerajaan berhak memohon tanah kerajaan. Tetapi kelulusan ke atas permohonan tanah adalah terletak kepada pihak berkuasa negeri.

Berkenaan dengan peneroka-peneroka yang telah terima 10% daripada harga pembelian tanah di Negeri Sembilan, setakat ini hanya Felda LBJ dan Sendayan yang telah menerima 10% daripada harga pembelian tanah di Negeri Sembilan. Berkenaan dengan satu koperasi yang telah ditandatangani satu perjanjian dengan Tan & Tan, saya dimaklumkan bahawa koperasi ini ialah koperasi Felcra, bukan koperasi Felda. Kementerian saya akan rujuk kepada kementerian yang bertanggungjawab bagi Felcra untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi,.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita dapati bahawa peneroka-peneroka yang bernasib baik ini akan mendapat begitu banyak habuan daripada tanah yang telah mereka terokai, boleh dikatakan hampir 20 tahun. Adakah kementerian mempunyai satu perancangan yang terbaru sama ada menjual tanah-tanah kawasan baru kepada mereka supaya wang yang diperolehi itu tidak akan habis begitu sahaja. Kerana saya difahamkan jurujual-jurujual telah menyerang kawasan-kawasan ini dan telah menjual berbagai-bagai jenis barangan. Saya percaya penuh bahawa apabila mereka mendapat ganjaran sepenuhnya, saya kira duit itu telah habis untuk dibeli barang-barang. Jadi, adakah pihak kementerian akan merancang untuk memastikan mereka ini diberi pelaburan yang baik ataupun mereka ini dibayar secara bon dan sebagainya demi untuk menjaga kepentingan mereka sendiri? Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan Felda boleh timbangkan cadangan itu. Sekiranya ada perkara yang saya tidak jawab.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun.

**Dr. Goh Cheng Teik:** .....pegawai saya pun telah mengambil perhatian dan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalankah kepada Jelebu?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan peneroka Felda. Saya difahamkan setakat ini ramai peneroka yang telah diambil tindakan kerana melakukan kesalahan-kesalahan sama ada menjual buah tuaian keluar daripada kilang sawit ataupun melakukan jenayah-jenayah yang berkaitan dengan dadah, mencuri, pecah rumah dan sebagainya. Tetapi di kalangan peneroka-peneroka yang telah diambil tindakan, yang diarahkan untuk meninggalkan rumah masih lagi terdapat di dalam kawasan-kawasan rancangan.

Soalnya, bagaimanakah agaknya Felda hendak menyelesaikan masalah itu untuk menjaga keadaan ketenteraman di dalam Felda di kalangan peneroka-peneroka yang lain yang mana pesalah-pesalah sudah pun dikenal pasti, tetapi setakat hari ini Felda tidak berdaya untuk menyingkirkan mereka keluar daripada rumah berkenaan. Jadi, saya ingin bertanya apakah tindakan dan langkah kementerian ke arah ini? Terima kasih.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang tepat supaya pihak Felda dan kementerian saya boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.



**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya ingat perkara ini tidak payah saya memberitahu maklumatnya. Bila wakil rakyat memberitahu maklumat, nanti lain ceritanya. Pengurus Felda di mana skim-skim Felda itu ada, sudah tahu, sudah ada rekod. Jadi, saya ingat perkara ini harus diselesaikan untuk menjaga keadaan yang ada terutama bagi peneroka yang masih tinggal. Itu penjelasan yang saya pohon.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya akan menyiasat aduan Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM233,972,900 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM233,972,900 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM283,386,700 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM283,386,700 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.44 [Jadual] -  
Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk di bahas sekarang. Tanjong.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Saya ingin menyebut Butiran 010000, 020000 dan 030000.

Tuan Pengerusi, semasa perbincangan Rang Undang-undang (Pindaan) Penyiaran, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan masa menggulung, beliau ada kata, beliau ada satu surat yang menunjukkan bahawa pendirian saya salah. Pendirian saya, apabila saya kata bahawa "*sehingga Rang Undang-undang (Pindaan) Penyiaran menjadi undang-undang bahawa Perkhidmatan Satelit Broadcasting (Astro) tidak sah, dan apa-apa lesen yang ada dikeluarkan oleh Menteri Penerangan pun tidak sah*". Inilah apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dalam *Hansard* - 17hb. Oktober, muka surat 51. "*Yang Berhormat sebenarnya memang ada kuasa untuk memberikan lesen. Berkaitan dengan lesen, kalau boleh, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat bahawa saya ada surat di sini untuk menyatakan bahawa peraturan sekarang adalah meliputi lesen satelit*".

Apabila saya menanya mengenai kandungan dan penulis surat yang begitu misterius ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada mulanya mengelak dengan mengatakan "*apakah saya perlu membaca sekeping surat*"? Selepas itu dia berjanji, saya beri dia selepas ucapan dan saya tunggu beliau di luar Dewan, bila dia muncul dia kata dia tertinggal dalam Dewan dan akan beri kepada saya, tetapi sampai sekarang - tujuh minggu, surat belum datang. Ini sangat mengecewakan, oleh kerana kita tidak mahu Menteri atau Timbalan Menteri yang main-main dalam Dewan ini dan kita mahu mereka mempunyai sikap yang serius. Apa-apa janji yang dibuat dalam Parlimen ini perlu dikotakan.

Di sini saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan kenapa sampai sekarang beliau tidak boleh tunjuk surat itu, yang menunjukkan bahawa perkhidmatan

Astro adalah sah dan Menteri Penerangan ada kuasa untuk memberi lesen, oleh kerana beliau tidak mampu untuk menunjukkan surat itu, adakah Yang Berhormat Menteri Penerangan akan mengakui secara terbuka bahawa beliau sudah melampaui kuasanya, bahawa dia ada bertindak di luar kuasanya apabila beliau mengeluarkan lesen broadcasting satellite kepada Astro.

Saya harap bahawa ini boleh dibuat dengan jelas. Semalam ada laporan bahawa Astro ada mengumumkan tidak akan mengutip yuran bulanan untuk bulan November dan Disember, dan ini saya alu-alukan, oleh kerana sangat jelas bahawa Astro tidak ada kuasa dan undang-undang untuk mengutip bayaran itu sehingga Rang Undang-undang (Pindaan) Penyiaran menjadi undang-undang, diluluskan oleh Dewan Negara, diberi Royal Assent dan digazetkan. Ia boleh dibuat sehingga awal tahun depan dan saya harap kita boleh dapat satu penerangan yang jelas bahawa Kementerian Penerangan tidak ada kuasa untuk memberi lesen satelit sungguhpun Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada Astro tetapi di bawah Akta Telekomunikasi.

Di sini saya rasa sangat prihatin oleh kerana Kementerian Penerangan baru-baru ini ada mengeluarkan amaran kepada tuan punya parabolic antenna di Sarawak dan Sabah bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka kalau mereka tidak dismantle antenna mereka. Adalah dijangka bahawa lebih kurang 40,000 parabolic antenna di Sabah dan Sarawak dan semua ini di pasang sebelum satellite broadcasting ada diperkenalkan di Malaysia semacam perkhidmatan Astro dan sebenarnya tuan punya parabolic antenna patut dipuji oleh kerana mereka di depan kerajaan dalam zaman information technology dan sangat short-sighted dan wasteful, kalau kerajaan mahu mereka semua 'dismantle antenna' ini.

Saya cadangkan bahawa apa yang kerajaan patut buat ialah membenarkan kesemua 40,000 tuan punya parabolic antenna terus menggunakan antenna mereka sehingga antenna ini menjadi obsolete kerana kemajuan satellite broadcasting dan bukan oleh kerana arahan daripada Kementerian Penerangan untuk ‘ceased dan destroyed”. Saya percaya bahawa semua 40,000 tuan punya parabolic antenna di Sabah dan Sarawak tidak boleh bersetuju kalau ada satu token bayaran dikenakan. Saya harap ini adalah satu sikap yang lebih enlightened yang akan digunakan oleh Kementerian Penerangan.

Di sini saya mahu sebut mengenai perkhidmatan penyiaran, khususnya mengenai kes 3P (Persidangan Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca) di peringkat kebangsaan dan juga mengenai program perkhidmatan penerangan untuk menerangkan secara mendalam mengenai dasar-dasar kerajaan bagi mewujudkan masyarakat maklumat sejajar dengan pembangunan semasa.

Tuan Pengerusi, di sini sangat mustahak bahawa di dalam melaksanakan program penerangan kementerian ini, di antara objektif lain untuk menyebarkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti kerajaan melalui media massa serta mengadakan perhubungan yang rapat antara agensi-agensi kerajaan dengan pihak media massa di dalam dan di luar negara bahawa pihak kementerian tidak memutar belitkan apa yang berlaku di dalam tanah air kita. Satu contoh yang baik ialah apa yang berlaku dalam satu 3P iaitu satu mesyuarat Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca di mana satu Memorandum of understanding ada ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan counterpartnya di Indonesia yang diadakan di Palembang iaitu Memorandum of Understanding between Listeners, Viewers and Readers Group of Kampung Belimbing Dalam, Melaka dan Viewers, Readers dan Listeners Group Melati Putih, South Sumatera di Palembang, minggu lalu dan dalam upacara ini, Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam ucapannya adalah, dengan izin, clarify apa yang berlaku apabila ada satu pasukan

pemuda dalam Barisan Nasional, dengan izin, lawless and gangsterish break-up at APCET Meeting di Kuala pada 9hb November.

Dan ini dalam *The New Straits Times*, dengan izin, saya petik:

*“In his speech, Mohamed Rahmat said the success and rapid development of both nations had made several groups very unhappy, especially the foreign media and non-governmental organisations.*

*As an example, he said, several NGOs had made an attempt to hold the Second Asia Pacific Conference on East Timor in Kuala Lumpur recently, despite the Malaysian Government imposing a ban on the conference.*

*He said that Malaysia was of the opinion that the East Timor was an Indonesian internal affair.*

*Malaysia believes in the wisdom of Indonesia, under the Golkar administration, led by President Suharto, to resolve the problem in their own way.*

*If the Indonesian people had no confidence in the present administration, surely Golkar would not have been given a further mandate to rule the country”.*

Dan beliau dilaporkan diberi ‘thunderous applause’ oleh lebih daripada 300 tetamu yang ada menjadi saksi dalam upacara itu.

Tuan Pengerusi, inilah ucapan Yang Berhormat Menteri Penerangan ‘most unfortunate’, oleh kerana memberi dua impression yang tidak baik.

Yang pertama, bahawa menteri-menteri Malaysia tidak ada perasaan malu, tidak ada perasaan kesal dengan apa yang berlaku dalam APCET meeting, apabila mesyuarat

itu dicerobohi oleh sepasukan Pemuda-pemuda daripada Barisan Nasional dengan tindakan yang lawless dan gangsterish itu dan memberi nama buruk kepada negara.

Yang kedua, apa yang lebih dahsyat ialah memberi satu gambaran bahawa seorang Menteri Kabinet dalam perhubungan dengan negara yang lain, ada sikap tidak ada dignity tetapi dengan izin, grovelling to another country. Dan sepatutnya memberi penjelasan dengan hormat, dignity sebab-sebab kenapa kerajaan tidak bersetuju dengan mengadakan Mesyuarat APCET II dan bukan grovelling attitude dan adalah bahagian yang tidak benar bahawa kerajaan sudah 'ban', mengharamkan APCET II Meeting, oleh kerana tidak ada 'ban'.

Kenapa Menteri Penerangan boleh kata, ini sudah di'ban'kan, diharamkan dan inilah sangat musatahak dan saya harap dan sebenarnya, saya ingat bulan Oktober, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Pengerusi Backbenchers Club dalam ucapannya mengenai pekerja asing, pekerja haram, ada kata, jangan kita adakan satu 'big brother attitude' di antara perhubungan Malaysia dan Indonesia.

Kenapa kita ada Menteri Penerangan dalam upacara ini menunjukkan menerima 'big brother attitude', 'grovelling attitude'.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya! Di sini saya harap, oleh kerana ini bertentangan dengan objektif penerangan dan patut menjadikan perhatian kita dan akhirnya, saya harap bahawa sungguhpun kita mahu memupuk perhubungan yang baik di antara Malaysia dan Indonesia, bahawa kita tidak kompromi, sovereignty dan self-respect kita dalam apa-apa bidang dan ini patut menjadi satu ingatan kepada Kementerian Penerangan dalam menjalankan tugasnya untuk program Perkhidmatan Penerangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong.

**4.44 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 dengan pecahan Program 020100 - Rancangan dan 020400 - Pengesanan Siaran, sekaligus.

Tuan Pengerusi, sebelum itu saya minta izin setengah minit bagi pihak seluruh Ahli-ahli BBC, saya merakamkan ribuan terima kasih dan Selamat Bersara kepada Saudara Abdul Razak bin Othman yang ada di hujung sana. *[Encik Abdul Razak bin Othman memberi hormat kepada Dewan]*

Dia telah 30 tahun bertugas iaitu dari tahun 1966 hingga 1996 dan telah pun berkhidmat di bawah empat orang Perdana Menteri dan saya rasa kehilangan beliau amat dirasai oleh kami semua. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menumpukan persoalan saya hari ini kepada masalah iklan yang diselang-selikan di dalam, rancangan-rancangan televisyen khususnya.

Tuan Pengerusi, kami mengetahui dan amat insaf bahawa hasil kutipan iklan adalah salah satu daripada wang yang menjanakan aktiviti penyiaran kerajaan di negara ini. Jadi, saya ingin bertanya berapa banyakkah kutipan hasil dari iklan radio dan TV Malaysia yang dapat dikutip setiap tahun. Iklan manakah yang paling banyak menyumbang kepada dana yang dikutip daripada hasil iklan tersebut, adakah iklan rokok mendahului segala-galanya, ataupun iklan komoditi serta produk lain yang mendahului segala-galanya.

Dan pada waktu yang sama, saya ingin mendapat tahu juga rancangan dalam bahasa apakah yang selalunya mendapat tajaan iklan yang paling intensif, bermakna yang paling banyak? Adakah rancangan dalam bahasa Malaysia, adakah rancangan dalam bahasa Inggeris ataupun adakah rancangan dalam bahasa-bahasa yang lain? Adakah

rancangan-rancangan yang bersifat deduktif yang boleh membimbing dan boleh menjana pengembangan minda sering mendapat tajaan iklan secara popular?

Tuan Pengerusi, saya soalkan perkara ini kerana salah satu matlamat penyiaran adalah untuk memaparkan program yang boleh menjana minda, yang membolehkan rakyat negara ini menjajarkan pemikiran mereka dengan masa depan, yang boleh membantu negara ke arah kecemerlangan.

Mengapakah nampaknya program popular sahaja yang mendapat tajaan yang hebat oleh para pengiklan? Contohnya, cerita-cerita komedi yang ada di dalam televisyen, saya kurang pasti dan kurang khusus sama ada televisyen RTM ataupun pihak swasta. Kadang-kadang ada cerita yang kelucuan itu sehingga menimbulkan rasa kejiikan dan ini mendapat tajaan iklan. Tetapi, kalau rancangan yang boleh membina minda kurang mendapat tajaan iklan. Ini saya persoalkan bagaimanakah pihak RTM untuk mengimbangkan kedudukan ini ataupun keadaan yang tidak seimbang ini?

Tuan Pengerusi, seterusnya, apabila kita membicarakan masalah iklan, izinkan saya menyentuh soal trademark advertising ataupun pengiklanan ‘cap dagang’. Trademark advertising yang amat menonjol terhadap produk rokok, menimbulkan satu kekeliruan.

Tuan Pengerusi, sekarang ini Amerika Syarikat sedang mengeksport perniagaan rokoknya ke luar negara menggunakan trademark advertising yang mengelirukan, sedangkan negara berkenaan mempunyai undang-undang yang amat ketat terhadap rokok dan sekatan terhadap perokok.

Pada waktu yang sama, iklan-iklan ini juga memancarkan American dominance ataupun kedominanan Amerika.

**Tuan Henrynus Amin:** *[Bangun]*



**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payahlah, nanti kalau saudara hendak bercakap, selepas ini boleh bercakap, jangan mengganggu aliran pemikiran saya.

Pada waktu yang sama, iklan-iklan ini diselitkan dengan mesej-mesej American dominance ataupun dominan Amerika. Saya mengambil satu contoh iklan yang terdapat dalam billboard tetapi dikhususkan kepada TV dalam hal ini. Apa ‘relevan’nya seekor kuda kepada Malaysia? Tidakkah relevan seekor lembu dan kereta lembu kepada Malaysia? Mana lebih relevan? Seorang berpakaian cowboy dan seekor kuda, turun dari keretapi yang senarionya mungkin latar belakangnya secara umum, boleh dibabitkan dengan Malaysia. Mengapa ditunjukkan iklan itu dan selepas itu dia zoom kepada ‘made in USA’? Ini adalah penonjolan American dominance secara tidak langsung. Bukan saya bersikap dogmatic dalam hal ini, tetapi perkara ini boleh kita elakkan, sekiranya kita mempunyai satu ‘guideline’ yang betul.

Satu lagi, kita dapati macam ada satu ‘trade mark advertising’ yang mengatakan, XYZ Travel. Kalau kita susur betul-betul, adakah syarikat ini mempunyai satu travel agency? Dia mempunyai Syarikat XYZ, dia kata ‘seafarer’, pengembaraan laut. Adakah syarikat ini benar-benar mempunyai satu syarikat pengembaraan laut. Yang ada XYZ Travel sekali lagi dengan satu pengiklanan yang boleh memesongkan. Oleh kerana advertising atau iklan ini adalah satu saluran yang boleh menangkap minat, yang boleh menangkap naluri dengan cepat.

Ada satu lagi, XYZ Cool Planet. Adakah cool planet exists dalam dunia ini atau di ruang angkasa yang lain? Cool planet yang membayangkan hidup yang bebas, hidup yang tanpa batasan, hidup yang penuh dengan santai dan berfoya-foya. Adakah ini relevan dengan kita? Adakah merugikan sekiranya perkara ini tidak diadakan?

Kita cuba ambil iklan-iklan terbitan tempatan, amat bermutu. Saya amat bangga dengan iklan PROTON, iklan Bank Bumiputera menjelang hari-hari perayaan yang menggambarkan penggabungan dan pengemblengan budaya di mana dikaitkan budaya kuda kepang, dengan budaya tarian singa dan sebagainya bertaraf dunia. Adakah kita mahu memberitahu kepada agensi-agensi pengiklanan, jangan diambil secara total perkara yang diimport. Perkara ini harus disesuaikan dengan environment Malaysia dengan latar belakang masyarakat kita.

Satu perkara lagi mengenai iklan, adakah yang minum susu berkhasiat itu orang bukan Melayu? Adakah mereka yang gunakan sabun buku itu sahajalah orang Melayu? Mengapa harus diberi gambaran pembahagian kelas dan masyarakat kepada iklan? Mengapa ditonjolkan orang-orang yang bermuka Euroasian? Mengapa tidak diambil anak-anak kampung dari kampung saya menunjukkan 'the reality of Malaysia'?

Kalau orang daripada luar melihat channel 2 ataupun mungkin TV3, dia tengok, oh.. this is Malaysian. Apabila dia berjumpa kepada masyarakat di luar, this is not Malaysian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta izin, Tuan Pengerusi. Perkara ini saya ketengahkan demi kepentingan bersama supaya di dalam kita mencari-cari Malaysian identity, di dalam kita memanjangkan Malaysian dreams, kita tidak juga memanjangkan identiti asing dan juga tidak memperkayakan ataupun memberi realiti kepada American's dream.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sri Aman.

**4.54 ptg.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, secara keseluruhan saya ingin menyentuh B.44, Program 010100 Pentadbiran dan Kewangan, Program 010200 Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan, Program 030400, Butiran 04900 Tambahan Pemancar FM di Sabah, Sarawak dan Radio 3 Semenanjung.

Jadi, sekali lagi, Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Kementerian Penerangan ini.

Jadi, hasrat Kementerian Penerangan, Tuan Pengerusi, ialah untuk membina satu bangsa Malaysia yang bermaklumat, progresif, berbudaya tinggi dan bersatu-padu untuk mencapai kestabilan politik, ekonomi dan sosial sebagai asas pembangunan negara.

Saya ingin minta Kementerian Penerangan memperbaiki mutu siaran radio bahagian Iban di Sarawak. Pada masa sekarang, penerimaan radio bahagian Iban masih belum jelas di merata tempat di Sarawak. Saya mencadangkan, perkhidmatan satelit Measat digunakan supaya siaran ini dapat didengar di seluruh Malaysia. Pada masa sekarang, rakyat Malaysia keturunan Iban ramai bermastautin di seluruh Malaysia, Singapura dan Indonesia. Kemudahan untuk penyiaran bahagian Iban di Pejabat RTM di Kuching juga mesti dinaikkan taraf. Pada masa sekarang, bahagian ini ditempatkan di satu bilik yang kecil, yang mengandungi kelengkapan yang dibekalkan pada tahun 60-an. Bilik itu juga, Tuan Pengerusi, tidak meyakinkan dan tidak membanggakan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di sana. Jumlah pegawai-pegawai yang bertugas di bahagian Iban juga harus ditambah dan jawatan-jawatan mereka juga patut dinaik taraf supaya perkhidmatan mereka akan bertambah tinggi. Pada masa sekarang, tidak seorang pun pegawai wanita yang telah diambil bertugas di bahagian Iban secara lantikan tetap. Saya minta seorang pegawai wanita lantikan tetap untuk menyahut permintaan dari pelanggan wanita kita.

Saya sekali lagi minta lesen televisyen dimansuhkan. TV sekarang ialah satu kemudahan asas. Ia juga susah dikesan, kos penguatkuasaan adalah tinggi dan keberkesanan pengesanan diragukan. Jika kenyataan ini dipertikaikan, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sejak 1990, berapa kalikah perjalanan untuk mengesan pemilik TV telah dibuat ke Hulu Lubok Antu, Hulu Rejang, Hulu Baram dan Dataran Kelabit di Sarawak dan pedalaman di Sabah dan jumlah tangkapan yang telah dibuat?

Tambahan pula, Tuan Pengerusi, pemilik-pemilik TV sekarang sudah menjadi, dengan izin, 'captive audience' dan mangsa pengiklan-pengiklan yang disentuh oleh rakan kita dari Parit Sulong tadi. Dan pengiklan-pengiklan ini menjual produk-produk mereka. Jadi, sudahlah pemilik TV kita menjadi mangsa.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah 'delayed broadcast' ataupun siaran yang sejam dikemudiankan melalui Astro dan melalui Mega TV. Saya rasa kita janganlah mengamalkan ini, oleh kerana saya rasa stesen-stesen penyiaran telah membuat penelitian, masa satu yang boleh disiarkan. Mereka juga ada moral mereka sendiri dan saya rasa pihak penyiar juga tidak akan mempamerkan, tidak akan menyiarkan sesuatu yang lucah. Saya rasa stesen yang menyiarkan sesuatu itu, kalau sesuatu itu lucah, saya rasa kita boleh buat penelitian dan kita jangan siarkan stesen itu.

Tetapi saya rasa kebanyakan yang disiarkan di Malaysia ini, Tuan Pengerusi, seperti CNN, Discovery dan kartun itu, saya nampak tidak ada unsur-unsur yang lucah dan saya rasa penyiaran itu haruslah dibuat secara 'real time'. Saya rasa, kalaulah ia dibuat secara 'real time', Tuan Pengerusi, kita akan beruntung, kita tidak akan ketinggalan zaman. Oleh kerana pada dunia sekarang, Tuan Pengerusi, kalaulah ketinggalan satu jam pun, kita sudah ketinggalan. Oleh kerana kalau kita hendak, dengan izin, 'check stock market' di London, di New York, dan selepas itu kita hendak memanggil remisier kita, maklumat yang kita beri kepada remisier kita itu, kalau kita hendak beli saham, jual saham adalah satu jam di belakang orang yang lain. Jadi, ini merugikan kita semua. Kita berhasrat hendak membuat itu, hendak membuat ini dengan komputer kerana kita tidak mahu ketinggalan dan saya rasa 'delayed broadcast' ini 'membunuh' semangat kita.

Jadi, saya haraplah kerajaan lebih-lebih lagi kementerian akan menimbang dan di mana yang memang lucuh, unsur-unsur yang memang tidak baik, tidak bermoral, kita jangan siarkan, jangan buat langganan kepada stesen itu atau siaran itu. Tetapi saya rasa yang diakui oleh masyarakat dunia itu boleh diterima seperti CNN, Discovery, saya rasa kita janganlah delay sampai satu jam. Jadi, dengan harapan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat.

**5.01 ptg.**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 010000; Program 010200 - Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan; Butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Penerangan ini dengan mengimbas kembali cadangan Menteri Penerangan untuk menubuhkan sebuah Majlis Media Malaysia. Badan ini jelas penting bagi memastikan semua pengamal media memahami tanggungjawab perundangan dan juga polisi negara. Bagaimanapun sehingga kini tidak terdapat sebarang tanda-tanda bahawa Majlis Media Malaysia yang dicadangkan itu akan ditubuhkan, sedangkan perkembangan pesat di bidang media-massa sekarang ini memerlukan satu kawalan bersepadu daripada kerajaan agar ia tidak mendatangkan kesan negatif pada rakyat. Saya minta persoalan seperti ini mestilah disegerakan dan selain daripada itu juga dalam bidang pengisian orang-orang yang akan menduduki dalam jawatankuasa ini mestilah orang yang benar-benar mempunyai kemampuan.

Tuan Pengerusi, negara sedang mengalami kegoncangan daripada ledakan teknologi maklumat dan penyiaran. Jika sedekad dahulu kita hanya mempunyai 3 saluran televisyen, kini ia bercambah kepada hampir 30 saluran hasil perkembangan

pesat bidang penyiaran. Sudah tentu perkembangan ini sedikit-sebanyak memberi kesan kepada norma hidup tempatan, bercanggah dengan aspirasi kebangsaan dan tidak kurang juga menggugat polisi negara.

Memang ada masanya kerajaan bertegas dalam memastikan perkembangan industri penyiaran tidak menjejaskan perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi, tetapi dalam banyak keadaan kerajaan khususnya Kementerian Penerangan akhirnya terpaksa berlembut dengan kuasa dan kehendak pasaran atau terperangkap dengan jerat yang dipasangnya sendiri.

Tuan Pengerusi, salah satu contoh yang ketara adalah usaha mendaulatkan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa negara ini.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak ada masa, Tuan Pengerusi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang Berhormat hari ini baca *Harakah* atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saluran-saluran TV dan radio tempatan, kerajaan ingin mensyaratkan semua rangkaian televisyen menggunakan 60% Bahasa Melayu dan 40% bahasa lain dalam program-program yang ditayangkan.

Sehubungan dengan itu permintaan syarikat televisyen swasta seperti Metro Vision untuk kegunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar telah ditolak. Alasannya mudah iaitu penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tetap diutamakan. Bagaimanapun kajian yang dibuat oleh sebuah televisyen swasta, TV3 pada September 1995 mendapati TV2 yang dimiliki oleh kerajaan adalah stesen televisyen kedua paling

banyak menggunakan bahasa Inggeris iaitu sebanyak 206 jam atau 59.71% seminggu berbanding Metro Vision. Di tempat teratas dengan 210 jam atau 66.04% bagi tempoh yang sama.

Tuan Pengerusi, malah kajian perkhidmatan sumber maklumat TV3 itu juga mendapati TV2 adalah stesen paling sedikit menyiarkan rancangan Bahasa Melayu iaitu hanyalah 29 jam seminggu atau 8.41%. Mungkin perkara ini telah pun disedari oleh pihak kementerian, tetapi kerana pihak kementerian acuh tidak acuh tidak ada tanggungjawab, maka persoalan ini hanya berlalu begitu sahaja.

Kajian yang sama juga mendapati TV2 sebagai stesen paling banyak menyiarkan rancangan bahasa Inggeris daripada luar negeri iaitu 171 jam seminggu atau 49.57% berbanding Metro Vision dengan 168 jam seminggu. Adakah ini gambaran komitmen Kementerian Penerangan dalam melaksanakan dasar kerajaan sedangkan Kementerian Penerangan sendiri meletakkan matlamat 20% program luar negara dan 80% program tempatan di tahun 2000 bagi semua stesen televisyen tempatan?

Tuan Pengerusi, saya juga kesal dengan sikap double standard kementerian dalam hal mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. TV3 sebagai contoh dilarang menyiarkan berita dalam bahasa Inggeris di waktu perdana, tetapi TV2 dibenarkan berbuat demikian atas pelbagai alasan yang direka-rekakan.

Kita menuntut Kementerian Penerangan supaya bertegas dalam hal ini dan tidak membiarkan kuasa iklan mencemarkan polisi dan dasar kerajaan. Apa yang berlaku sekarang menunjukkan kelemahan penguatkuasaan dan tindal-tanduk Kementerian Penerangan sendiri boleh diibaratkan 'seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul', tetapi dia berjalan tidak betul. Sayang Menteri tidak ada hari ini - malas Menteri Penerangan. Padan dia diturun pangkat! *[Ketawa]*

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:**

Tidak baik, jangan cakap begitu, berdosa!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kena lantik Yang Berhormat dari Parit Sulong jadi Menteri Penerangan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tidak baik mengata orang!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang menarik untuk disentuh adalah keputusan yang dicapai oleh kerajaan dan tiga stesen televisyen utama negara, iaitu TV1, TV2 dan TV3, pada awal tahun lalu untuk menghentikan serta-merta siaran berunsur seks ganas, tahyul dan seram yang melampau dalam semua rancangan televisyen. Ini ekoran teguran Perdana Menteri terhadap tindakan stesen televisyen tempatan yang terus-menerus menyiarkan adegan berunsur seks dan ganas, walaupun tidak disenangi oleh banyak pihak. Difahamkan sebuah stesen televisyen swasta, Metro Vision gagal hadir pada mesyuarat tersebut.....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri minta jalan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Masa hendak habis, masa tidak mengizinkan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tadi, kata 'ketam ajar anaknya jalan lurus'.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Masa tidak mengizinkan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ha! Kita hendak tanya, dia tidak berani pula!



**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak ada masa. Ini bukannya perkara kecil, yang boleh dipandang remeh, kerana keengganan wakil Metro Vision untuk hadir menggambarkan lemahnya pengawalan kerajaan terhadap stesen televisyen swasta. Ini amat menyayatkan, Tuan Pengerusi, selepas ini *Harakah* akan siarkan, insya-Allah. *[Ketawa]*

Pada kesempatan ini saya ingin meminta Kementerian Penerangan supaya mengawasi dengan lebih dekat program-program yang ditayangkan oleh Metro Vision. Akhir-akhir ini difahamkan stesen televisyen terbabit berani menayangkan filem-filem berunsur ganas dan seks dengan berlatar belakang kategori 18 SG, mungkin Menteri faham '18 SG' itu dia faham - tidak payah saya ulas. Memang benar filem-filem seumpama itu ditayangkan pada jam 10.00 malam, tetapi apa yang mendukacitakan, yang menyedihkan ialah iklan berhubung rancangan tersebut ditayangkan pada waktu perdana. Adakah syarikat terbabit boleh menjamin bahawa anak-anak remaja di bawah umur yang menyaksikan promosi rancangan tersebut tidak terangsang untuk berjaga malam bagi mengikuti program berunsur ganas dan seks. Memang benar ibu bapa sepatutnya mengawasi tindak-tanduk anak-anak, tetapi setakat manakah kemampuan ibu bapa dan di manakah letaknya obligasi sosial stesen televisyen swasta tersebut. Metro Vision juga didapati kerap menyiarkan program yang bertentangan dan bercanggah dengan norma hidup tempatan. Apakah kewajaran baginya menyiarkan rakaman pertandingan akhir Ratu Cantik Malaysia/Dunia 1996/1997.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Masa sudah cukup! Sedikit lagi, saya akan gulung. Walaupun dibantah oleh pelbagai pihak, kehadiran Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di dalam program seumpama itu tidak boleh

menafikan hakikat bahawa mempamerkan sebahagian dasar tubuh wanita bukanlah budaya yang serasi dengan Islam dan nilai hidup ketimuran.

Saya amat dukacita apa yang telah berlaku itu dan saya harap persoalan-persoalan seperti ini hendaklah dikawal oleh pihak Kementerian Penerangan yang selalu tidak bertanggungjawab, bukan sahaja kepada Menteri Penerangan bahkan terhadap rakyat dan negara ini. Saya amat berasa dukacita dan sedih. Saya tidak menyokong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pokok Sena.

**5.11 ptg.**

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana beri saya peluang untuk berucap dalam Jawatankuasa tentang Butiran 010200 tentang Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan. Pertama sekali, saya bercakap tentang kementerian ini sama ada dalam kementerian ini ada orang-orang yang cuba hendak sabotajkan filem-filem Melayu ataupun ada pegawai-pegawai yang corrupted, yang tidak memikirkan dengan perbuatan beliau itu, beliau telah membunuh syarikat-syarikat bumiputera yang mengeluarkan filem-filem Melayu. Ini kasar sedikit.

Tuan Pengerusi, saya membuat kajian bahawa ada syarikat-syarikat bumiputera yang mengeluarkan filem-filem Melayu ini, kadang-kadang sampai empat bulan, empat bulan selepas menghantarkan kepada kementerian ini, empat bulan baru jawab - baru jawab untuk dipertimbangkan sahaja. Satu tahun lima bulan - tolak. Selepas satu tahun lima bulan baru bagi tahu syarikat itu, filem itu tidak sesuai terlampau banyak mesej, maka ditolak - selepas satu tahun lima bulan.

Ini ada buktinya, kalau saya sebut syarikat itu dia blacklisted terus, la pun dah gulung tikar dah. Kalau saya beritahu, saya hendak beritahu kementerian ini, perkara-

perkara ini berlaku banyak sudah syarikat bumiputera yang mengeluarkan filem Melayu ini sudah gulung tikar, oleh sebab ada perkara-perkara seperti ini berlaku dalam Kementerian Penerangan. Saya minta kementerian ini supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara ini, sebab baru-baru ini Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa kerajaan telah memperuntukkan 200 jam untuk filem-filem yang datang dari syarikat-syarikat bumiputera.

Jadi, kita harap perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi sebab syarikat-syarikat bumiputera ini hanya mengharapkan pertolongan. Kita daripada dahulu lagi, zaman P.Ramlee dahulu kita tidak ada panggung, ada panggung orang sekarang kerajaan tetapkan wajib tayang. Jadi, kita perlukan pertolongan untuk hendak menghidupkan, hendak membangunkan syarikat-syarikat bumiputera yang mengeluarkan filem-filem Melayu.

Kalau yang ada sekarang ini, syarikat-syarikat yang mengeluarkan drama, filem Melayu ini saya tengok kebanyakan seperti yang saya biasa bangkitkan dalam soalan tambahan, skrip-skripnya datang daripada Hong Kong. Syarikat pun, dahulu kita tengok kalau pengarah itu bumiputera bukanlah hendak 'ini' sangat, saya bukan perkauman sangat tetapi hendak beritahulah kita hidup dalam masyarakat majmuk ini, kita tidak mahu sesuatu untuk menindas segolongan yang lain. Kita tengok sekarang ini kalau drama Melayu, jurukamera, tukang solek itu sudah tentulah. Tukang soleknya "Lim Guan Eng", pengarahnya "Tan Seng Giaw" semuanya ada dalam filem ini. Ini yang saya hairan. Lepas itu bila kita tengok tidak berlaku dalam masyarakat Melayu ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pokok Sena, bagi jalan dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sangkaan jahat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya contoh sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan beri contoh cerita-cerita macam ini. Ini sangkaan jahat ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak kata Yang Berhormat Lim Guan Eng, saya bagi contoh "Lim Guan Eng", fahamalah. *[Ketawa]* Saya ada kawan pasal teringat sahaja mesti Lim Guan Eng. Saya mimpi pun bini ada kata, saya dok sebut Lim Guan Eng. *[Ketawa]*

Jadi, saya bagi contoh, sebab ini timbul masalah-masalah bahasa Inggeris dalam drama, menunjukkan bahasa Inggeris itu agung, perkara ini timbul. Kalau pengarah-pengarahnya datang daripada bumiputera yang mempunyai semangat untuk hendak membangunkan bahasa Melayu sudah tentu perkara-perkara ini tidak timbul. Saya hendak beritahu kementerian ini, kementerian ini kena buat penyelidikan supaya menunjukkan kepada semua masyarakat di Malaysia ini bahawa bahasa Inggeris itu adalah satu bahasa untuk menjadi alat kepada kita, bukannya untuk menunjukkan kata bahasa Inggeris itu satu bangsa yang agung.

Ini saya minta kementerian tunjukkan. Kementerian tunjuk buatlah dia selidik, dia pandailah, dia menteri. Kalau tak beri kita tukar orang lain, bukan payah. Dia kena buatlah, cari panel-panel dia, ahli-ahli dia supaya mencari, membuat satu penyelidikan hendak tunjuk macam mana masyarakat kita ini. Bagaimana hendak tunjukan kepada masyarakat, saya selalu beritahu kepada anak saya, ini bahasa Inggeris kena belajar. Kena belajar bahasa Inggeris ini kerana bahasa inilah akan menjadi alat kepada kita. Jadi "kuli" kepada kita untuk belajar ilmu-ilmu yang ada di dunia ini sebab dia banyak tertulis dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab, bahasa Latin, bahasa Jepun, bahasa Cina sekalipun. Jadi, ini barangkali Kota Melaka, tidak tahu dia study Chinese ke, saya ingat, saya Chinese scholar. *[Ketawa]* Jangan main-main. Kalau Yang Berhormat daripada

Kepong bawa surat khabar Melayu jawi, saya bawa surat khabar Cina. *[Ketawa]* Dia belum tentu baca jawi, saya belum tentu baca Cina, samalah juga. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, jadi, saya minta kementerian ini selain daripada bagaimana hendak menghidupkan syarikat-syarikat bumiputera untuk mengeluarkan filem-filem Melayu yang baik untuk menjadi satu teladan. Juga kementerian ini mencari sesuatu jalan supaya menunjukkan bahasa Inggeris itu supaya tidak timbul seperti Yang Berhormat Padang Terap, Timbalan Menteri mengatakan kadang-kadang dalam Bahasa Inggeris dalam drama itu cakap Orang Putih, mama, daddy, papa, cakap Orang Putih. Setengah sampai kadang-kadang orang kawasan saya bukan tahu cakap Orang Putih, dia tengok drama dia tidak faham. Drama sekarang ini moden, terlampau cakap Orang Putih banyak.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tujuan kita untuk memberi mesej drama itu, ini kalau mesej tidak faham buat apa? Ini saya tengok syarikat ini ditolak kerana mesej terlampau banyak. Mesej terlampau banyak dah kalau banyak bahasa Inggeris. Jadi, saya mintalah pegawai-pegawai ini, lagi satu saya hendak bangkit sekali lagi, sebab ini sudah tidak tahan sangat, semua orang dok bincang di luar. Tentang rancangan-rancangan dalam televisyen macam Pop-kuiz, Pop-kuiz ini, Tuan Pengerusi, barangkali Tuan Pengerusi tidak tengok ini. Tuan Pengerusi tengok juruacaranya pun, Tuan Pengerusi tutup televisyen.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak tengok.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak tengok langsung sebab Tuan Pengerusi tengok rupa pun teruk. Saya pun tengok juruacara dia, saya tutuplah tetapi kerling sikit-sikit tu adalah kan. Kalau tidak, tak boleh cakap. Macam Tumpat tu mana pernah tengok, orang tulis kat dia, *[Ketawa]* orang tulis kat dia, lepas itu dia baca. Lepas baca dia bagi kat Harakah, esok Harakah keluar tiap-tiap patah perkataan. Saya, saya kerling tengok. Tengok-tengok Pop-kuiz, bila betul jawapan kuiz dia, dia tepuk tangan

'gua caya lu', habis satu kampung kawasan saya. *[Ketawa]* Betullah 'gua caya lu'. Lepas itu lagi satu, macam-macam depa bagi isyarat, kadang-kadang dia tepuk macam tu, kadang-kadang dia goyang punggung.

Ini berlaku dalam televisyen. Adakah ini satu mesej pelajaran budaya untuk anak-anak kita? Sebab televisyen ini, dia boleh ubah corak masyarakat kalau dia tunjuk masyarakat ganas, macam Yang Berhormat Tumpat, dia tidak mahu ganas. Kalau televisyen ini tunjuk hari-hari ganas, anak kita pun beli terbih tuju habis kepala orang tu, dia pun ganas. Terbih itu Tuan Pengerusi seorang sahaja yang tahu, lain tidak tahulah. *[Ketawa]* Sebab Tuan Pengerusi pun dahulu kecil-kecil main juga terbih ini. *[Ketawa]* Pak saya cerita, *[Ketawa]* la pula Tuan Pengerusi beli kawasan, beli rumah dalam kawasan saya. Burung penuh keluar, dulu dia dok terbihlah, dia tembaklah kan.

Jadi Tuan Pengerusi, perkara-perkara ini Kementerian Penerangan boleh mengubah masyarakat. Kalau tidak mahu bagi mengundi DAP pun televisyen boleh buat. Kita boleh mempengaruhi. Jadi, ini satu kementerian yang amat mustahak. Jadi, saya harap Kementerian Penerangan ini supaya *Pop Kuiz* dan *Asia Bagus - Asia Bagus* itu rambut di sebelah sini biji rumbia, sebelah sini hijau, di atas dan hadapan merah. Adakah orang macam ini? *[Ketawa]* Mulalah anak saya minta hendak beli spray. *[Ketawa]* Hendak minta beli spray untuk warnakan merah di sini dan hijau di sini. Saya tanya, “Fasal apa?” “Itu, dalam televisyen macam itu!” Tidak kacau kita?

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Macam burung serindit.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Macam burung serindit, kata Yang Berhormat dari Sungai Benut. Ini berlaku. Di dalam televisyen ditunjukkan. Kalau kita hendak tunjukkan di dalam masyarakat Melayu, sekurang-kurangnya macam Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia - style, dengan “bow”nya. Ini dia bangsa di Malaysia, smart! *[Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tersenyum*

*sambil memandang kepada Yang Berhormat dari Pokok Sena]* Dia senyum, betullah itu!  
*[Ketawa]* Ini hendak tunjuk rambut tiga warna, baju, masya-Allah - baju yang dipakai di dalam rancangan *Pop Kuiz* saya tidak tahulah. Kalau dia pergi ke Sarawak, dia pakai cawat. *[Ketawa]* Betul ini, bukan melawak. Betul! Dia bawa segala tombak dan segala.....

**Tuan Pengerusi:** Perisai!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ha, perisai. Terima kasih, Tuan Pengerusi, “perisai”, dengan izin. Saya kata shift. Dia bawa dengan itu, dia menari sampai orang Sarawak sendiri pun malu. Memang tidak kena!

Jadi perkara-perkara ini saya mintalah, satu kementerian yang amat penting dan yang amat mustahak boleh mengubah corak masyarakat kita agar di bahagian penerangan, perancangan, pembangunan dan penyelidikan ini minta ditubuhkan betul-betul. Panel yang....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Belum sudah lagi ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sedikit lagi. Bukan tidak mahu beri, tetapi hendak menghabiskan ayat. Ya, dia kacau, lupa! *[Ketawa]* Bila hendak pilih panel ini, pilihlah betul-betul orang yang mempunyai kepakaran. Kalau tidak, Ahli-ahli Yang Berhormat ini pun banyak, pilih yang muda-muda, jangan pilih yang tua sebab kalau kena gambar yang panjang, dia lena di hadapan televisyen, dia hendak tapis apa? Dia hendak tapis apa kalau dok lena, dia jaga juga, dia right, best! Ini untuk semua - tengok-tengok, nah, telanjang setengah filem!

Ini yang setengah-setengah kadang-kadang kita dok terlajak tengok sebab kawan yang menapis itu lena! Saya tahu. Dahulu saya beritahu kepada Kementerian Dalam Negeri, orang yang hendak menapis ini jangan ambil orang-orang yang pencen, kita pun

lena di hadapan televisyen. Ambil yang muda-muda ini, bila dia tengok syok, dia boleh tapis. Ini kita ambil yang tua-tua, tidak boleh. Macam Tuan Pengerusi, tetaplah tidak boleh tengok televisyen! *[Ketawa]* Hendak suruh Tuan Pengerusi tapis satu drama pun tidak boleh! Kena gambar Hindu tiga jam, jenuh dok lena depan televisyen! Bila terjaga, takkan hendak habak “Saya lena”. Tentu habak kata, “Baguslah!” Itu kena habak kata “Bagus”. Habak kata “Saya lena”, dia tidak beri elaun bulanan itu! Kena habak kata bagus. Ini berlaku! Minta kementerian ini, panel itu pilih orang yang betul-betul boleh menilai filem-filem ini.

Kadang-kadang dahulu gambar *Dallas*. Anak saya yang kecil dia bertanya. Saya tanya anak saya, “Ini siapa? Anak dia kah?” Dia kata, “Tidak, itu bukan anak! Depa duduk sekali, depa tidak menikah. Tetapi hasil daripada itu”. Dia kata, “Bukan anak”. “Tetapi bukan anak, macam mana? Depa tidak kahwin,” dia kata. Anak kita kata. Gambar *Dallas* itu bercelaru dengan kita sekali sebab satu keluarga yang duduk tidak kahwin selepas itu melahirkan anak. Jadi, anak-anak kita tengok, macam mana? Benda-benda ini sekarang ini bila saya bercakap di dalam Parlimen lalu, benda sudah tidak ada. Tetapi ada benda-benda yang lain yang kadang-kadang bila kita halusi betul-betul. Saya minta kepada kementerian ini memilih bahagian penyelidikan dan bahagian penilaian filem-filem untuk masyarakat ini biarlah orang yang betul-betul.

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulung.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, ya. Minta gulungkan ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya sudah gulung lama, sudah hendak habis ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.



**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jadi, saya mintalah kementerian ini memberi kerjasama untuk kepentingan masyarakat kita di Malaysia ini. Terima kasih.

*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

**5.25 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.44, Kementerian Penerangan, Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Pokok Sena ada menyebut tentang filem-filem yang ditayangkan di dalam televisyen. Di sini saya ingin menyatakan tentang rancangan-rancangan atau drama-drama yang disiarkan, kita tidak harus membezakan kalau pihak Pengarah atau mana-mana support crews, dengan izin, terdiri dari sesuatu golongan atau sesuatu kaum kerana memang di dalam seni filem ia merupakan satu kepakaran dan tidak harus timbul kontroversi kalau seseorang Pengarah datang dari sesebuah negara atau daripada satu golongan kerana kalau kepakaran ini boleh dipelajari, saya rasa ia akan meningkatkan mutu filem negara kita.

Malah, di sini saya ada membaca tentang beberapa.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya habiskan ini? Nanti saya beri. Di sini saya ada membaca satu majalah iaitu *Asia Week* yang menyiarkan satu rencana tentang seorang rakyat Malaysia yang kerana kepakaran di dalam filem computer animation telah berjaya di Hollywood dan orang tersebut, seorang rakyat Malaysia, anak Melayu di mana filem *Species* kalau kita ada tengok sebuah filem fantasi iaitu filem *Species* computer animation ini dibuat olehnya.

So, saya rasa usaha kita ialah untuk menarik rakyat Malaysia dari luar negara, sama ada mereka kaum Melayu atau bukan Melayu, tetap ada. Kaum Melayu tetap ada yang mempunyai kepakaran di dalam filem dan menarik mereka balik ke Malaysia. Bukanlah mempertikaikan golongan atau kaum mereka. Saya rasa itu tidak patut.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang menjadi masalah di sini ialah di dalam drama-drama berbahasa Cina tidak ada satu pun bahasa Melayu di dalam itu dan di dalam drama-drama bahasa Cina tidak ada sepetah pun bahasa Inggeris. Jadi, ini yang didukacitakan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Jadi, drama Cina 100% bahasa Cina. Drama Melayu 66% bahasa Inggeris dan 34% bahasa Melayu. Drama Melayu semuanya ada orang-orang Cina yang memainkan peranan di dalam bahagian teknikal, tetapi di dalam drama Cina, satu orang Melayu pun tidak ada, satu bahasa Melayu pun tidak ada, satu bahasa Inggeris pun tidak ada. Jadi, inilah masalahnya. Bukan soal perkauman, tetapi soal macamana ditangani masalah itu supaya kita sama-sama berkongsi kepakaran yang ada pada rakyat Malaysia dari semua kaum.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak habis menonton drama-drama berbahasa Cina. Mungkin beliau....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya menonton. Tuan Pengerusi, saya menonton banyak drama berbahasa Cina - *Twin Pigs*, *Twin Happiness*, semua twin saya tonton dan saya tengok semua dari mula sehingga akhir, sehingga jurusoleknya pun saya nampak. *Justice Pao* dan lain-lain lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa mungkin tidak mendapat maklumat atau mungkin pada masa itu Yang Berhormat menonton. Saya pun ada menonton, tetapi

sekali-sekala kerana tidak ada masa. Tetapi dalam pemerhatian saya, saya ada nampak watak-watak yang dimainkan oleh orang Melayu, ada juga istilah di dalam bahasa Malaysia pun ada disebut seperti pegawai-pegawai kerajaan, hakim atau pihak polis dimainkan oleh watak-watak berbangsa Melayu.

Tetapi saya rasa itu bukanlah isu pokok. Kalau tentang drama berbahasa Malaysia, itu mungkin benar bahawa mereka ada menggunakan bahasa atau istilah bahasa Inggeris. Tetapi di sini saya hendak tekankan bahawa sebab crew, pengarah atau mana-mana pihak, saya tidak harus mempertikaikan latar belakang atau golongan mereka. Tetapi kita harus berusaha menarik rakyat kita yang mempunyai kepakaran di dalam filem, terutama sekali orang Melayu seperti yang berada di Hollywood sekarang untuk balik ke Malaysia. Tentu ada sebab mengapa mereka tidak mahu balik ke Malaysia menceburi di dalam industri filem. Oleh sebab itu saya harap itu tidak dijadikan isu dan kita harus lihat daripada sudut keMalaysiaan.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, saya juga ingin meminta pihak Kementerian Penerangan menjelaskan tentang masa siaran untuk program-program berbahasa Cina yang disediakan oleh RTM TV1 dan TV2 yang saya rasa adalah tidak mencukupi.

Mengikut satu jawapan bertulis oleh pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan yang diberikan pada 28hb. Mac tahun ini, pada tahun 1995 untuk RTM TV1, program bahasa Malaysia adalah sebanyak 83%, bahasa Inggeris 14% dan yang bakinya adalah bahasa lain. Untuk TV2, bahasa Malaysia 15%, bahasa Inggeris 57%, bahasa Cina 18%, bahasa Tamil 11% dan lain-lain 3%. Dengan kata lain bahawa untuk TV1 dan TV2 masa sebanyak 9% sahaja secara purata diperuntukkan untuk program bahasa Cina dan 5% untuk bahasa Tamil.

Di sini saya ingin meminta supaya masa rancangan ini ditambahkan kerana kalau kita lihat dari segi peratusan, ia adalah amat kurang sekali dan mungkin tidak sepadan dengan proportion atau jumlah penduduk di Malaysia. Kalau angka-angka ini dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh RTM, hasil pengiklanan dalam

rancangan TV kita boleh lihat bahawa dalam tahun 1995, hasil pengiklanan dalam rancangan TV untuk program bahasa Cina adalah sebanyak RM90.7 juta, dan ini merupakan kira-kira 28.8% daripada keseluruhan hasil pengiklanan iaitu sebanyak RM315 juta dalam tahun 1995. Kalau untuk program bahasa Cina yang mendapat hasil sebanyak 28.8% daripada kesemua hasil untuk RTM saya rasa sekurang-kurangnya program atau masa untuk rancangan bahasa Cina harus ditingkatkan dan juga untuk bahasa Tamil kerana secara purata masa siaran hanya 5% untuk TV1 dan TV2 diperuntukkan untuk program bahasa Cina, saya rasa ia pun harus dipertingkatkan sekurang-kurangnya sekali ganda untuk kedua-dua program bahasa tersebut dan saya rasa ini adalah satu isu dan perkara yang amat penting.

Pada masa yang sama untuk TV3, saya harap supaya pihak kementerian boleh mengarahkan TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin. Sungguhpun perkara ini telah pun dibawa oleh Pemuda MCA yang mereka berjanji dan menjalankan kempen untuk memaksa TV3, malah ada kempen boikot TV3 dijalankan oleh Pemuda MCA. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, tetapi ada kempen boikot TV3 dijalankan oleh Pemuda MCA yang dimulai atas inisiatif Ahli Yang Berhormat dari Serdang semasa beliau menjadi Ketua Pemuda MCA kerana tidak menyiarkan berita bahasa Mandarin.

Dan saya harap, sungguhpun parti lainlah, tetapi nampaknya MCA tidak mampu sungguhpun dalam kerajaan untuk memaksa TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin. Oleh sebab itu saya ambil kesempatan untuk menimbulkan perkara ini kerana ketidakmampuan dan ketidakupayaan MCA meminta supaya TV3...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kena tanya MCA lah, kerana adalah wajar bahawa berita sekurang-kurangnya TV3 menyiarkan berita dalam bahasa Mandarin dan ini juga

merupakan satu kegagalan oleh Pemuda MCA menunjukkan bahawa MCA tidak berupaya membuat apa-apa sungguhpun ia dilaung-laungkan dalam surat khabar bahasa Cina. Dia memainkan isu ini dalam surat khabar bahasa Cina tetapi di dalam saya rasa mungkin Yang Berhormat tidak sedar atau Dewan yang mulia ini tidak sedar bahawa mereka main politik 'talam dua muka', di luar cakap lain, di dalam sokong seratus peratus.

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya akan gulung. Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentang pembelian program-program drama. Adakah ia dibeli secara langsung daripada syarikat tersebut ataupun pihak kementerian memaksa mereka menerusi orang tengah kerana saya telah menerima banyak aduan apabila sesuatu rancangan boleh dibeli dengan harga US\$10,000 misalnya, pihak kementerian akan memaksa syarikat itu pergi ke sebuah syarikat yang dipilih oleh kementerian, menjual kepada dia dan Kementerian Penerangan kemudian akan membeli daripada syarikat tersebut dengan harga sekali ganda iaitu bukan US\$10,000, tetapi US\$20,000.

Adakah ini berlaku dan bukannya ini merupakan satu penyalahgunaan atau kerugian kepada negara dan siapakah di belakang syarikat-syarikat tersebut yang merupakan syarikat anak emas Kementerian Penerangan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Balik Pulau.

**5.36 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang B.44 di bawah Program 020100 - Rancangan, iaitu di bawah Perkhidmatan Penyiaran dan juga di bawah Maksud P.44 Butiran 01600 - Mengisi Liputan TV dan juga perkara-perkara yang di bawah P. 44.

Tuan Pengerusi, kalau kita tengok dari segi peruntukan perbelanjaan di bawah P.44, ada lebih daripada RM77 juta yang kita belanjakan, kita peruntukan untuk kementerian ini bagi digunakan untuk penyiaran sama ada untuk TV ataupun radio dari segi infrastrukturnya.

Pada masa yang sama kita tahu juga bahawa rumah yang mempunyai televisyen dikenakan lesen TV dan juga lesen radio. Saya ingin khusus kepada soal TV hari ini. Pada masa yang sama juga kita mendapati bahawa ada, misalnya, pindaan kepada akta penyiaran baru-baru ini yang membenarkan penyiaran secara komersial seperti Metro TV dan juga bakal nanti, Astro dan sebagainya.

Pada pendapat saya ruang udara ini adalah hak milik awam. Ianya adalah hak milik kesemua daripada di Malaysia. Yang menjadi custodian kepada ruang udara ini, yang diberi amanah menjaganya ialah kerajaan. Jadi, hari ini kita memperuntukkan wang awam digunakan untuk penyiaran dengan menggunakan ruang ini. Pada masa yang sama kita membenarkan penggunaan ruang udara awam ini kepada pihak-pihak yang menggunakannya untuk tujuan komersial. Pada masa yang sama juga kita mengenakan caj dalam bentuk lesen kepada pengguna-pengguna dan orang awam untuk mereka mendapat manfaat daripada siaran yang disiarkan melalui siaran-siaran ini. Kita membenarkan mereka yang akan broadcast secara komersial menggunakan signal-signal daripada siaran-siaran RTM.

Saya sebenarnya merasakan ada sedikit keganjilan di sini kerana kalau ini semua hak awam dan semua orang awam dikenakan lesen untuk tengok TV, kenapa pula pengusaha secara komersial dibenarkan untuk menggunakan ruang udara tersebut dan dibenarkan membawa signal stesen-stesen RTM yang mana orang awam telah bayar untuk menyiarkan perkara tersebut?

Pada masa yang sama kita juga mendapati bahawa terdapat rungutan, kompelin yang kita dengar hari ini dalam Dewan ini dan juga kita dengar terdahulu daripada ini

tentang ketidakpuasan segolongan rakyat tentang kewujudan begitu banyak iklan di dalam rancangan-rancangan TV yang juga merupakan satu pencanggahan apabila ianya ruang udara tetapi proses untuk penyiaran ini dilandaskan kepada pengiklanan yang mana program yang kita hendak tunjuk didasarkan kepada banyak mana nilai masa untuk pengiklanan. Misalnya jika ada siaran lebih popular, maka masa untuk pengiklanan dia lagi tinggi daripada rancangan-rancangan yang tidak popular yang tidak punyai pasaran. Jadi, ini semua saya rasa ada satu keadaan yang agak pelik. Kalau kita hendak komersialkan ruang udara ini dan membenarkan pihak tertentu memperdagangkan ruang udara ini, maka kita harus batalkan lesen TV sama sekali. Kerana apa gunanya ruang udara ini yang dipunyai oleh kesemua orang, yang mana dibayar melalui lesen TV ini dibenarkan, diperdagangkan pula dengan caj yang lain. Kalau yang kita hendak buat dibenarkan untuk diperdagangkan ruang udara ini, kita batalkan lesen Radio dan TV sama sekali.

Sekarang ini kalau tak salah saya RM24.00 pada setiap kediaman yang mempunyai televisyen, walaupun ada dua-tiga buah pun dia caj RM24.00 juga, tetapi tidak ada konsistensi bagi saya untuk mengenakan caj lesen ini. Pada masa yang sama dibenarkan ruang udara ini digunakan oleh orang lain. Pada masa yang sama juga the programming oleh stesen-stesen RTM 1 dan 2 ini didorong oleh komersialisme yang berdasarkan pendapatan pengiklanan termasuk RTM 1 dan RTM 2. Kalau kita tidak hendak batalkan langsung lesen TV ini, maka saya cadangkan di sini supaya kerajaan ataupun kementerian ini memikirkan untuk mewujudkan satu stesen awam, public broadcasting station, satu stesen awam yang dimiliki oleh awam yang tidak ada langsung penglibatan komersial. Satu public broadcasting station ala apa yang ada di Amerika Syarikat, misalnya yang mana keseluruhannya programming dia tidak berlandaskan kepada commercial driven interest. Tidak ada pengiklanan. Di situlah kalau kita hendak tunjuk program-program yang macam Parit Sulong kata tadi, yang ada nilainya, yang ada nilai dari segi budaya, dari segi ilmiahnya, dari segi apa juga, kita boleh tunjukkan dalam stesyen awam tadi tanpa didorong oleh kepentingan komersial.

Kalau kerajaan atau kementerian tidak mahu buat stesyen awam yang bebas daripada pengiklanan dan juga dorongan programmingnya daripada pengiklanan, maka kerajaan kena batal lesen TV. Kalau tidak hendak batal lesen TV, maka kerajaan kena tubuhkan satu public broadcasting station yang tidak dimiliki atau tidak dipengaruhi oleh apa-apa pengaruh pengiklanan dari segi programmingnya. Itu adalah cadangan saya.

Yang kedua, apabila kita membuka ruang udara ini kepada mereka yang berdagang dengan ruang udara awam, saya tidak hendak bercakap fasal baik-buruknya, cuma saya hendak bertanya. Orang yang buat drama sekarang ini, orang yang buat penerbitan drama untuk TV hari ini, tinggi atau rendahnya nilai drama itu yang dapat dijual kepada RTM atau kepada stesen-stesen swasta yang lain bergantung sebenarnya kepada berapa banyakkah hasil pengiklanan yang boleh didapati oleh stesen itu daripada menunjukkan program ini. Maknanya, kalau ada seorang penerbit itu mari kepada saya, saya kerja di RTM, dia kata hendak tunjuk drama ini saya sanggup hendak bayar banyak mana drama ini kepada dia bergantung kepada banyak mana, berapa syarikat yang sanggup bayar untuk iklan masa ruang ditayangkan drama tersebut.

Jadi, nilai yang dapat ditentukan adalah bergantung kepada nilai dari segi pengiklanan. Apabila kita membuka ruang seperti Astro katakan, yang memasuki ruang udara kita rancangan-rancangan daripada luar, semestinya kesan daripada kemasukan penyiaran daripada luar ialah pengecilan pasaran pengiklanan tempatan. Pengecilan pasaran pengiklanan tempatan ini, maknanya pengiklan-pengiklan tempatan akan pergi untuk mengiklan kepada stesen-stesen yang menunjukkan penyiaran daripada luar. Secara langsung pasaran pengiklanan tempatan ini akan mengecil. Dan apabila pasaran pengiklanan tempatan ini mengecil, maka nilai yang boleh diberi kepada pengeluaran filem drama tempatan juga akan turun, dan ini akan menjejaskan masa depan industri perfileman tempatan.



Jadi, bagaimanakah agaknya kementerian ini hendak menangani masalah ini. Kita benar-benar berhajat untuk meningkatkan, kandungan penyiaran yang dibuat dalam Malaysia sendiri, tetapi pada masa yang sama kita membuka pintu ini yang akan mengecilkan pasaran pengiklanan tempatan, dan yang punya akibat untuk merendahkan nilai yang dapat dibayar kepada pengeluar-pengeluar filem dan drama tempatan. Ianya nampak seolah-olah tidak menuju kepada satu arah yang mana boleh kita memupuk dan membela pengeluar-pengeluar, penerbit filem ataupun drama tempatan.

Jadi, kalau boleh saya mohonlah kepada kementerian untuk memberi penerangan sedikit tentang bagaimanakah kita boleh menangani masalah yang saya sebutkan tadi. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yan.

**5.47 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang Butiran 010200 berkenaan dengan Program TV. Saya hendak merayu kepada Kementerian Penerangan tentang Berita. Yang ini orang-orang kampung dan orang-orang yang kaki sembahyang minta. Kerana Berita sekarang ini pukul 8.00. Maghrib sekarang ini pukul 7.00. Selepas itu orang tua-tua hendak tunggu di masjid, di surau pukul 8.00 dan pukul 8.00 lebih baru masuk Isya'. Jadi, depa ini yang kaki pergi masjid tidak pernah tahu hal dunia. Hal Malaysia mereka tak tahu fasal depa dok ada di masjid, depa dok ada di surau. Kemudian, yang tak pergi ke surau pun, jenis yang dok wirid macam saya kadang-kadang terlepas juga Berita. *[Ketawa]* Wirid panjang, maklumlah waktu Maghrib, jadi kadang-kadang terlepas juga Berita.

Jadi, saya hendak cadangkan kalau boleh Berita Perdana ini minta disiarkan pukul 9.00. Saya ingat kalau saya tanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, hal ehwal agama pun dia setuju.....*[Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Hamid*

*bin Haji Othman) masuk ke dalam Dewan] ...Dia baru baru masuk, dia setuju, dia angguklah tu. [Ketawa] Fasal kita mahu hari ini semua rakyat tahu apa hal jadi di dunia dan Malaysia ini. Jadi, saya minta supaya Berita ini ditukar daripada pukul 8.00 kepada pukul 9.00. Jadi, semua masyarakat akan boleh tengok. Kalau tidak sekarang ini boleh dikatakan yang kaki masjid, kaki surau, yang wirid lebih dia tidak akan dengar Berita lagi, fasal dia hendak cari pahala, dia tunggu di masjid, dia mengaji sedikit lebih kurang. Last sekali baru dia balik. Dia balik hendak tunggu Dunia Jam 10, sekarang sudah jadi 10.30. Maklumlah orang-orang alim tidur awal. Dia tak tidur lambat, dia tak mahu merepet-repet sampai pukul 10 atau 11.00. Jadi, saya haraplah kalau boleh saya mintalah Kementerian Penerangan atas permintaan supaya kita tunda daripada pukul 8.00 kepada 9.00 malam. Jadi, yang ini kalau kita buat, insya-Allah, depa doa Kementerian Penerangan pun berjalan dengan baik.*

Lagi satu, Tuan Pengerusi, mengenai lesen TV. La-ni iklan sudah banyak. Boleh kata kita tak sempat dengar cerita dia masuk iklan. Dia selit iklan ini kadang-kadang satu cerita sampai 10-11 kali. Jadi, saya minta kalau boleh mansuhlah kutip duit lesen TV, berapa duit sangat. Kemudian kadang-kadang kita terlupa dia saman. Kita pula di sebelah kampung selit lesen ini di merata belakang pintu. Mai orang check, lesen tak ada, pada hal dahulu sudah bayar, kena pula denda. Jadi, tak berapa duit sangat kita kutip.

Jadi, saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya mansuhkan kutipan lesen ini, penaik sedikit harga advertisement. Jadi, rakyat pun seronok. Tidak adalah rakyat bangkit hendak bercakap sangat fasal Kementerian Penerangan. *[Ketawa]* Tengok hari ini semua bangkit hendak bercakap fasal penerangan. Menteri dia tak datang, tinggal Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, kedua-dua ini kawan baik. Hendak kata lebih kurang pun kawan. *[Ketawa]* Tak kata apa, rakyat mengamuk kepada kita. Jadi, serba salah.

Jadi, saya haraplah kalau boleh minta kaji balik. Tidak berapa duit sangat lesen-lesen ini, fasal sekarang ini macam-macam. Astro pun sampai RM85.00, MEGA - RM45.00, TV kita - RM25.00 setahun. Setahun RM25.00 hendak kira apa sangat. Kita mansuh, rakyat pun seronok. Kalau sekarang tidak mansuh pun, nanti dekat-dekat pilihan raya kita mansuh lagi bagus.

Tuan Pengerusi, lagi satu mengenai perkhidmatan Filem Negara - 040000, saya minta kamera itu gantilah. Dia bunyi macam enjin diesel. Hak yang dok gelas kamera pun merasa malu hendak mengambil gambar, hak TV, hak lain, semuanya model baru, hak dia jenis yang serombong bulat itu. Jenis gambar P. Ramlee bermain gambar - dok ada lagi. Sudah itu kita tulis pula kepada yang mengambil gambar itu, bubuh di belakang baju "Filem Negara", tidakkah malu kawan itu bila orang lain tengok? Macam mesin kopi yang Kementerian Luar Bandar beri - berbunyi. Jadi, saya minta - tolonglah, tidak berapa duit sangat kamera itu. Kasihan kepada yang dok gelas itu, malu, tetapi kalau tidak gelas, kawan cari makan. Jadi, itulah saya berharap Filem Negara tolong kaji balik. Kasihan kepada depa.

Kalau kita tengok hak TV3 dan RTM, dia gelas pun elok, hak ini pula, dengan spotlightnya pun kecil sedikit daripada spotlight kereta. Jenuh kawan itu tanggung. Jadi, itulah saya bercakap mengenai Filem Negara.

Tuan Pengerusi, lagi satu, kawan-kawan pun bercakap fasal, yang sahabat saya Pokok Sena pun bercakap iaitu fasal filem-filem yang dimainkan - kita kena kaji. Saya hendak minta kalau boleh banyakkan filem-filem yang dikeluarkan itu adalah filem-filem ke arah yang membina, beri anak-anak kita elok, jaga moral dia. Jangan kita main filem-filem yang bercelaru. Saya dok tengok filem Melayu ini, bukan kata tidak bagus, bagus juga. Pengarah-pengarah kita pun, kalau hendak fikir membuat filem, tetapi kadang-

kadang antara dia hendak minum air dengan bercakap itu, kadang-kadang setengah jam, air tidak sampai ke lidah. Filem 4, 5 minit, habis begitu sahaja ceritanya - tidak ada apa.

Tuan Pengerusi, jadi, saya minta kalau boleh, cerita itu biarlah cerita yang logik sedikit. Kalau bercakap fasal korporat, buat cara korporat. Ini kalau kata korporat, dia kena hisap paip baru dia boleh menjadi orang korporat. Tidak semestinya, dia kena bercakap sepatah dua, cakap Orang Putih. Jadi, ini semua kita kena ubah. Zaman ini kita kena ubah. Jangan dok ikut zaman Hindustan macam Jerlun mahu itu. Jerlun, dia zaman dahulu, kita zaman baru. Dia tidak ada, minta maaf. Jerlun jangan ambil hatilah. Hari Jumaat bukan pergi mana dah Wakil Jerlun ini, dok tunggu filem Hindustan.

Jadi, hak ini saya minta kalau boleh kementerian kaji balik filem-filem ini. Berilah filem yang logik sedikit untuk kita tengok. Jadi kita boleh tengok dengan family - ha! Tengok itu cik cara dia dok macam mana, termasuk sumber hendak pergi sembahyangkah, nanti sat lagi kita berbincang hendak pergi sembahyang, jadi ceritalah - itu kalau saya menjadi "Pengarah", itu cara dia.

**Dato' Othman bin Abdul:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Yan, dahulu Jerai. Cerita bab logik dalam drama ini, adakah Yang Berhormat sedar juga, apa yang dikeluarkan oleh Wayang Tinggi Production ini, yang control semua pengeluaran, silat Melayu dia terbang macam Kungfu Cina. Main silat, budaya Melayu yang begitu indah, dirubah oleh Wayang Tinggi Production sehingga telah menyebabkan masyarakat kita, seperti Yang Berhormat Yan sebut, bercelaru habis anak-anak kita. Takkanlah silat Melayu macam itu? Jadi, boleh Yang Berhormat memberi penjelasan sedikit?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bersetuju Tuan Pengerusi, fasal saya Naib Presiden Persatuan Silat Negeri Kedah. Saya dok cari 'buah' tidak jumpa. 'Buah' yang Wayang Tinggi buat itu, saya cari tidak jumpa. Anak murid dok tanya saya,

jenuhlah. Dia kata macam mana dato', kita tidak terbang dari bawah naik ke atas, kita terbang dari atas turun bawah. Saya kata, hendak buat macam mana, dah Wayang Tinggi, dia naik kot ataslah. Itu hal kes silat, dia campur silat, kungfu dan judo sekali - bercelaru habis anak-anak murid kita. Itu tentang wayang, hak cerita lain, tidak usah kiralah, yang budayalah, bahasalah dan sebagainya.

Keduanya, muka itu sahaja yang menjadi 'film star', hero pun hero itulah. Jadi, sudah tidak ada, dok kutip orang itu juga main, carilah hak lain, cungkil bakat-bakat baru dari Yan pun ada - hak putih terserlah pun banyak, kalau depa mahu. Kita hendak kira tidak mahulah, tetapi dok kena tanya pendapat wakil rakyat, kita boleh beri. Ini dok ambil muka itu sahaja. Dari Kepong, muka macam Kepong pun tidak apalah, bolehlah tahan, baik sedikit daripada "Mr. Bean" [*Ketawa*].

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Penerangan Luar. Penerangan luar ini dia kena main peranan yang cukup baik, fasal tugasnya adalah untuk memberi penjelasan kepada masyarakat. Jadi, katalah, kita kalau bercakap hari ini, tidak usah kata apalah, kita bercakap fasal budget (perbelanjaan) kita, sekurang-kurangnya, penerangan luar ini dia kena atur orang-orang di luar bandar. Tidak usahlah dok terang perkar-perkara yang tinggi sangat, fasal orang kampung ini bila kita bercakap fasal pertumbuhan ekonomi pun, mereka bukan erti. Mereka dok kira, kalau pergi ke laut balik peroleh berapa duit? Hari ini makan, esok belanja selesai, itu sudah. Pergi cerita kepada rakyat - "ini dia Belanjawan tahun ini untuk rakyat, ini dia, untuk kemudahan asas - ini dia". Jadi, dengan cara ini, untuk rakyat kita di luar bandar, mereka faham. Jangan hendak tunggu semasa dan ketika yang tertentu, ataupun bila menteri pergi baru mereka bergerak - tidak.

Jadi, program ini kena berjalan, kalau tidak fungsi penerangan luar ini saya nampak begitu terhad. Saya harap kalau boleh Kementerian Penerangan pastikan dia ada program tahunan. Jadi, tiap-tiap Pegawai Penerangan Daerah ini dia ada program

tahunannya selain daripada sivik yang dia dok buat sekarang ini - penjelasan kepada rakyat. Kalau timbul sesuatu masalah, masalah-masalah tertentu yang kontroversi, penerangan luar ini kena main peranan, turun ke kampung dan turun ke desa, memaklumkan kepada rakyat, inilah keadaan yang sebenarnya. Kalau tidak, jenis-jenis macam PAS, depa inilah yang dok pi. PAS pergi - bercelaru kampung semua. Kadang-kadang hak yang lilit serban itu, pagi tadi pergi tikam ekor - malam lilit serban. Ada jenis itu dalam PAS, dalam Barisan dan dalam UMNO tidak ada.

Jadi, kalau puak ini pergi memberi penerangan kepada orang kampung dengan memperalatkan serban dan jubah, rosak orang kampung. Jadi, Unit Serombong Penerangan ini - Penerangan Luar (Unit Serombong) ini, kena pergi merata kampung, memberi penerangan kepada rakyat, apa masalah-masalah yang timbul, barulah rakyat faham, ini dia masalah-masalah dan dapat mengatasi masalah-masalah tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya sudah gulung, Tuan Pengerusi.  
Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**5.58 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah tunggu lama baru sampai masa untuk memberi pandangan dan ulasan terhadap Maksud B.44 - Kementerian Penerangan dalam peringkat Jawatankausa.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran dan Butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kota Melaka tiada sekarang. Walaupun tiada di dalam Dewan ini, terpaksa saya mengulas sedikit berkaitan dengan tuduhan jahat dan

tidak berasas yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi terhadap Pergerakan Pemuda MCA.

Sebagai seorang bekas Ketua Pergerakan Pemuda MCA, pihak kita tidak langsung menjalankan aktiviti untuk memboikot TV3, walaupun pihak Pergerakan Pemuda MCA telah berunding, berbincang dengan pihak pengurusan TV3, meminta supaya boleh menyiarkan warta berita dalam bahasa Mandarin. Usaha kami masih belum dapat mencapai matlamatnya, tetapi perjuangan gerakan Pemuda MCA dan pihak MCA masih diteruskan melalui rundingan, perbincangan dan juga kerjasama serta pertolongan daripada Kementerian Penerangan melalui Akta Penyiaran. Inilah cara, tetapi tuduhan tadi memang tidak berasas dan tidak.....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Seremban bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Serdang adalah bekas Ketua Pemuda MCA dan telah banyak berjasa untuk negara kita. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka telah sebut bahawa MCA tidak mampu untuk membuat sesuatu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, jikalau DAP mampu, mengapa dia tidak boleh tahan dua orang anggotanya masuk dalam MCA? Minta penjelasan.

**Dato' Yap Piau Hon:** Tuan Pengerusi, sebenarnya, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berani di hadapan Dewan ini, dia mesti dengar apa penjelasan yang diberi kepada pihak saya berkaitan dengan tuduhan jahat itu. Tetapi, walau bagaimanapun, hujah-hujah yang dikeluarkan atau yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi itu yang berbau politik. Bagi pihak MCA, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya minta maaf, masa tidak ada. Bagi pihak MCA, bagi pegawai MCA, Pemuda MCA, memang berdiri teguh untuk memperjuangkan bahasa Mandarin, oleh kerana bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda masyarakat Cina. Itulah tanggungjawab. Tetapi, melalui perjuangan ini masih belum selesai dan diteruskan untuk perjuangan.

Tuan Pengerusi, filem-filem atau wayang gambar yang bertutur dalam dialek Kantonis yang ditayangkan di TV2 dan TV3 ini memang merupakan mutu atau isi kandungan tidak berapa tinggi, yang sentiasa memberi kesan buruk kepada masyarakat Cina.

Saya berkata demikian kerana filem-filem atau wayang gambar yang ditayangkan, yang saya katakan tadi itu tidak berfaedah kepada negara kita dan juga membawa negatif kepada masyarakat Cina.

Banyak masyarakat Cina yang bertanya kepada saya, adakah garis panduan atau dasar yang diamalkan oleh pihak Kementerian Penerangan untuk membeli filem-filem atau wayang gambar yang bertutur dalam dialek Kantonis ini sahaja? Pertanyaan sudah ditimbulkan di kalangan masyarakat Cina, sebab sebagai pemimpin masyarakat, sebagai ahli politik yang sentiasa berdamping dengan rakyat lapisan masyarakat Cina, dapatlah feedback reaksi daripada masyarakat Cina terhadap filem-filem atau wayang gambar yang ditayang di TV2 dan TV3 ini.

Adakah oleh kerana harga pembelian daripada pihak kementerian terhadap filem itu murah, atau berdasarkan kepada apa? Sebab banyak filem-filem atau wayang gambar yang ditayangkan di TV2 dan TV3 ini dalam dialek Kantonis ini sudah lama, terlalu lama, sudah ketinggalan masa. Perfileman ini mungkin dibuat dua puluh tahun dahulu, tidak kena pada masanya dan tidak memberi satu nilai moral kepada masyarakat Cina.



Tuan Pengerusi, jadi, reaksi dari masyarakat Cina memang telah sampai dan patutnya di 'rectify' oleh kementerian dan jangan jadikan satu sasaran politik terhadap dasar kepada kerajaan di mana sentiasa menunggu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP. Sentiasa dikatakan, tetapi dia bercakap di dalam Dewan ini, lepas itu tidak ada apa-apa kesan.

Walau bagaimanapun, hal ini kita mesti mengambil berat supaya ketidakpuasan hati daripada masyarakat Cina terhadap wayang-wayang gambar yang ditayang di TV2 dan TV3 ini. Saya mintalah penjelasan daripada pihak kementerian, apa sebab memilih filem-filem dan wayang gambar yang bertutur dalam dialek Kantonis di pilih untuk ditayangkan di TV2 dan TV3.

Tuan Pengerusi, saya hendak menegaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa bahasa ibunda kepada masyarakat Cina ialah bahasa Mandarin, bukan dialek Kantonis, bukan Hailamese, bukan Hokkien. Saya sebagai pemimpin masyarakat Cina merasa kecewa terhadap perkara ini, sentiasa dapat satu alasan ada salah tanggapan bahawa Kantonis ialah satu bahasa ibunda kepada masyarakat Cina.

Saya sentuh perkara ini kerana bahasa penghantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau sekolah menengah swasta Cina atau di kelas bahasa Mandarin di sekolah kebangsaan yang baru-baru dibuka atau di kelas-kelas bahasa Mandarin di sekolah menengah kebangsaan ialah menggunakan bahasa Mandarin bukan Kantonis.

Inilah satu tanggapan yang salah sebab apa Kementerian Penerangan berbuat demikian supaya memilih filem-filem atau wayang gambar dalam dialek Kantonis sahaja? Dan juga seperti bangsa Melayu, bahasa ibunda ialah bahasa Melayu. Kalau tadi Ahli Yang Berhormat dari Yan atau Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena itu, kadangkang dia berucap itu dalam loghat Kedah, ohh! Bagi saya susah! *[Ketawa]* Dengar untuk memahami apa cerita, sebab ini bukan bahasa Malaysia tetapi loghat Kedah.

Tetapi, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu kalau sudah berucap dalam loghat Kedah itu, sangat sukarlah bagi saya untuk memahaminya isi kandungannya.

Jadi, itu penting, ada perbezaan loghat Kedah atau loghat daerah dengan bahasa Malaysia, seperti Kantonis dengan bahasa Mandarin, yang penting sekali untuk kita faham dan satu masalah penting bagi masyarakat Melayu di mana ramai yang mendapat pendidikan dalam bahasa Mandarin dan faham bahasa Mandarin, mereka tidak dapat untuk menikmati filem-filem dan wayang gambar dalam dialek Kantonis. Ini menafikan hak mereka untuk menikmati filem tersebut kerana mereka tidak tahu.

Sekarang ramai bangsa Melayu yang fasih bertutur dalam bahasa Mandarin, tetapi, Tuan Pengerusi, walaupun dia kurang bercakap tetapi dia fasih dalam bahasa Mandarin. Jadi, sebab itu penting, jangan nafikan hak bangsa Melayu yang fasih dalam bahasa Mandarin itu untuk menikmati filem itu.

Saya mintalah pihak kementerian mengkaji semula keputusan untuk memilih wayang gambar dalam dialek Kantonis itu dan juga banyak filem-filem dan juga wayang-wayang gambar dalam bahasa Mandarin yang bermutu tinggi, yang boleh memberi kesan yang baik kepada masyarakat Cina.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta banyak lagi wawancara dan juga kegiatan pembangunan dan juga dasar Kerajaan Barisan Nasional disiarkan dalam bahasa Mandarin, supaya masyarakat Cina lebih faham lagi, tidak boleh diputarbelitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP. Kalau banyak siaran dalam bahasa Mandarin, kaedah dan kegiatan yang .....

**Dr. Tan Chong Keng:** Minta jalan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Ketawa]* Terima kasih. Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Serdang sama ada dia bersetuju dengan saya, adakah ini dasar Kementerian Penerangan ataupun hanya minat kakitangan stesen-stesen TV yang kebanyakannya datang dari Kuala Lumpur ataupun Klang Valley yang menggunakan loghat Kantonis sendiri? Mereka yang berloghat Kantonis, mereka yang suka melihat wayang gambar Kantonis dan mereka yang memilih filem-filem dan program dalam loghat Kantonis.

Kalau begitu, sampai filem-filem yang di import daripada Taiwan dan China pun di 'dubbed'kan ke dalam bahasa dan loghat Kantonis. Ini adalah satu perkara atau perkembangan yang serius dan saya harap Kementerian Penerangan boleh mengambil tindakan yang keras untuk membetulkan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta penjelasan!

**Dr. Tan Chong Keng:** Bolehkah saya minta penjelasan [*Ketawa*] daripada Ahli Yang Berhormat dari Serdang sama ada dia bersetuju dengan saya atau tidak?

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, biarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Sebab dasar atau polisi yang diamalkan oleh pihak kementerian penting untuk jawapan kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya mintalah kaji semula terhadap apa yang disebutkan.  
Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong Karang, nanti sekejap ya. Ada usul.  
Ada sebuah usul Yang Berhormat semua sedang menunggu-nunggunya. *[Ketawa]*

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**6.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan  
Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis  
Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45  
malam.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abd. Kadir bin Haji Sheikh  
Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang  
berbunyi iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis  
Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45  
malam,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis  
Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45  
malam.

**RANG UNDANG PERBEKALAN 1997**

**DAN**

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

#### Jawatankuasa

*Perbahasan disambung semula*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tanjong Karang.

**6.12 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Penerangan pada petang ini. Saya ingin menyentuh Program 020100 iaitu Rancangan.

Tuan Pengerusi, sepatutnya peranan rancangan-ancangan ini menyiarkan drama-drama ataupun siaran-siaran di televisyen ini hendaklah berbentuk yang boleh dijadikan tauladan, yang boleh dijadikan contoh tauladan ataupun pendidikan daripada siaran-siaran yang disiarkan oleh pihak televisyen. Tetapi sejak akhir-akhir ini, saya dapati rancangan-rancangan ini banyak, terlalu banyak rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan dan juga iklan. Kadang-kadang kita hendak tengok televisyen pun Tuan Pengerusi, seperti yang rakan-rakan saya nyatakan tadi, kita pun sudah naik jemu. Asyik-asyik iklan, sampai 'direct selling' pun, jualan langsung pun dijual dan disiarkan melalui televisyen.

Jadi, kita khuatir lama-lama orang di Malaysia ini, pemikirannya lebih tertumpu dan terlalu memikirkan soal-soal hiburan dan juga soal-soal untuk membelanjakan wang.

Tuan Pengerusi, sepatutnya rancangan-rancangan ini mesti juga memainkan peranan yang lebih untuk meninggikan lagi taraf bahasa Malaysia. Kerana hari ini, bukan sahaja bahasa yang digunakan, kadang-kadang tajuk drama pun, kita sudah jelas dengan

tajuk drama itu bukan melambangkan identiti kita. Ini macam *IQ Genius, Tiara Point* ini saya ingat bukan kebudayaan kita, bukan bahasa kita.

Begitu juga bahasa yang digunakan, ini sudah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan ini. Kita setakat ini mendengar bahasa caca-merba, campur bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu dan pelbagai bahasa yang boleh merosakkan bahasa. Kesannya, Tuan Pengerusi, bukan sahaja kita tengok orang kampung, di dalam Dewan ini pun semalam sudah terbukti bahawa Ketua Pembangkang pun tidak faham bahasa Malaysia. Kerana bahasa Malaysia ini indah, ia ada peribahasa dia, dia ada kata-kata yang mempunyai makna yang tersirat.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh semalam, izinkan saya baca *Hansard* ini yang dihujahkan oleh Ketua Pembangkang, dia telah memetik ucapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 19hb. November. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di muka surat 144, saya pendekkan sahaja. Dia ada sebut di sini, “*kita hadapi masalah ini, ini parti jantan. Apabila menghadapi masalah di Kelantan, mari ke Kuala Lumpur dalam Dewan besar minta tolong daripada kita, ini betina punya parti politik Yang Berhormat*”. Ini ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi malangnya, Yang Berhormat dari Tanjong ini tidak faham ulasan dia.

“*Tuan Pengerusi, saya tidak mahu ada tarik dalam konteks atau tussle power struggle antara PAS dan UMNO di Kelantan, tetapi isu yang besar di sini ialah mengenai bahasa-bahasa yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menghinakan kaum wanita pada keseluruhannya*”. Ini amat sedih, seorang Ketua Pembangkang yang sudah lama duduk di Malaysia yang masih tidak faham bahasa Malaysia.

Bila Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan parti betina, bukan menghina kaum wanita. Macam kita ada peribahasa ‘anak jantan’. Anak jantan ini menunjukkan seorang yang berani. Bila kita kata ‘betina’ ini menggambarkan bahawa seorang yang penakut. Begitu juga kalau dalam bahasa Inggeris, kalau kata dia ‘chicken’ bukan maksud dia chicken, dia penakut.

Jadi, inilah Tuan Pengerusi, jangan kita hendak tengok orang kampung seperti mana Yan kata, dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingat Kepong bersetuju, dia tengok saya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya nampak Yang Berhormat ini tidak berucap mengenai perkara yang di depan kita. Menyerong kepada, merayau-rayau, tidak ada modal langsung. Dan masalah jantan dan betina itu, baik kita menggunakan bahasa yang tepat. Kalau hendak betina kita gunakan wanita ataupun perempuan. *[Ketawa]* Kalau kita gunakan betina untuk menunjukkan kelemahan manusia. Sebenarnya wanita, umur dia lebih tahan daripada lelaki.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini minta apa, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Umur 40 tahun purata.

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, inilah akibat kalau televisyen selalu menyiarkan bahasa caca-merba. Dia tidak faham apa yang saya cakap. Dia kata guna bahasa tepat, cubalah kita kata, adakah kalau misal katalah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengatakan, saya bacalah, kalau dia kata, minta tolong!

Dia kata, ‘ini wanita punya parti’. Mana ada bahasa wanita punya parti. Kalau kita selalu cakap, ‘anak jantan, anak betina’, ini bahasa peribahasa bukannya bahasa Melayu yang biasa.

Tuan Pengerusi, jadi, inilah akibatnya kalau televisyen tidak menyiarkan bahasa Malaysia dengan betul, maka Yang Berhormat dari Kepong pun yang kata pakar dalam bahasa Malaysia pun sudah celaru sama. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak merayau, saya hanya mengambil contoh bahawa kesan, kesan kepada penonton kalau siaran televisyen yang disiarkan itu tidak disusun dengan baik.

Tuan Pengerusi, yang kedua mengenai kebudayaan. Kita juga mesti memainkan peranan untuk menerapkan kebudayaan-kebudayaan Melayu. Saya rasa terkejut apabila saya sempat tengok dua, tiga drama. Bila satu orang Melayu, Islam berjumpa dengan tok haji, kononnya balik kampung, dia cakap ‘hello’ bukan beri ‘assalamualaikum’. Kemudian malam itu, saya tengok *Tiara Point*, kawan datang masuk ke rumah, dia tidak cakap assalamualaikum, dia hai, hai sahaja. Mana ada budaya Melayu macam ini. Ada satu drama lagi, saya lupa apa tajuk dia, dia datang balik kampung kemudian dia jumpalah konon hendak cari orang gaji, dia tanya “bapak mana?, bapak tidak ada. Emak mana? Emak pergi kerja. Okaylah mari ikut kakak pergi Kuala Lumpur”. Terus pergi ikut kakak itu pergi ke Kuala Lumpur. Ini ke budaya Melayu? Ini kalau budaya macam ini diamalkan, ini yang jadi rosak.

Maka, belia-belia pada hari ini memikirkan tidak perlu minta kebenaran daripada ibu bapa, tidak perlu minta kebenaran daripada penjaga, hendak pergi keluar rumah, dia pergi. Jadi inilah, budaya-budaya macam ini kita tengok ringan, tetapi kalau kita amati dan budaya ini kita amalkan, maka ia akan menjadi budaya songsang.

Jadi, Tuan Pengerusi, begitu juga dengan waktu siaran. Saya setuju dengan sahabat saya dari Yan, saya pun hendak bercakap benda yang sama, berita janganlah siar



pada pukul 8.00. Begitu juga dengan siri kanak-kanak, *Along* sebagai contoh, ini satu siri yang amat baik, memberi ilmu matematik tetapi disiarkan pada waktu Maghrib. *Doraemon*, ini pun sudah banyak kali kita bangkitkan.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita fikir-fikir, jadi Ahli Parlimen ini letih bercakap, sedangkan Parlimen ini satu badan yang membuat dasar, yang menyuarakan suara rakyat. Tetapi kalau kita sahaja bercakap, pegawai-pegawai yang melaksanakan, dia ikut cara dia sahaja seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serdang dan Bukit Mertajam kata ikut selera pegawai sahaja, sampai bila pun kita tidak boleh betulkan.

Jadi, pegawai-pegawai ramai yang dengar kita berucap, tetapi kalau balik tidak dipraktikkan, tidak diambil kira apa yang kita cakap, kita hendak bercakap pun letih. Balik kawasan, kita yang ditanya dalam dialog. Apa ini Yang Berhormat, tidak cakap ke dalam Parlimen? Kita sudah bercakap, kita selalu mengatakan bahawa kita ini kerajaan berjiwa rakyat.

Tuan Pengerusi, begitu juga kita dapati bahawa penerbit-penerbit yang menayangkan drama-drama ini, seolah-olah dimonopoli oleh penerbit-penerbit tertentu. Yang saya selalu tengok, HVD, Wayang Tinggi. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya ada berapa banyakkah penerbit-penerbit filem, drama yang ada di Malaysia ini? Mungkin oleh kerana dimonopoli oleh dua, tiga penerbit sahaja, maka corak dramanya, bahasa yang diguna dan kebudayaan yang diamalkan dalam drama-drama itu sama sahaja.

Jadi, kalau ini tidak dapat kita pecahkan monopoli syarikat-syarikat ini, tidak diagihkan kepada syarikat-syarikat lain, mungkin sampai bila-bila pun drama ini kita akan import daripada Hong Kong, dan saya difahamkan pengarahnya pun pengarah daripada Hong Kong. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri, apakah benar pengarah-pengarah yang mengarahkan filem-filem drama di Malaysia ini, mereka datang sebagai pelancong? Bila datang sebagai pelancong, dia ambil kesempatan mengarahkan filem. Kalau ini berlaku, saya rasa ini adalah satu kesalahan. Melakukan satu pekerjaan tanpa kebenaran, apabila dia melancong.

Jadi, kalau filem-filem ini diarah oleh orang luar, sudah tentu budaya-budaya yang tidak secocok dengan budaya Malaysia ini akan disebarkan secara halus.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya drama-drama yang berunsurkan keagamaan, yang berunsurkan nilai-nilai murni seperti mana di waktu bulan puasa sebagai contoh, banyak drama yang disiarkan seperti drama-drama yang menunjukkan ketinggian agama kita. Apakah drama-drama yang berbentuk keagamaan ini hanya sesuai disiarkan waktu bulan puasa? Sedangkan kita kena mengamalkan nilai-nilai agama ini sepanjang hidup kita, bukan waktu menunggu bulan puasa baru kita hendak siarkan drama-drama yang berbentuk keagamaan dan nilai-nilai yang murni. Jadi, kalau ini diamalkan oleh Kementerian Penerangan, seolah-olah kita sendiri telah menyusun satu budaya, waktu puasa kita mesti lebih Islam, waktu tidak bulan puasa kita bebas untuk menyiarkan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai kita. Maka konsep ini mesti diambil tindakan untuk diperbetulkan Tuan Pengerusi, dan juga saya ingin sentuh....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Noh bin Omar:** Sekejap sahaja. Akhirnya saya ingin mencadanglah kalau boleh.....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** ... banyakkannya siarkan cerita-cerita kisah benar, macam kisah juvana, ini kerana memberikan pengalaman dan juga pengajaran kepada penonton.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Parit Buntar.

**6.23 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Tuan Pengerusi, dalam membincangkan di bawah tajuk B.44 ini, saya hanya ingin mengemukakan beberapa persoalan.

Sebelum itu saya ingin menyatakan sokongan saya kepada cadangan sahabat saya dari Yan mengenai cadangan menghapuskan atau melupuskan lesen untuk TV. Saya rasa salah satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memasukkan elemen atau anasir lesen itu dalam harga TV itu sendiri. Maknanya kalau kita hendak beli TV dimasukkan unsur lesen itu dengan harga TV, jadi hanya sekali sahaja. Oleh itu, tidak payahlah kita pungut tiap-tiap tahun.

Persoalan yang saya hendak kemukakan ialah di bawah Butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan di bawah Program 030300 - Akhbar dan Perhubungan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian di bawah peruntukan ini, bahagian ini hanya diperuntukkan untuk tahun hadapan sebanyak RM2.6 juta iaitu kurang peruntukan yang dibuat pada tahun ini iaitu sebanyak RM3.076 juta. Saya ingin tahu kenapa peruntukan ini dikurangkan sedangkan sepatutnya aktiviti bahagian ini harus dipertingkatkan? Saya tidak tahulah sama ada dengan pengurangan peruntukan ini, aktiviti jabatan ini dapat dipertingkatkan, mungkin dengan adanya peningkatan dari segi ketrampilan. Tetapi secara logiknya saya rasa peruntukan ini tidak seharusnya dikurangkan kalau aktiviti yang hendak dilaksanakan bertambah, sebab saya berpendapat bahagian ini yang secara langsung menjadi satu jabatan untuk dengan izin, regulate, perjalanan akhbar di negara ini di samping peranan yang dimainkan oleh Kementerian Dalam Negeri, harus juga mengambil kira tentang apa yang ingin saya sifatkan sebagai pelanggaran-pelanggaran dari segi etika kewartawanan.

Di negara ini sebenarnya, kita masih belum mempunyai apa yang kita sebut Press Council ataupun Majlis Akhbar. Jadi, tanggungjawab mengawasi perjalanan akhbar-akhbar itu terletak kepada jabatan ini di samping Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengeluarkan Lesen Pengeluaran Akhbar.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini pada beberapa peristiwa yang berlaku secara berkala yang boleh saya sifatkan sebagai pelanggaran etika kewartawanan. Misalnya pada satu masa dahulu terdapat satu kelaziman di kalangan akhbar-akhbar berbahasa Tionghua menyiarkan gambar-gambar yang dari segi etikanya memang tidak harus disiarkan. Misalnya gambar-gambar yang disebut dalam bahasa Inggeris, dengan izin 'gruesome', yang memberikan imej yang 'gruesome' pernah disiarkan, seperti mangsa-mangsa yang membunuh diri - pernah disiarkan gambar orang membunuh diri, tergantung dengan lidahnya terjelir di akhbar-akhbar. Dan peristiwa yang terakhir berlaku saya rasa sebulan yang lalu mengenai pembunuhan seorang pemimpin cawangan UMNO di Sungai Lembing, Pahang. Sebuah akhbar tempatan berbahasa Inggeris telah menyiarkan gambar mangsa itu dalam keadaan yang amat mengerunkan, di muka satu. Jadi, saya rasa perkara-perkara yang begini harus diambil tindakan atau sekurang-kurangnya ditegur oleh bahagian ini ataupun oleh kementerian ini. Saya rasa ini penting kerana di negara ini kita tidak mempunyai seperti mana yang saya sebut tadi Press Council ataupun Majlis Akhbar yang boleh bertindak sebagai, dengan izin, regulator pada akhbar.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 060000 - One-Off.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Peranan Majlis Akhbar memang penting, di mana-mana negara yang maju dia mempunyai Majlis

Akhbar yang tersendiri, yang menjadi badan piawaian kepada mutu perakhbaran. Jadi, adakah Yang Berhormat dari Parit Buntar mahu mencadangkan kepada kerajaan supaya diwujudkan Majlis Akhbar Malaysia?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Parit Sulong. Sebenarnya kalau kita lihat keadaan di negara-negara yang sudah maju, Majlis Akhbar ini bukan ditubuhkan oleh kerajaan tetapi pemilik-pemilik akhbar itu sendiri. Jadi, mereka harus mengadakan badan mereka sendiri yang bertujuan untuk mendisiplin fraternity mereka. Kalau kita suruh kerajaan buat, ini mungkin disalah iktiraf, salah tafsir sebagai satu usaha untuk mengongkong kebebasan akhbar. Sebenarnya pemilik-pemilik akhbar itu sendiri yang harus mengambil inisiatif untuk mewujudkan Majlis Akhbar atau apa juga bentuk majlis yang fungsinya serupa. Walaupun sebenarnya perkara ini sudah banyak dibincangkan dalam seminar, mereka kata mereka hendak buat, tetapi sampai sekarang masih belum wujud lagi. Jadi, saya rasa ada yang tidak kena. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pemilik-pemilik akhbar di negara ini supaya mengambil inisiatif ini secara yang lebih serius.

Seperti mana yang saya katakan tadi, saya ingin juga menyentuh Butiran 060000 - One-Off, Program/Aktiviti 060400 - Pusat Akhbar Antarabangsa (IPC) dan Penerbitan Untuk Promosi SUKOM 1998.

Di bawah peruntukan ini Aktiviti ini, diperuntukkan sebanyak RM4.046 juta. Saya merasakan peruntukan ini mungkin tidak mencukupi sekiranya kita ambil kira peranan yang harus dimainkan di bawah program ini. Seperti mana yang kita tahu SUKOM 1998 hanya ada lebih kurang 18 bulan sahaja lagi dan kita harus mulai sekarang meningkatkan publisiti mengenai acara yang penting ini.

Kita berusaha untuk menjadi tuan rumah acara sukan yang penting ini bukan dengan tujuan hanya semata-mata untuk menyertai sukan ini, sebab dari segi penyertaan

saya rasa agak pesimistik tentang kemampuan kita. Kalau kita lihat kemampuan ahli-ahli sukan kita, atlet kita, kita tidak mempunyai keyakinan yang kita boleh membuat prestasi yang baik dalam sukan ini. Tetapi saya rasa yang lebih penting, acara yang besar begini harus diambil sebagai satu kesempatan untuk mempromosikan negara kita ke dunia luar, mungkin ia boleh dijadikan sebagai satu usaha untuk menarik pelaburan, pelancongan dan yang paling penting ialah untuk memprojeikkan imej kita itu sendiri di kalangan negara-negara peserta. Dalam hubungan ini saya rasa peranan pusat akhbar antarabangsa adalah penting dan kalau kita lihat acara-acara begini, yang mustahak bukan acara itu sendiri, tetapi ialah publisiti yang boleh kita ambil, yang boleh kita dapat daripada acara itu.

Saya ingin menarik perhatian misalnya apabila kita mengadakan CHOGM pada tahun 1989 dahulu. Mesyuarat itu dianggap berjaya bukan kerana perbincangan yang dibuat dalam mesyuarat itu bernas, bukan kerana perbincangan atau keputusan yang dibuat dalam mesyuarat dilaksanakan oleh semua negara. Tetapi dia dianggap berjaya kerana dia mendapat publisiti yang meluas di seluruh dunia

Begitu juga dengan SUKOM ini. Inilah sebenarnya satu opportunity, dengan izin, satu kesempatan untuk kita menunjukkan kemampuan kita bukan sahaja dari segi mengendalikan acara yang begini besar, tetapi yang lebih penting ialah untuk mempromosikan negara kita.

Jadi, kalau peluang ini kita biarkan berlalu, kalau kita anggap hanya satu usaha kerajaan, satu kegiatan kerajaan yang harus kita laksanakan ala-kadar, maka kita sudah hilang satu kesempatan yang paling berharga untuk menyebar imej negara kita di seberang laut.

Saya tidak tahu, sebab dari pemerhatian saya, seperti mana yang saya katakan tadi, kita hanya ada 18 bulan lagi, kita tidak nampak pun promosi tentang acara ini tetapi kalau di seberang laut saya tidak tahu. Kalau di dalam negara yang kita nampak hanyalah

kereta-kereta besar di jalan-jalan raya yang ada plat SUKOM 1998. Itu sahaja yang kita nampak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Jadi, saya ingin meminta dan menggesa kementerian ini termasuklah dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan supaya melihat perkara ini secara yang lebih serius supaya jangan menganggap SUKOM 1998 ini hanya satu acara sukan. Ia harus dilihat sebagai satu kesempatan untuk kita melangkah ke satu tahap lagi dalam usaha kita untuk memprojeikkan Malaysia sebagai salah satu global player dalam arena antarabangsa. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

**6.35 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, muka surat 353, Butiran 020000 dan muka surat 360, Butiran 05400.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya setuju dengan setengah-setengah pendapat Yang Berhormat dari Tanjong Karang terutama mengenai kualiti program. Saya tiap-tiap hari ada mengikuti sama ada di dalam radio, televisyen, cuma dia bangkitkan masalah istilah, masalah penggunaan perkataan tidak tepat.

Walau bagaimanapun, saya nampak di setengah-setengah program sama ada di dalam radio dan televisyen sekarang kita ada satelit dan kabel dan sebagainya. Memang ada setengah-setengah program seperti, di program mengenai isu semasa memang ada yang bermutu baik juga tetapi ada kekurangan. Memang ada kekurangan dan saya berharap kekurangan ini dapat diperbaiki.

Dengan perkembangan industri penyiaran, dengan kemajuan yang di dapati dalam industri dengan adanya Internet beberapa tahun ini, dengan adanya kabel, satelit, dua-

duanya ada Measat I dan II sekarang yang beroperasi di negara ini, kita memang menghadapi masalah. Masalah penapisan. Misalnya, Tuan Pengerusi, saya ada menyaksikan banyak tempat bukan sahaja mengenai siaran televisyen dan radio bahkan mengenai percetakan komik, buku-buku dan sebagainya. Saya nampak kadangkala penapisan itu tidak begitu berkesan ini termasuk pita-pita video kadangkala masuk ke negara ini dengan video yang lucu tetapi mungkin kerana kekurangan kakitangan untuk Lembaga Penapisan Negara, maka timbullah masalah pita-pita yang tidak seharusnya dibenarkan masuk, masuk ke negara ini dan ditonton oleh masyarakat kita. Ini masalah mungkin keberkesanan Lembaga Penapisan Negara.

Sebelum adanya Internet, kabel dan satelit, kita menghadapi masalah kekurangan keberkesanan Lembaga Penapisan Negara tetapi dengan perkembangan industri penyiaran ini yang begitu pesat, saya nampak kekurangan kakitangan dan kekurangan keberkesanan ini mestilah dipertingkatkan. Walaupun ada saranan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pihak pemilik alat-alat penyiaran ini sendiri membuat penapisan.

Kalau mereka hendak buat sendiri penapisan, kita mesti adakan garis panduan tetapi saya tidak nampak garis panduan ini diadakan sekarang untuk industri penyiaran yang baru, tidak ada. Macam mana pihak pemilik syarikat penyiaran ini dapat menapis kalau tidak ada garis panduan. Mungkin ia mengikut ethic dan moral persendirian, similar judge ethics dan moral seseorang itu. Adakah ini maksud Yang Berhormat Menteri untuk mereka bagi pihak pemilik syarikat penyiaran membuat penapisan sendiri? Itu kerana kekurangan kakitangan, apakah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk melatih pegawai-pegawai yang cukup bilangannya dan cukup kaliber untuk membuat penapisan yang berkesan.

Tuan Pengerusi, memang saya setuju di dalam negara yang majmuk ini kita perlu setiap warganegara Malaysia bukan sahaja pemilik syarikat penyiaran, kabel, satelit ataupun lain-lain, kita mesti mengadakan garis panduan di mana sama ada program-program keganasan, sesat agama sama ada siaran syiah dan sebagainya. Program perkauman dan program lucu dan lain-lain budaya kuning, budaya yang tidak sesuai tidak seharusnya disiarkan sama ada di pita video, TV, radio dan bahagian penyiaran yang lain termasuk kabel dan satelit.



Saya setuju kita tidak seharusnya membenarkan perkara-perkara seperti ini timbul di negara ini untuk menjaga kestabilan dan ketenteraman di negara ini. Walau bagaimanapun, yang saya takut, apabila pihak kerajaan mengadakan dan menggubalkan dasar baru untuk menangani perkembangan baru ini.

Penyiaran program-program yang tidak berunsur negatif seperti yang saya sebutkan tadi, misalnya kalau program itu hanya menayangkan atau menyiarkan fakta-fakta mengenai kelemahan-kelemahan, misalnya di dalam Kementerian Kewangan ada sesuatu kelemahan dan kelemahan itu disiarkan di dalam programnya, kalau ini kita tidak boleh menapis, kita percaya kepada ketelusan ataupun lutcahaya dan lutsinar. Kita percaya kepada hal ini dan kita tidak patut mengadakan garis panduan yang mengharamkan program-program yang menyiarkan fakta-fakta dan kebenaran yang wujud di negara ini.

Kerana bukan semua insan yang kamil. Ada yang melakukan kesalahan sama ada di jabatan kerajaan, di kementerian ataupun di lain-lain tempat termasuk saya sendiri, kadangkala kita melakukan kesalahan juga. Bila wujudnya kelemahan dan kesalahan dan program-program penyiaran ini menyiarkan dan memaparkan kesalahan serta kelemahan ini, kita tidak patut mengadakan garis panduan untuk mengharamkannya. Itu yang saya tekankan dan akan sentiasa menekankan.

Di dalam Internet misalnya, Internet memang baik. Super highway atau lebuh raya super ini memang mengalu-alukan semua dan menggalakkan semua rakyat Malaysia dapat mengadakan Internet juga dan pihak MIMOS dan Telekom mesti merendahkan kadar bayaran telefon untuk penggunaan Internet ini bagi semua rakyat Malaysia kita mengalu-alukan dan kita boleh mendapat banyak pengetahuan dan maklumat yang terkini di seluruh dunia. Memang baik.

Sementara itu, kita memang tidak mahu gejala-gejala negatif masuk ke negara ini. Saya setuju dengan itu. Cuma, di dalam usaha untuk mengharamkan unsur-unsur negatif ini, unsur yang tidak negatif tetapi dianggap negatif misalnya oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Mungkin di dalam kementeriannya ada berlaku sesuatu dan Internet itu pun menyiarkan sesuatu yang dianggap tidak manis itu. Dia kata, “Ini unsur negatif, tidak boleh dibenarkan”. Setakat itu kita tidak patutlah melakukan. Tidak patut.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bercakap tentang dasar ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan dasar ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nampaknya tidak sesuai untuk peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak sesuai. Saya akan beralih kepada yang sesuaiilah! *[Ketawa] [Disampuk]* Memang saya akan beralih kepada yang sesuai. Cuma, di dalam usaha untuk mengesan, merakam dan menganalisis siaran-siaran rasmi atau haram dari dalam dan luar negeri dan mengemukakan laporan-laporan dan analisis-analisis yang disediakan kepada perihal berkuasa dan Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu. Di dalam penerangan aktiviti ini, kita memang berharap pihak kementerian dapat mengumumkan garis panduan yang baru yang sesuai untuk menangani perkembangan yang baru di dalam industri penyiaran. Saya memang bercakap yang tepat kepada maksud yang disebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi setuju sekarang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak gulung? Saya akan gulung. Akhir sekali, mengenai International Broadcasting Centre (IBC). Walaupun ada kenyataan dari Yang Berhormat

Menteri mengenai IBC, saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan, apakah yang dimaksudkan dengan peruntukan berpuluh bilion ringgit untuk International Broadcasting Centre. Adakah ini terhad kepada masalah agama sahaja ataupun ini merangkumi semua bidang dan adakah perlu kita mengadakan IBC untuk negara ini ataupun nama IBC ini ada kerjasama dengan negara-negara jiran kita, terutamanya negara Asia? Adakah itu maksudnya?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mertajam.

**6.46 mlm.**

**Tuan Dr Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertama B.44, Program 020400 - Pengesanan Siaran dan Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran. Tuan Pengerusi, di kawasan-kawasan yang berbukit-bukau seperti di kawasan Ipoh, Bukit Mertajam dan sebagainya, biasanya didapati pengesanan isyarat TV itu tidak begitu bagus dan kebanyakan rumah perlu membeli boster-boster untuk menambahkan mutu penerimaan isyarat-isyarat TV.

Selepas Astro itu dipakai, keadaan sudah maju sedikit, tetapi satu perkara lagi yang kita mesti memberi perhatian ialah, mengapa TV3 tidak diliputi di dalam perkhidmatan Astro ataupun melalui antena parabola itu? Kita boleh mendapat saluran TV1 dan TV2 melalui perkhidmatan Astro, tetapi TV3 disingkirkan kerana ia swastakah?

Tuan Pengerusi, kalau kita boleh meliputi semua rangkaian TV melalui perkhidmatan Astro, maka kita boleh kurangkan antena yang sebenarnya mencemarkan pemandangan. Kalau kita tengok dari atas bumbung bangunan yang tinggi, kita nampak banyak antena yang mencemarkan ruang udara dan itu bukan satu pemandangan yang bagus.

Jadi, saya harap TV3 boleh juga dimasukkan di dalam perkhidmatan Astro yang sudah memberikan perkhidmatan untuk lebih kurang 23 stesen setakat ini dan akan ditambah sampai 30 stesen. Walau bagaimanapun, ada satu aduan yang sering dibuat oleh orang ramai iaitu filem-filem yang ditayangkan itu selalu diulang-ulang dan filem-filem itu selalunya sangat tua. Bolehkah kita minta pengusaha Astro ataupun rangkaian-rangkaian TV itu mengadakan filem-filem yang lebih terkini dan juga tidak mengulang-ulang tayangannya sampai setiap hari orang-orang yang melihat program itu menjadi bosan selepas satu atau dua bulan?

Selain daripada itu, saya ingin mengucapkan tahniah kerana ada saluran TV Pendidikan dan saluran TV Kartun khas untuk kanak-kanak dan ada saluran TV untuk *Business News* dan sebagainya. Itu adalah sifat-sifat yang baik yang kita mesti puji.

Tuan Pengerusi, barangkali Kementerian Penerangan mesti menggalakkan saluran-saluran TV itu menambahkan program-program dalam bahasa Mandarin iaitu rancangan berbahasa Cina di dalam sebutan bahasa Mandarin dan bukan di dalam loghat-loghat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serdang tadi.

Saya juga minta Metro TV yang disiarkan dalam Lembah Klang ini.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bermaksud MetroVision?

**Dr. Tan Chong Keng:** MetroVision itu dalam Butiran - Penyiaran penyiaran. Jadi, bolehkah kementerian mencadangkan kepada MetroVision itu supaya lebih banyak program dalam bahasa Mandarin dimasukkan ke dalam program-programnya.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Program 050300 - Bayaran Perkhidmatan/Langgan Talian Data, Jaring/Internet, MIMOS, Time Telekom, STM dan sebagainya, saya ingin ucapkan tahniah kepada negara kita kerana sudah berjaya melancarkan MEASAT II. Dengan pelancaran MEASAT II dan ada minat tambahkan

lagi satelit-satelit pada masa depan dan dengan harapan kita akan lancarkan satelit-satelit melalui kepakaran kita sendiri, bukan melalui kepakaran Peranchis pada masa hadapan. Kita mesti cuba kurangkan bayaran untuk talian data, Jaring, Internet supaya membolehkan lebih ramai pengguna-pengguna Internet ataupun Telnet dan sebagainya, MIMOS dan semua alat-alat yang lebih canggih, cara-cara perhubungan teknologi maklumat yang lebih canggih sampai kita boleh membawa faedah kepada sekolah-sekolah dan institusi-institut pengajian tinggi sama ada kerajaan ataupun swasta.

Kta berharaplah negara kita ini boleh melangkah ke hadapan menjadi sebuah negara yang mempunyai kecanggihan dalam teknologi maklumat, lebih-lebih lagi mempertingkatkan lagi mutu perhubungan elektronik di antara sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi pendidikan. Dan dengan cara itu kita boleh menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah pusat eksport pendidikan yang cemerlang.

Jadi, dengan kata-kata itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit.

**6.54 ptg.**

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memperkatakan berkenaan dengan Program 030300 iaitu Akhbar dan Perhubungan.

Saya juga bersetuju seperti rakan-rakan yang lain bahawa perlu ada satu badan pengawal untuk mengawasi bahan-bahan yang disiarkan di dalam akhbar. Kalau tadi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar bercakap tentang etika kewartawanan, saya di sini ingin mengkhususkan perbincangan saya kepada kesalahan-kesalahan bahasa yang terdapat di dalam akhbar-akhbar khususnya di dalam iklan-iklan.

Tuan Pengerusi, tidak beberapa lama dahulu semasa membincangkan tentang anggaran perbelanjaan Kementerian Pendidikan saya ada menyarankan Dewan Bahasa

dan Pustaka supaya mengawasi tentang iklan-iklan yang keluar dalam akhbar dan sekarang saya ingin pula merayu kepada Kementerian Penerangan supaya, kalau belum ada, ditubuhkan satu jawatankuasa untuk mengawasi penggunaan bahasa khususnya di dalam iklan-iklan dan sebaik-baiknya di dalam jawatankuasa ini dimasukkan juga ahli ataupun wakil daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ini amat perlu, Tuan Pengerusi, kerana sekarang ini kita dapati bahawa iklan-iklan yang disiarkan di dalam akhbar bukan sahaja mengandungi maklumat-maklumat yang tidak betul tetapi ada juga yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang dianggap salah. Sebagai contoh, saya ingin mempamerkan satu iklan yang saya bawa keratannya pada hari ini. Iklan ini disiarkan di dalam akhbar Melayu di mana kita dapati kesalahan ayat dari segi struktur, maksud, ejaan bahkan dari segi semangat iklan itu sendiri.

Pemaparan ayat-ayat yang salah dari segi ciri-ciri linguistiknya ini membawa kesan yang buruk terhadap pembaca-pembaca khususnya pembaca-pembaca remaja dan mereka yang bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu. Sebagai contoh, ini ada satu iklan yang dikeluarkan oleh MBf. [*Sambil mengeluarkan satu keratan iklan*] Dan iklan ini berbunyi “Sertailah Kelab Simpanan Paling Bergaya dan Dapatkan Tawaran Yang Hebat Ini”.

Tuan Pengerusi, di sini saya dapat mengenal pasti tiga kejanggalan. Kejanggalan yang pertama ialah bahasa Melayu di dalam iklan ini dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris. Ini akhbar Melayu, iklan Melayu tetapi kenapa dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris. Kenapa ada perkataan “Thin saver” di sini, kenapa ada perkataan “Super Cool Pack”, kenapa ada perkataan “Cool Pack”. Seelok-eloknya di mana ada bahasa Inggeris, bahasa Inggeris itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Rasa saya yang paling sesuai sekali, kalaulah iklan yang sama ini disiarkan di dalam akhbar bahasa Inggeris, akhbar bahasa Inggeris itu ayat-ayat Inggerisnya pula

mesti disulami dengan bahasa Melayu. Yang ini terbalik, tidak menepati semangat Dasar Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Pengerusi, yang keduanya saya ingin memperkatakan tentang ilustrasi, gambar yang didapati di dalam iklan ini. Ilustrasi yang ada di sini menunjukkan seorang lelaki memakai seluar panjang dan baju-T dan seorang remaja perempuan memakai baju-T dan seluar pendek (shorts). Ini tidak membayangkan budaya orang-orang Malaysia. Mana ada remaja-remaja perempuan yang sentiasa berpakaian shorts, seolah-olah seluar pendek ini ialah pakaian yang dominan bagi remaja-remaja perempuan. Yang ini, Tuan Pengerusi, rasa sayalah tidak ada pengawalan, tidak ada pengawasan, tidak ada satu badan. Saya ingin cadangkan di sini bahawa badan yang saya rasa paling sesuai ialah badan yang ditubuhkan oleh Kementerian Penerangan. Jadi, kenapa dibiarkan budaya yang semacam ini? Seolah-olah inilah trend atau inilah stail, gaya pada masa kini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, Parit Sulong hendak minta penjelasan daripada Parit. *[Ketawa]*

Adakah Yang Berhormat saudara sedar bahawa sebilangan besar syarikat iklan di negara ini mempunyai ekuiti asing yang juga besar dan adakah saudara Yang Berhormat sedar bahawa sebilangan majoriti copy writers iklan-iklan di dalam negara ini juga bukan orang yang mahir dan profisien di dalam bahasa Malaysia. Oleh itu adakah saudara mahu mencadangkan mana-mana pihak pemerintah yang serasi untuk melihat struktur-struktur agensi iklan oleh kerana inilah punca kepada segala apa yang saudara jelaskan tadi. Terima kasih.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Ya, terima kasih Parit Sulong, saya Parit bongsu. Dan saya amat bersetuju, saya sedar tentang adanya anasir-anasir

seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi. Sebab itulah saya rasa bahawa Kementerian Penerangan harus mengambil daya usaha di dalam hal ini untuk mewujudkan satu badan pengawal. Saya tidak kiralah badan itu hendak dinamakan apa ataupun siapa yang hendak penuh berkuasa di situ tetapi yang pentingnya mesti ada.

Sebab kalaulah cara-cara begini kita biarkan ia memberikan gambaran yang salah tentang budaya kita. Kalau mungkinlah pengiklan mengatakan diadakan pakaian begini, sebab terang-terang pakaian begini bukan merupakan pakaian remaja-remaja Islam yang bilangannya majoriti di negara kita ini. Jadi, kalaulah pengiklan mengatakan bahawa perlu ada begini sebab ini untuk menarik remaja-remaja bukan Islam, maka itupun sudah salah dari segi semangatnya. Sebab kita di sini hendaklah menarik semua remaja dari semua kaum di negara ini untuk menyimpan wang. Jadi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya hendak mencelah sedikit. Saya rasa walaupun teguran Yang Berhormat itu memang bernas, tetapi nampaknya ianya tidak sejajar dengan apa yang tertera dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat teliti muka surat 582. Sebab butiran yang dibangkitkan itu cukup jelas, 030300, iaitu Akhbar dan Perhubungan.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Pengerusi, cuma yang saya ingin memperkatakan di sini bahawa di dalam Kementerian Penerangan itu ada bahagian akhbar. Jadi, saya mahu orang-orang, pegawai-pegawai, pihak yang berkuasa dalam bahagian akhbar itu sendiri harus prihatin tentang hal ini dan mengawasi supaya iklan-iklan seperti ini tidak terdapat di akhbar. Sama juga dengan televisyen, kalau ada kawan-kawan saya tadi mengkritik tentang rancangan yang keluar di televisyen, tetapi saya cuma hendak memberi pandangan saya tentang apa yang dipamerkan oleh pihak



akhbar, dan akhbar ini ada juga di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan. Tetapi saya mengambil perhatian tentang teguran Tuan Pengerusi tadi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi yang ingin saya sebutkan di sini, saya hendak jelaskan bahawa saya amat bimbang tentang kesalahan bahasa yang ada di sini. Sebab dari segi semantiknya pun salah. Mana ada “kelab simpanan paling bergaya.” Itu sudah salah. Kalau kita baca daripada satu teori linguistik oleh Biaswich dalam penerbitan John Lion yang bertajuk ‘Semantic’, yang dikatakan ‘bergaya’ itu ialah orang ataupun binatang dalam hal-hal tertentu. Tetapi tidaklah institusi itu boleh bergaya. Jadi, di situ pun sudah salah.

Kaitannya di sini, seperti semalamlah saya ingin hendak ulang balik. Saya ingin hendak bangun semalam, Tuan Pengerusi, tetapi Ketua Pembangkang, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak membenarkan saya. Jadi, saya ingin hendak ulas di sini. Saya takut kalau ada ayat-ayat yang salah seperti ini dipamerkan melalui akhbar-akhbar, saya takut ramai rakyat Malaysia nanti terkeliru sama seperti Ketua Pembangkang semalam sudah terkeliru, di mana Ketua Pembangkang telah menegur Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang penggunaan perkataan ‘anak jantan dan anak betina’ yang kononnya mengikut Ketua Pembangkang bahawa penggunaan perkataan ‘betina’ itu merupakan satu penghinaan kepada kaum wanita.

Tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa sangkaan Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu salah sama sekali, kerana kalau kita ambil teori linguistik sekali lagi, sebab itu saya ingin hendak menggunakan teori supaya ada kefahaman yang betul di sini. Bronislaw Malinowski, di dalam tahun 1923 bersama dengan J. Alferd, di dalam satu rencana *Personality and Language in Society* telah ada mengatakan bahawa kita ada teori keprihalan keadaan, di mana sesuatu bahasa itu wujud berteraskan ataupun berdasarkan keadaan sekelilingnya. Selain daripada itu, pakar antropologi juga berpendapat bahawa

bahasa berkait rapat dengan budaya dan pola-pola perlakuan sesuatu komuniti pengucapan ataupun speech community itu ada hubung kait dengan bahasa yang digunakan. Jadi, tidak adalah kesalahan seperti 'anak jantan, anak betina'. Yang itu, parti anak jantan atau parti anak betina berdasarkan peribahasa ataupun perumpamaan yang sudah ada di dalam masyarakat pengucapan Bahasa Melayu sejak zaman dahulu lagi. Dan ini tidak salah.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Parit. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan supaya Ketua Pembangkang ini pergi belajar lagi bahasa Melayu dan dia tak layak jadi Ketua Pembangkang, kerana dia tak faham bahasa dan juga budaya Melayu?

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat, sabab saya tidak hendak ada salah faham macam ini. Sebab kalau Ketua Pembangkang ini sudah salah faham, dan dia berucap di Parlimen, dan kadang-kadang dia kata ini penghinaan kepada wanita - ekor matanya melihat kepada kami wanita, kami rasa tercabar. Tetapi hendak jawab kepada beliau tak kena, sebab apa hujah yang dibuatnya itu tidak perlu dijawab sebab tak tepat dengan maksud. Jadi, saya rasa pada pendapat saya, saya ingin beri satu pesanan....

**Seorang Ahli:** Tuition.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuition itu mungkin saya tak beranilah. Tetapi saya ada satu pesanan, Ketua Pembangkang tidak ada di sini, tetapi

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada, tolonglah sampaikan satu rangkap pantun saya untuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Seorang Ahli:** Jangan salah faham lagi ya!

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:**

“Berburu ke padang datar,  
Dapat rusa berbelang kaki,  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.”

Itulah pantun saya untuk Ketua Pembangkang.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh tentang.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Gulung, okay. Saya gulung, Tuan Pengerusi. Satu lagi ya, Program 030400 - Penerbitan.

Saya rasa pada masa ini Kementerian Penerangan sudah tidak begitu banyak penerbitannya yang diberi kepada orang-orang awam. Saya sebagai Wakil Rakyat, rasa saya hampir dua tahun saya tak dapat lagi risalah-risalah, keterangan-keterangan daripada Kementerian Penerangan terus kepada saya untuk saya letakkan di pusat khidmat saya. Sebab saya rasa banyak maklumat baru, ucapan-ucapan di Dewan Rakyat, ucapan-ucapan dasar oleh pemimpin-pemimpin kita yang perlu diberi. Saya tahu boleh baca dalam surat khabar, memang. Tetapi baca dalam surat khabar itu banyak. Jadi, kalau ada pengkhususan, yang penting-penting itu buat dalam buku kecil, hantarkan kepada wakil rakyat.

Sebagai contoh, akhir sekali, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang amat penting yang saya rasa Kementerian Penerangan harus sebarkan ke seluruh Malaysia dan ceruk

rantau. Sebab tak berapa lama dahulu kawan saya Yang Berhormat dari Tanjong Karang sudah ada buat satu kesilapan. Semasa membincang tentang hal poligami, beliau mengatakan macam mana orang lelaki tidak boleh kahwin banyak, sedangkan wanita terlalu ramai. Ikut kata Yang Berhormat dari Tanjong Karang, 1 orang lelaki: 14 wanita. Jadi, saya tak tahu dari mana dia dapat statistik perangkaan yang tak betul ini. *[Ketawa]*

Alhamdulillah, tadi ada tersiar dalam akhbar satu maklumat daripada Jabatan Perangkaan mengatakan 1 orang perempuan: 1.2 lelaki. Bermakna Yang Berhormat dari Tanjong Karang sekarang ini sudah kita perbetulkan dengan fakta bahawa orang lelaki lebih sedikit daripada wanita. Oleh sebab itu, tidak adalah alasan hendak gunakan itu untuk hendak kahwin.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang peminat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Bagi Yan dahulu.

**Tuan Noh bin Omar:** Tadi dia sebut Tanjong Karang, saya hendak betulkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak mengapalah, sekejap lagi bagilah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, diingatkan masa tidak mengizinkan. Sebenarnya masa untuk Yang Berhormat dari Parit sudah suntuk, sudah habis.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan. Jadi, sebenarnya saya hendak perbetul balik, Yang Berhormat dari Parit. Yang 1:14 itu di Wilayah Persekutuan, Lembah Kelang. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat macam mana kita hendak

mengatasi masalah ini? Cara yang paling baik, tak mahu kacau-bilau, rumah tangga elok, tetapi kita boleh mengatasi masalah ini. Kasihan, terima kasih. *[Ketawa]*

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Parit, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, masa sudah habis dan lagi pun apa yang dibangkitkan itu saya rasa terpesong sangat dari apa yang kita bincangkan.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya akan jawab Yang Berhormat dari Yan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Di luar Dewan tak mengapa.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tetapi satu sahaja, iaitu 1 lelaki: 14 wanita dahulu digunakan dalam konteks keseluruhan. Tetapi sekarang baru dibetulkan di Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sipitang.

**7.09 mlm.**

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Butiran 02000 - Perkhidmatan Penyiaran. Kemudian Butiran 030000 - Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, memang telah banyak diperkatakan mengenai bahan-bahan siaran dalam televisyen. Kita sering diberi komen ataupun melihat perkara-perkara ini bahawa satu perkara yang perlu dibetulkan. Banyak Ahli Yang Berhormat sebelum ini telah pun memberi komen tentang drama-drama yang disiarkan. Sebelum ini pun saya ada menyentuh tentang siaran drama-drama ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tujuan drama-drama ini disiarkan, memang, salah satunya adalah untuk hiburan. Kedua, untuk pengetahuan dan ketiga sebagai pengajaran untuk menyelesaikan masalah-masalah, misalnya, kalau dilihat masalah-masalah kemelut

keluarga, kemelut politik, kemelut perniagaan, tetapi ianya juga selalunya berunsurkan, sepatutnya ada ciri-ciri untuk meningkatkan toleransi atau mesej-mesej - untuk meningkatkan toleransi antara kaum, kemudian mesej untuk meningkatkan integrasi nasional dan sebagainya.

Tetapi sebenarnya, apakah kementerian sedar bahawa filem-filem ini sudah sampai atau belum kepada matlamat tersebut? Apa yang kita lihat sekarang ini, saya perhatikan matlamat atau mesej ini tidak terkandung di dalam banyak drama, ia cuma lebih menonjolkan soal kecantikan, soal lakunya filem tersebut dengan perjalanan cerita yang kadang-kadang kelam-kabut dan tidak sampai kepada apa yang kita maksudkan. Jadi, apakah kementerian telah ada kriteria-kriteria. Apakah kriteria-kriteria sebelum filem ini disiarkan, apakah ia berasaskan kepada kualiti, apakah ia berasaskan kepada jalan cerita filem atau drama tersebut? Apakah ia cuma dinilai dari segi kecantikan pelakon-pelakon wanita ataupun kesegakan pelakon-pelakon lelaki? Ataupun mahal atau murahnya filem tersebut, ataupun apakah ia cuma, seperti yang dikatakan oleh kawan kita tadi, bersandarkan kepada penilaian ataupun kesukaan pegawai-pegawai yang menilai drama-drama tersebut.

Jadi, sebelum filem-filem ini dikeluarkan juga, apakah penerbit-penerbit yang membuat kontrak dengan kementerian ini telah diberi garis panduan? Apakah ada garis panduan mengenai perkara-perkara yang perlu ditonjolkan sebelum filem-filem ataupun drama-drama tersebut dikeluarkan? Bukan tujuan kita untuk mengongkong kebebasan pengeluar-pengeluar filem ini, tetapi sekurang-kurangnya, kalau yang sudah ada kontrak dengan Kementerian Penerangan, sepatutnya diberi, inilah penekanan atau perkara-perkara yang patut ditekankan dalam isi kandungan drama-drama tersebut sebelum ianya disiarkan.

Kemudian, seperti yang saya katakan sebelum ini juga, apakah sudah ada panel penilai kualiti filem-filem atau drama tersebut. Apakah sudah ada, mengikut kumpulan-kumpulan jenis drama, sama ada ia berasaskan kepada cerita itu korporat, cerita itu bersandarkan agama, cerita itu bersandarkan politik, bersandarkan keluarga ataupun kombinasi kesemuanya sekali. Maksud saya di sini bukan juru tapis filem ataupun panel penapis filem, tetapi satu panel khas yang menilai kualiti filem tersebut. Apakah ini sudah ada dikeluarkan?

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang kita lihat dalam siaran televisyen sekarang ini ialah perkara-perkara penting, selain daripada dalam “Berita”, tidak ada liputan khas, misalnya, seperti satu masa dahulu, bahawa satu liputan hujah-hujah Ahli-ahli Parlimen ataupun perkara-perkara dalam soal jawab-mulut ataupun sebagainya, tidak lagi disiarkan seperti dahulu, cuma diselitkan satu dua perkara sahaja. Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, apakah kementerian bercadang menyiarkan kembali ataupun mengadakan kembali program liputan khas hujah-hujah ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen beserta dengan gambar-gambar sekali, kerana perkara ini, bila kita bercakap di kampung-kampung yang ada televisyen, dia kata sekarang ini mereka tidak tahu apa yang berlaku di Parlimen. Bukan semua orang boleh membaca surat khabar dan bukan semua kawasan sampai surat khabar. Kalau boleh kita adakah satu siaran khas iaitu Liputan Parlimen di rancangan televisyen, sama ada di TV1, TV2 ataupun TV3.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang yang menyuarakan perkara yang berkenaan. Kalau tidak silap saya, sejak setahun ini sudah dua, tiga kali - pihak kementerian ini komited,

dia bilang “akan diambil tindakan”, “dalam proses tindakan”, jadi, di mana agaknya silap di sini? Pada saya di dalam Dewan ini kita harus bercakap benar. Saya yakin perkara ini telah diarahkan kepada kakitangan berkaitan oleh Menteri ataupun Timbalan Menteri berkenaan, tetapi di mana silapnya sehingga Laporan Parlimen atau Laporan Khas Dewan Rakyat itu masih tidak disiarkan. Kita bersidang pun sudah hampir selesai pada 19.12.96, akan selesai, jadi, perkara ini tidak juga dibuat. Janji telah lama dibuat, tetapi saya tengok Timbalan Menteri pun, saya kasihan, hendak tanya ini pun malu juga saya, jadi, Yang Berhormat macam mana agaknya? Di mana silap dan pincangnya, adakah di pihak pegawai ataupun menteri? Terima kasih.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jelebu. Dia pun pelat, masuk-masuk loghat Sabah. Mungkin dia tujukan soalan itu kepada Setiausaha Parlimen. Tetapi saya memang bersetuju dengan pandangan beliau, kerana perkara ini sering menjadi tanda tanya dan memang banyak perkara penting, contohnya, soal perubahan dalam Perlembagaan, akta-akta yang dibentangkan, perlu disampaikan secara meluas. Memang ada di dalam surat khabar, tetapi bukan semua orang boleh membaca surat khabar. Jadi, saya minta sekali lagi kepada kementerian agar perkara seperti ini dikembalikan semula supaya mendapat liputan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin sentuh iaitu Butiran 030000, di bawah Program 030200 - Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat. Memang peranan kakitangan Jabatan Penerangan di daerah begitu penting sebenarnya. Mereka adalah sebagai punca untuk mendapatkan pengetahuan untuk mereka memberitahu dasar-dasar kerajaan dan juga sebagai tempat mereka bertanya bagi perkara-perkara yang bersangkutan di peringkat daerah. Tetapi nampaknya aktiviti luar sivik ini tidak begitu aktif pada masa ini. Mungkin, adakah ini oleh kerana pegawai-pegawai ini jemu ataupun



tidak ada perkara atau bahan yang akan disampaikan ataupun apakah pegawai-pegawai penerangan luar ini kurang menarik bagi mereka.

Jadi, saya rasa perkara ini perlu dipertingkatkan untuk mereka menyampaikan maklumat-maklumat dan saya memang juga melihat bahawa struktur jawatan kakitangan di peringkat daerah pada masa ini, misalnya, Pegawai Penerangan Daerah di bawah skim SSB, dia cuma S.6 - begitu jauh ke bawah dan di sesetengah daerah yang besar dia S.5. jadi, kalau boleh saya ingat kementerian perlu mengkaji bagi mempertingkatkan gred jawatan pegawai-pegawai penerangan daerah ini - kalau boleh, oleh kerana pada masa ini, mereka yang memberi ceramah ini bukanlah orang-orang kampung yang rendah pendidikan seperti dahulu, kerana kebanyakan mereka di kampung juga sudah tinggi pendidikannya, status kedudukannya sudah tinggi, jadi, memang sesuai lah pegawai-pegawai penerangan daerah ini juga perlu dinaiktarafkan ataupun dipertingkatkan. Kalau boleh di masa akan datang ini biarlah mereka yang mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah atau sekurang-kurangnya Diploma.

Bukan kita merendahkan mereka yang ada sekarang, memang mereka bekerja kuat, tetapi mungkin mereka juga mempunyai perasaan, kalau gred mereka itu rendah, mereka juga merasakan bahawa mereka itu terkebelakang. Jadi, saya mohon kepada kementerian untuk melihat dan mengkaji perkara ini.

Jadi, saya tidak ada apa lagi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

**7.18 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Suka saya menarik Maksud Bekalan 44 - di bawah Butiran 020000 - unit Perkhidmatan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, satu perkara mengenai ini, walaupun rakan-rakan yang lain telah membangkitkan, suka saya menyebut sedikit sebanyak dan mencadangkan mengenai perkara-perkara yang disentuh terlebih dahulu.

Sememangnya di dalam soal penyiaran, melalui televisyen, perkara-perkara yang telah disiarkan itu memang menjadi panduan dan penilaian kepada masyarakat, terutamanya, golongan kanak-kanak.

Jadi, sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu, saya melihat satu siaran "*Sinaran Pasport Kegemilangan*". Ada satu rancangan yang pernah saya lihat waktu siarannya dibuat, kita lihat di situ, seolah-olah peserta-peserta yang mengikuti dan memasuki pertandingan itu macam kena histeria. Terdapat tajuk lagu yang memerlukan peserta berduet antara lelaki dan perempuan, tetapi yang menyertai cuma seorang lelaki, makanya dia belah dua pakaian di badannya - sebelah kiri pakaian perempuan, sebelah kanan pakaian lelaki.

Apabila penyanyi lelaki, dia pusing ke kanan, bila nyanyi suara perempuan, dia pusing ke kiri, tetapi hanya seorang solo yang membuat showmanship, dengan izin, jadi, pakaiannya pun tak senonoh. Jadi, adakah ini merupakan satu budaya yang harus kita galakkan?

Dan saya ingin bertanya, adakah corak pakaian, gaya persembahan, yang baik itu mungkin diambil kira, apakah pakaian yang sedemikian diambil kira sebagai markah di dalam pertandingan itu? Jadi, kalau inilah yang dibuat, saya mintalah panel hakim ini diingatkan, janganlah masukkan perkara yang semacam ini sebagai cara untuk menguji mereka dan memberikan markah.

Tuan Pengerusi, perkara ini kena kaji sebab perkara ini nampak hanya dilakukan oleh orang Melayu kita pula itu! Jadi, ini yang hairan bin ajaib ini. Macam mana benda ini boleh diizinkan? Dan yang lain-lain begitulah pakaian terdapat juga yang menjolok

mata dan sebagainya masih berlaku. Jadi, saya mintalah perkara ini dikaji dan dilihat semula.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, sekarang ini kita lihat di mana-mana kita mengatakan bahawa kemalangan jalan raya itu memang banyak. Malaysia merupakan salah satu negara yang terkandung di dalam sepuluh negara yang tertinggi kadar kemalangannya. Saya ingat di samping iklan-iklan ini, saya minta kementerian mencadangkan kepada pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia di bawah Kementerian Pengangkutan untuk memperbanyakkan lagi iklan mengenai dengan kemalangan ataupun cara membawa kereta yang betul, bersopan dan berhemah.

Walaupun saya ternampak juga ada sesekali, tetapi tidak banyak, kalau boleh dirundingkan supaya Kementerian Pengangkutan diajak untuk menyiarkan lebih banyak iklan yang berbentuk pedoman-pedoman panduan terutamanya untuk menjaga keselamatan dan menyiarkan gambar-gambar kemalangan ngeri yang lebih kerap untuk mengingatkan masyarakat betapa bahayanya kemalangan yang berpunca dari sikap pemandu dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pencapaian dan prestasi aktiviti yang di bawah Maksud ini, saya lihat sebagaimana di dalam laporan ini, jumlah kutipan hasil melalui lesen TV itu memang banyaklah, kalau tahun 1995 - RM69.7 juta, tahun 1996 - RM85.8 juta. Jadi anggarannya, walaupun merupakan hasil sampingan kepada kementerian, berdasarkan kepada permasalahan yang masih berlaku, siaran TV tidak begitu menyeluruh baiknya, banyak tempat yang tidak dapat siaran TV yang jelas. Jadi, saya ingat tidak adillah untuk kita mengenakan cukai ataupun lesen perkhidmatan yang kita ambil daripada masyarakat yang sesekali hanya dapat melihat siaran yang baik. Tetapi, di sesetengah tempat itu seperti di kawasan Parlimen Jelevu, di kawasan Parlimen saya,

masih ada tempat yang tidak boleh melihat TV3 ataupun ada TV1, TV3 dan TV2 tidak dapat. Dan beginilah keadaannya.

Jadi, kalau boleh dibuat satu kajian yang menyeluruh apabila segala-galanya telah lengkap dan memuaskan pihak kementerian, barulah kita kenakan lesen ini dan kalau boleh dihapuskan teruslah, sebagaimana yang dicadangkan oleh rakan-rakan yang lain. Kerana untuk ke arah menggalakkan masyarakat menerima maklumat yang terkini sebagaimana objektif kementerian ini ataupun bahagian ini untuk mengendalikan hal-hal yang berkaitan untuk masyarakat, untuk disebarkan berita dan penerangan dengan begitu luas, akan dapat dicapai dan dipertingkatkan.

Oleh itu, kalau boleh dicadangkan untuk dihentikan kutipan lesen ini. Sebab, kalau kita melihat kemampuan pemeriksaan lesen TV ini pun berkurangan, kalau dari tahun 1995 pemeriksaan itu 661,000 kali, tahun 1996 anggaran 450,000 sahaja. Jadi, bermakna kemampuan dari kementerian itu sendiri telah menurun. Apa sebabnya? Mungkin kekurangan kakitangan ataupun tidak minatnya unit berkenaan untuk memeriksa atas sebab-sebab tertentu atau kemungkinan berdasarkan kepada perikemanusiaan ataupun sebagainya.

Tetapi, saya yakin dan percaya, sekiranya kementerian untuk hendak menguatkuasakan undang-undang ini, saya ingat ramai yang kena! Jika lesen tak dibayar duit orang ramai tidak terbuang untuk membayar gaji pekerja-pekerja lesen, masa pun tidak terbuang. Jadi, saya ingat eloklah kita hapuskan, mungkin kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan itu boleh ditumpukan kepada perkara-perkara dan tugas kuatkuasa yang lain.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, sebelum saya terlupa, saya hendak bertanyalah balik semula, kalau tak silap saya dalam bulan April ataupun bulan Mei dahulu, Timbalan Ketua Pengarah RTM telah pun hadir ke Jelebu untuk melihat tanah

bagi tapak Pusat Latihan Penerangan. Seluas 50 ekar telah pun dikenal pasti dan saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan setakat hari ni? Adakah jadi hendak dibina di Jelebu ataupun masih hendak buat di Port Dickson, di atas tanah yang satu ekar itu, yang nilainya lebih kurang RM1 juta sekarang ini, saya ingat. Dan 50 ekar tanah yang disediakan itu kemungkinan adakah kementerian masih berminat? Kalau berminat, silakan hadir cepat mulakan projek itu dengan segera, sebab Jelebu ini sudah menanti-nanti program raksasa daripada pihak pusat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, selain dari itu mengenai dengan perkhidmatan penerangan, suka saya hendak menyentuh juga perkara mengenai dengan penerangan dan ceramah kepada masyarakat. Sebagaimana yang dinyatakan tadi oleh rakan-rakan, memang kita lihat sekarang ini ceramah-ceramah ini kurang sangatlah berlaku terutamanya di kawasan luar bandar, kawasan penempatan peneroka Rancangan FELDA, di kawasan perkampungan Orang Asli, di estet-estet getah, di kampung-kampung baru dan sebagainya, sudah berkurangan. Tak ada macam dulu-dululah!

Maklumat yang dibukukan pun saya nampak banyak, banyak majalah, nota-nota yang dicetak, ada banyak di pejabat-pejabat penerangan, tetapi tidak diedar sepenuhnya. Saya pun tak tahu, adakah pernah disemak perkara ini? 10,000 naskah dihantar, berapa yang telah dikeluarkan, kena buat spot checklah. Apakah percetakan yang memakan belanja yang banyak itu digunakan sepenuhnya, atau dengan alasan untuk menghabiskan peruntukan sahaja? Cetak banyak-banyak, tetapi edarannya tidak dibuat. Masih banyak, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit tadi. Kita sebenarnya, tak dapat benda-benda ini, kalau kita hendak, kita pergilah ke pejabat penerangan.

Jadi, kalau kita itu bolehlah ambil, tetapi orang kampung macam mana? Sepatutnya diedarkan melalui sekolah-sekolah, melalui khutub khanah desa dan

sebagainya boleh diedarkan. Apa salahnya, benda itu percuma diberikan! Hendak simpan pun buat apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, sekejap lagi, izinkan saya Datuk ya? Sekejap lagi. *[Ketawa]* Menggulung!

Tuan Pengerusi, jadi, inilah bendanya yang sepatutnya pegawai-pegawai tengok. Berjuta-juta RM telah kita peruntukkan, benda itu dibuat tetapi tidak digunakan. Ada yang setengah beri kepada tauke goreng pisang untuk bungkus goreng pisang, buat apa? Tak betul ini!

Banyak dasar kerajaan sebagaimana yang dicetak dalam buku-buku berkenaan Banyak! Berapa ribu telah dicetak, dihantar ke pejabat-pejabat negeri dan daerah berapa ribu, tetapi diedarkan sebenarnya berapa, tidak pernah disemak!

Tuan Pengerusi, kita di peringkat daerah kita tahulah. Kita berita juga kepada pegawai-pegawai itu, tetapi selalu beritahu pun tak sedap juga. Seolah-olah kita hendak monitor kerja dia, bukan kerja kita itu. Jadi, kalau kita cakap banyak pun, nanti pegawai terasa hati dan marah pula. Jadi, tak seronok!

Di samping itu, Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, mohon Bahagian Geraksaraf ini, Geraksaraf ini tengoklah betul-betul. Geraksaraf ini dalam hanya maknanya, tetapi kalau kita lihat, apakah kerjanya sekarang? Ada pegawai-pegawai yang tidak menjalankan kerja dengan baik, lain yang disuruh, lain yang dibuat. Jadi, saya ingat garis panduan tugasnya itu, atau senarai tugas itu kena detail. Orang kata Fail Meja dia ke, senarai tugas itu kena selaraskan, kena semak sesekali. Kena panggil, laporan yang sebenarnya diterima dan kita 'counter check' dengan keadaan yang sebenarnya serta perbandingan dengan laporan-laporan. Sebab perkara-perkara ini banyak yang tidak betulnya berlaku. Kita bimbang salah maklumat yang diterima perkara yang tidak betul akan berlaku.

Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, mengenai K3P. Mengenai dengan K3P yang dicadangkan di kampung Gelang, Jelebu pada bulan Ogos 1996 yang lalu, oleh kerana masalah-masalah teknikal, ianya telah ditangguhkan. Jadi, saya mohon kementerian semak balik, bilakah kita hendak wujudkan dan kita hendak lancarkan. Jadi, saya ingat elok kita laksanakan dalam tahun ini ataupun awal tahun hadapan, saya tahu ianya bukan merupakan salah kementerian, itu adalah silap teknikal di peringkat daerah. Jadi, saya mohonlah perkara ini dapat disemak dan dikaji semula. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mas.

**7.31 mlm.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam membahas di dalam peringkat jawatankuasa khusus dalam satu, dua perkara sahaja. Iaitu, B.44 dalam Butiran 030000 Perkhidmatan Penerangan dan juga Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran secara keseluruhan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merakam ucapan terima kasih oleh kerana tidak lama di dalam tahun ini, Datuk Menteri sendiri melawat ke Sarawak dan khusus ke kawasan saya di Bukit Mas. Dalam lawatan 2 hari itu, lawatan sambil bekerja, saya rasa amat gembira sekalilah oleh kerana rakyat kita di sana pun rasa gembira sekali dan staf-staf ataupun kakitangan-kakitangan Jabatan Penerangan dan Penyiaran pun mengucapkan sebanyak terima kasih. Bukan senang untuk menteri daripada Pusat ataupun dari ibukota Kuala Lumpur datang ke kawasan yang jauh terpencil sekali di Limbang dan Lawas.

Saya mengucapkan terima kasih oleh kerana banyak cadangan yang kita bincangkan di dalam perjumpaan pada masa itu, baik di Lawas ataupun di Limbang sudah pun diambil tindakan khususnya masa untuk beberapa, dengan izin, 'dialect' di RTM Limbang. Misal kata dalam loghat Lon Bawang pada masa yang akan datang, masa yang

diberi dipanjangkan dan kita mengucapkan terima kasih. Loghat Lon Bawang, Tuan Pengerusi, itu loghat saya sendirilah, 'my own dialect' dengan izin. Terima kasih kepada Datuk Menteri.

Selain daripada itu, dari aspek penerangan dan penyiaran saya hanya ingin bertanya ataupun minta penjelasan dengan berterus-terang iaitu satu cadangan untuk menubuhkan satu TV Transposel di Ba'lalan. Ba'lalan, Tuan Pengerusi, iaitu satu kawasan yang berdekatan dengan sempadan Kalimantan, Indonesia dan sekiranya kalau TV transposel ini kita tidak dapat dirikan di sana, langsung mereka di sana tidak dapat tengok apa-apa rancangan, melainkan daripada memasang parabola. Ini pertanyaan saya, oleh kerana saya sendiri telah mengusahakan supaya satu tapak tanah yang sesuai untuk TV transposel ini di Ba'lalan, saya minta kementerian dapat mempercepatkan ataupun melaksanakan penubuhan TV transposel di Ba'lalan.

Yang kedua, saya ingin bertanya di sini, kita sudah bincangkan bersama-sama Datuk Menteri waktu dia melawat di kawasan kita, bukan sahaja untuk kawasan saya di Bukit Mas, Limbang dan Lawas. Banyak kawasan di negeri Sarawak, Tuan Pengerusi, sekarang ini belum menikmati siaran TV3. Kebetulan tadi, saya sudah berbincang dengan rakan saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, betul-betul Tuan Pengerusi, sekarang ini hanya di Kuching, Sibu dan Miri sahaja TV3 ada.

Tetapi malangnya, di kawasan-kawasan lain, kita belum ada kemudahan TV3 dan saya dengan secara khusus mintalah, kalau boleh panjangkan siaran ini dengan cepat sekali ke kawasan-kawasan tertentu khusus di kawasan saya di Limbang dan Lawas. Tuan Pengerusi, oleh kerana kadang-kadang rakyat di Limbang dan Lawas ini selalu membandingkan Malaysia dengan Brunei. Mereka selalu tengok televisyen Brunei, itu yang saya khuatir. Tetapi, saya berterima kasihlah waktu perbincangan dengan Datuk



Menteri, Datuk Menteri setuju supaya post ataupun RTM Limbang dan Pusat Penyiaran di Limbang, ada satu keunikan, dengan izin, 'there is a special needs for the RTM and also di Limbang post'. Saya mengucapkan terima kasihlah.

Yang ketiga, iaitu saya ingin bertanya di sini oleh kerana ini betul-betul masalah, bukan sahaja diutarakan oleh rakan sebelah sana, DAP. Tetapi yang kita hadapi sekarang ini di Sarawak, Tuan Pengerusi, iaitu sebelum kita menguatkuasa Akta Penyiaran yang kita pindahkan di dalam Dewan yang mulia ini, sebetulnya saya pun kalau secara terperinci tidak tahu berapa jumlah parabola yang telah dipasang ataupun dipakai di negeri Sarawak. Tetapi di kawasan saya, Bukit Mas banyak, Tuan Pengerusi, dan saya minta penjelasan di sini ataupun ingin bertanya, adakah tujuan kerajaan ataupun kementerian untuk melesenkan ataupun untuk 'to legalize', dengan izin, parabola yang sudah dipasangkan sebelum Akta Penyiaran ini dikuatkuasakan?

Khusus oleh kerana di kawasan ataupun banyak tempat di negeri Sarawak seperti di Sabah juga, di kawasan pedalaman, bukit-bukau memang susahlah, Tuan Pengerusi, untuk kita menerima TV1 dan TV2 dan lain-lain siaran sekiranya tidak ada parabola. Kebanyakan rakyat di Bukit Mas ingin tahu, apakah cadangan kerajaan kalau kerajaan tidak ingin memberi lesen atau to legalize, saya rasa susahlah Tuan Pengerusi, untuk menguatkuasakan akta ini. Oleh kerana cara kita menguatkuasakan nanti, mungkin susah. Kita hantar pegawai-pegawai untuk melawat beberapa kawasan yang jauh dan itu memakan belanja, bukan menyenangkan kerajaan.

Yang saya ingin terangkan di sini iaitu kita cubalah dengan cara positif, bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Kadang-kadang kita berjumpa dengan rakyat, mereka suruh kita, mintalah kerajaan di kawasan kita ini, kita bayar lesen, kita dapat tengok televisyen. Itulah sebabnya, saya ingin bertanya dengan kementerian kalau bolehlah, di kawasan-kawasan tertentu dan saya juga berterima kasih kepada kerajaan, oleh kerana Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen pun berasal daripada Sabah. Beliau peka dan prihatin terhadap masalah yang kita hadapi di Sarawak.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin juga bertanya di sini selain dari loghat-loghat yang saya sebutkan tadi, adakah kerajaan bercadang misal kata kaum

Penan. Bagaimana kita dapat, 'how do we reach them' dengan izin, daripada dasar-dasar kerajaan, selain daripada kita melawat mereka. Dengan izin, saya harap kementerian 'think about this kind of problem'.

Tuan Pengerusi, itu sahaja dan saya berharaplah segala perkara yang kita bangkitkan sewaktu lawatan menteri dulu itu kalau boleh, cuba selesaikan dan teruskan. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sepang, selepas ini kementerian menjawab.

**7.40 mlm.**

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Maksud B.44.

Mula-mula tadi saya hampir menarik diri kerana keadaan dalam Dewan ini agak sejuk sekali. Saya ingin menyentuh Butiran 030200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat, iaitu salah satu program perkhidmatan penyiaran. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Penerangan kerana telah pun melaksanakan objektifnya menyebarkan maklumat baik melalui radio dan televisyen bagi membina sikap peribadi dan nilai-nilai yang sesuai bagi mendukung pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang harmonis, maju dan bersepadu

Secara khususnya saya ingin menyentuh tentang perihal peranan kementerian dalam memberi laluan untuk iklan-iklan di TV dan radio khususnya di TV. Bagi iklan berunsur kemasyarakatan seperti AIDS, penderaan kanak-kanak, kempen penjagaan sungai dan beberapa iklan seumpamanya yang telah kita lihat disiarkan di TV.

Saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi, agar skop dan jenis-jenis iklan seperti ini diperluaskan lagi, umpamanya iklan mengenai kanser payu dara dibuat untuk memberi maklumat kepada wanita di seluruh negara. Iklan mengenai masalah sosial remaja dan talian 'Help Line' dengan izin, boleh disiarkan untuk memberi kesedaran

kepada golongan remaja tentang tugas serta tanggungjawab mereka sebagai anggota masyarakat dan bukannya mereka berfungsi untuk mencari dan mendapatkan kepuasan diri semata-mata.

Memandangkan hal bahawa kementerian berperanan dalam menyediakan khidmat untuk menerang dan menyebarkan maklumat secara terperinci dan mendalam, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian berperanan dalam menentukan bentuk penyampaian iklan-iklan seperti ini. Kerana dari pemerhatian saya, saya dapati kebanyakan iklan seperti ini disampaikan melalui nyanyian, antaranya yang telah disiarkan adalah iklan mengenai kempen penjagaan sungai, malah kempen kesedaran AIDS juga.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bentuk penyampaian melalui nyanyian mungkin tidak begitu berkesan kerana pemahaman senikata lagu diperlukan, pemahaman dan kebolehan menilai mesej yang hendak disampaikan perlu dibuat oleh penonton. Ini merupakan proses perlahan dalam menyampai mesej kepada penuntut. Jadi, saya rasa kesan yang dikehendaki juga lambat dan dari beberapa pertanyaan yang saya buat rata-rata golongan dewasa profesional yang menonton iklan-iklan sebegini berpendapat bahawa iklan-iklan ini terlalu panjang dan long winded, dengan izin. Oleh itu, adalah baik sekali konsep penyampaian mesej dibuat dengan lebih teliti dan profesional iaitu ianya lebih mudah direct to the point, dengan izin, dan tidak meleret-leret. Contoh paling baik bagi maksud ini ialah iklan untuk kempen memandu dalam keadaan mabuk, iklan pembuangan sisa toksik dan iklan untuk menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-39 tahun ini, yang dibuat oleh Petronas. Tidak silap saya adalah bentuk penyampaian yang baik dan memberi kesan positif kepada penonton.

Saya juga ingin mencadangkan agar approach, dengan izin, terhadap isu-isu sosial yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan agama disampaikan dengan jelas dan

tepat kepada masyarakat. Seperti masalah sosial, seperti hubungan sesama jenis lelaki atau perempuan, pergaulan bebas hingga menyebabkan kes-kes mengandung di luar nikah dan kes-kes pembuangan bayi, minum arak dan seumpamanya disiarkan, dengan cara yang lebih direct dan tepat bagi menunjukkan pendirian agama, kerajaan dan masyarakat terhadap pemerosan nilai budaya dan kemanusiaan, kerana kita mahu impactnya, dengan izin, kumpulan sasar, lebih berkesan dan nyata. Kalau boleh iklan-iklan ini mampu memberi kejutan kesedaran kepada penonton.

Saya mengatakan sedemikian kerana di negara Barat sendiri mereka menyuarakan kesalahan perilaku sosial yang disebutkan tadi melalui iklan-iklan di TV dengan penyampaian yang berterus-terang dan tanpa menggunakan perkataan-perkataan yang apologetic atau mengelirukan orang ramai. Jadi, adalah baik kita membuat sesuatu pendirian yang kukuh dan jelas mengenai isu-isu sosial ini. Saya berpendapat sedemikian, kerana kesan kekalutan sosial yang kita hadapi sekarang, jika tidak dibendung bersungguh-sungguh akan dirasai dalam 5 atau 10 tahun dari sekarang. Kesannya bukan sahaja kepada anggota masyarakat itu sendiri, tetapi lebih teruk lagi kesannya terhadap ekonomi negara. Kita harap pada masa itu nasi tidak menjadi bubur.

Sekian, dengan itu saya minta pihak kementerian memberi jawapan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Diminta kementerian menjawab.

**7.47 mlm.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang dan Usul Anggaran Pembangunan 1997.

Pada kali ini sebanyak 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, semuanya telah memberi pandangan, teguran yang konstruktif, yang bernas, yang benar-benar mendorong bukan hanya kementerian keseluruhannya, tetapi daripada menteri sampai pegawai-pegawai untuk mempertingkatkan lagi prestasi seperti tuntutan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap.

Saya nampak ada semacam tuntutan dan keperluan satu reformasi yang perlu dibuat di Kementerian Penerangan di atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang cukup mendorong untuk kita membawa kebaikan. Ini meliputi semua aspek bukan hanya Jabatan Penerangan bahkan termasuk juga pengiklanan dan juga drama serta program yang ada dalam televisyen.

Semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan teguran ini saya menjunjung tinggi. Hanya saya minta untuk membetulkan dua sahaja.

Yang pertama, Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan tidak menyokong, yang lain semuanya menyokong dan Ketua Pembangkang saya tidak dengar sama ada menyokong ataupun tidak, beliau tidak menyebut. Namun saya hendak perjelaskan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sedikit mengenai teguran beliau terhadap Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Dalam Majlis MoU di Palembang baru-baru ini, Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyebut, seolah-olah Yang Berhormat Menteri Penerangan telah mencampuri urusan negara lain, telah membenarkan satu tindakan di luar perikemanusiaan berlaku seperti yang didakwa oleh Ketua Pembangkang. Namun, baiklah saya memperbaiki sedikit, membetulkan apa yang salah anggap atau salah tuduhan Yang Berhormat terhadap Menteri Penerangan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong, Menteri Penerangan dalam ucapan beliau menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dalam perjumpaan tersebut menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain

seperti kes Timor Timur. Ini saya rasa perlu, satu keharusan bagi saya untuk memperbetulkan kenyataan Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ada membuat apa-apa tuduhan bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan ada campur tangan dalam urusan lain, tidak. Apa yang saya kata bahawa sikap ucapan beliau menunjukkan satu sikap yang tidak hormat, dignity negara kita sendiri, yang nampaknya menerima satu 'big brother' konsep Indonesia.

Sepatutnya apa yang beliau harus buat, kalau dia mahu buat ialah untuk menjelaskan pendirian kerajaan Malaysia dalam kes Conference Apcet II dan bukan untuk memutarbelitkan apa yang berlaku bahawa ada satu ban oleh kerajaan, tidak ada dan memberi sebab-sebab yang menunjukkan bahawa negara kita tidak sovereign, kita tidak ada berdaulat dan ada kuasa kita sendiri untuk menentukan apa-apa isu sungguhpun bersabit dengan negara-negara jiran.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak menganggap adanya 'big brother' attitude terhadap Indonesia. Apa yang dinyatakan oleh beliau adalah bersifat complementary dalam isu ini. Beliau mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia cukup yakin bahawa Indonesia boleh di bawah pimpinan Golkar boleh menyelesaikan masalah Timor Timur dan Kerajaan Malaysia tidak sama sekali ikut campur dalam isu tersebut. Ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan ini tidaklah memperlihatkan bahawa adanya sikap Yang Berhormat Menteri Penerangan, menganggap bahawa sama ada Menteri Penerangan Indonesia atau negara Indonesia seluruhnya sebagai 'abang'.

Sudah sampai masanya sikap atau pendapat yang demikian tidak ada sama sekali malah pada hari ini kita lebih superior daripada Indonesia dalam semua aspek. Ini .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nak bagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri Penerangan ada hak untuk menyuarakan pandangan yang ada disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pendirian Kerajaan Malaysia mengenai Timor Timur. Tetapi oleh kerana ada berlaku peristiwa Apcet II, di mana conference ini ada diceroboh oleh puak-puak Pemuda yang datang daripada Barisan Nasional yang menggunakan kelakuan yang tidak hormat undang-undang, melanggar undang-undang, yang boleh dikatakan 'gangsterish'.

Bahawa aspek ini apabila dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam ucapannya di MoU, bukankah ini memberi satu gambaran bahawa Kerajaan Malaysia sokong tindakan lawless dan gangsterish ini. Bukankah ini memberi satu gambaran yang tidak baik?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tidak, saya tidak fikir atau berkeyakinan bahawa kerajaan tidak menyokong tindakan ini, hanya Yang Berhormat, kalau saya suka bertanya, apabila Kerajaan Malaysia menasihatkan NGO supaya membatalkan persidangan tersebut dan kerajaan sendiri tidak membenarkan persidangan itu diadakan. Apakah kita boleh melarang good citizen untuk meluahkan perasaaan dengan tindakan yang demikian?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kita hormat keputusan kerajaan yang mahu buat keputusan menasihatkan penganjur-penganjur Apcet II, jangan teruskan. Tetapi bukankah sebagai sebuah negara yang demokratik, di mana kita mahukan satu masyarakat Madani, di mana kita menghormati supaya rakyat dan fikiran mereka termasuk ada ruang (space) untuk decent, kita pun patut menghormati hak NGO untuk meneruskan conference itu selain daripada kerajaan mahu mengharamkan mesyuarat.

Oleh kerana kerajaan tidak mengharamkan mesyuarat itu, dan menteri-menteri kanan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semua mengakui, bahawa tidak ada satu ban yang dikeluarkan

dan mesyuarat Apct II itu satu mesyuarat private, satu mesyuarat yang tidak melanggar undang-undang. Bukankah tindakan sesiapa yang mahu mengeluarkan perasaan mereka yang melampaui undang-undang yang tidak berbeza daripada "gangster hoodlum" tidak dibenarkan. Tidak patut dibenarkan, tidak patut dikutuk dan sampai sekarang mana mereka ada didakwa dalam mahkamah. Bagaimana ada kepercayaan dalam negara atau di dunia bahawa kita ada "rule of law" atau kita ada "rule of gangsters" dalam negara kita?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat, lima daripada anggota yang bertindak ini akan dibawa ke mahkamah, Yang Berhormat juga tahu dan ini menunjukkan bahawa kerajaan juga bersikap adil tetapi saya tidak hendak bawa ke arah tersebut, hanya saya mahu bahawa satu pembetulan dibuat agar Menteri Penerangan tidak menjadi tuduhan melulu. Tuduhan yang tidak berasas daripada Yang Berhormat dari Tanjong berkaitan dengan isu ini, dan ucapan beliau di Palembang baru-baru ini.

Beliau sama sekali tidak menganggap Indonesia sebagai adanya sikap 'big brother' dan beliau juga menyatakan Malaysia tidak campur tangan dalam isu Timor Timur di perjumpaan tersebut. Saya harap, isu ini tidak timbul lagi tuduhan terhadap Menteri Penerangan.

Selain daripada itu, berkaitan dengan surat yang saya pernah janjikan dengan Yang Berhormat. Saya suka hendak menyelesaikan masalah ini, pada hari ini, bahawa memang betul Yang Berhormat mempunyai right to access, dengan izin, terhadap surat yang saya nyatakan tetapi surat itu adalah surat yang pernah kita bincang waktu perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) baru-baru ini. Surat itu berkisar dengan perbincangan perbahasan rang undang-undang.

Jadi, saya membuat perhitungan peribadi bahawa apabila benda ini yang berkaitan dengan perbincangan Akta Telekom 1950 dengan Akta Penyiaran 1988 maka adalah



obsolete untuk saya kemukakan surat itu kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Malah .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa saya ada hak untuk access dokumen itu, bukan. Itu bukan isu, bukan isu saya ada hak untuk access. Isu ialah tanggungjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menunaikan janji yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa sama ada beliau seorang bermaruah yang mengikuti, menghormati janji yang beliau buat. Bukan hak saya untuk access, itu hal yang lain.

Masalah ialah sama ada beliau, an honourable man, dengan izin, an honourable man who keeps to his words, itulah.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat, apabila saya mengeluarkan isu ini mengenai surat, saya rasa ini satu honour. Satu honour untuk menyatakan, saya boleh lari daripada perbincangan mengenai surat tetapi saya hendak nyatakan secara ikhlaslah, secara terus terang. Surat itu berkaitan dengan perbincangan kita di Parlimen. Surat itu berkaitan dengan perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) yang baru lalu, jadi apabila saya fikir, maka tidak authentic lagi untuk mengemukakan kepada Yang Berhormat. Bukan kerana maruah, bukan kerana apa, ini yang saya fikirkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah ini bererti sekarang mengatakan ini obsolete, tidak authentic? Saya pun tidak begitu faham sebab sebenar di dalam perkara ini kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang sudah menukar pendirian.

Adakah ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sekarang, selepas mengkaji fakta-fakta keseluruhannya bahawa pendiriannya sebenarnya tidak disokong oleh surat itu dan bahawa apa yang saya kata itu adalah benar bahawa di bawah undang-undang yang ada sekarang, bahawa di bawah Akta Penyiaran sebelum rang undang-undang itu dipinda, tidak ada kuasa untuk Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk mengeluarkan satu lesen untuk satellite broadcasting, sungguhpun ada kuasa di bawah Akta Telekomunikasi

untuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengeluarkan lesen untuk Astro, tetapi bukan untuk Menteri Penerangan. Dan kalau beliau ada mengeluarkan lesen dan ini disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini bahawa beliau ada mengeluarkan lesen, ini adalah satu lesen yang tidak sah atau illegal dan unlawful. Adakah ini kita setuju? Kalau setuju, tidak payah kita tengok surat. Surat itu tidak laku. Mungkin surat itu pun tidak exist, tidak wujudlah!

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat bercakap waktu perbahasan itu mengenai kuasa mengutip wang daripada Astro. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu. Untuk mengutip wang itu, I agree with you. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya agree bahawa apa yang dibuat oleh Astro tidak betul. Kalau perlu, kita shake hands. *[Disampuk][Ketawa]* I agree - correct.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sudah setuju?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang betul, betul; yang salah, salah. Tetapi soal lesen, no!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]* It is better late than never.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Soal lesen, no. Soal lesen, tidak. Soal lesen di bawah Akta Telekom, yes, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos meluluskan lesen peralatan stesen penyiaran. Akta Penyiaran 1988 meluluskan lesen penyiaran oleh Menteri Penyiaran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya sangat gembira mendengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang setuju bahawa Astro tidak ada kuasa di bawah Undang-undang Broadcasting sebelum Broadcasting Amendment Act wujud untuk mengutip wang. Kalau begitu, bukankah oleh kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak ada kuasa untuk mengeluarkan lesen oleh kerana kalau Menteri

Penerangan ada kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada Astro untuk perkhidmatan satellite broadcasting, Astro ada kuasa untuk mengutip wang. Kalau mahu setuju, setuju all the way, jangan separuh! *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Are you confuse about this?

**Tuan Lim Kit Siang:** Fully clear! *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan ya. Kita tidak ada masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, dua akta yang dipakai di dalam pengeluaran lesen ini seperti saya sebut tadi, Akta Penyiaran 1988 telah pun dibincangkan dan itu bersangkutan soal dasar, saya tidak perlu bangkitkan lagi di dalam perbincangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Yang Berhormat dari Tanjong juga telah bertanyakan soal patut atau tidak meneruskan penggunaan parabola yang ada sebanyak 40,000 di Sabah dan Sarawak. Saya suka menyatakan bahawa seperti saya sebutkan awal-awal, di dalam Akta Telekomunikasi tahun 1950 dan penggunaan parabola adalah di bawah bidang kuasa Akta Telekomunikasi 1950.

Di bawah Akta Penyiaran, Kementerian Penerangan tidak mempunyai kuasa ke atas parabola ini. Ini memang jelaslah.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak? Kita tidak ada masa.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tidak ada masa!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Beri saya selesaikan sedikit. Beri saya selesaikan sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai antena parabola. Sungguhpun di bawah undang-undang ia adalah di bawah bidang kuasa Akta Telekomunikasi dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai tanggungjawab parabolic antenna, tetapi bukannya benar bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan dan pegawai-pegawai yang lain di dalam Kementerian Penerangan pernah mengeluarkan kenyataan bahawa tindakan akan diambil terhadap tuan-tuan punya parabolic antenna di Sabah dan Sarawak dan ini bukan menunjukkan bahawa ini ada sedikit yang bersabit dengan masalah broadcasting dan bolehkah Kementerian Penerangan berhenti membuat kenyataan semacam itu?

Kedua, berhubung dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya membenarkan mereka terus boleh menerima siaran-siaran satelit tanpa apa-apa tindakan yang diambil terhadap mereka?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Soal kenyataan itu bolehlah. Apa payahnya kalau kita tidak buat kenyataan, tidak apa, tidak ada masalah. Tetapi logically, 40,000 pengguna memakai parabola. Yang Berhormat fikirilah tindakan yang macam mana kita hendak ambil? Saya tidak payah jawablah soal itu. Tetapi bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan.

Saya suka menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka yang meminta supaya bahasa Cina dan Bahasa Tamil di TV1 dan TV2 yang tidak mencukupi dan minta ditambah. Suka saya nyatakan bahawa buat masa ini TV2 menyiarkan rancangan berbahasa Cina sebanyak 13 jam seminggu dan kajian juga sedang dibuat untuk menambah siaran berbahasa Cina menjadi 15 jam seminggu. Siaran di dalam bahasa Tamil juga akan ditambah selama 1 jam setengah seminggu. Untuk tujuan tersebut, bahan-bahan tempatan akan diberi keutamaan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mendakwa bahawa ada anak emas di dalam membeli filem-filem iaitu syarikat tertentu kemudian menjadi orang tengah dengan harga yang berlipat ganda di siarkan melalui RTM1 dan RTM2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan-ancangan terbitan tempatan, pembelian dibuat secara terus dan tidak ada orang ketiga dengan penerbit.

Untuk filem-filem luar negeri, perolehan dibuat dengan dua cara iaitu terus dengan pengedar antarabangsa (international distributor) ataupun agen-agen yang dilantik oleh pengedar antarabangsa. Ia tidak ada kena-mengena dengan RTM sama sekali. RTM tidak pernah menyalurkan perkara ini kepada mana-mana pembekal filem. Namun, RTM tidak pula dapat menyekat jika ada penerbit yang membuat dengan cara yang demikian. Ini adalah hak mereka. Ini untuk menjawab Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak? Jika tidak hendak beri jalan, tak usah beri jalan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tak usahlah Yang Berhormat, this is a very simple issue, bukan ada isu besar pun!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak, mengenai tiga syarikat penting!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kata jika tidak beri jalan, beritahu dekat saya, kata tidak beri jalan! Tidak beri jalan, ya?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada bargain. Saya tidak mahu ada tawar-menawar, Yang Berhormat.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tidak, saya hendak jawab ini. Yang Berhormat juga....

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan, ya.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga meminta agar kementerian siarkan berita dalam bahasa Mandarin. Ini juga telah diminta oleh rakan-rakan kita yang lain. Untuk makluman, TV3 adalah TV swasta, ini

berkaitan dengan TV3, iaitu TV swasta yang mempunyai pengurusan siarannya sendiri. Kementerian bukan sahaja tidak berhasrat, malah tidak mencampuri urusan TV3 kecuali hal-hal yang berkaitan dengan syarat lesen penyiaran TV3.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman meminta lesen TV dimansuhkan, begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Yan dan Jelebu. Suka saya menyatakan bahawa kerajaan belum bercadang untuk menghapuskan lesen TV, namun kerajaan sebelum ini telah menghapuskan lesen radio tetapi lesen TV belum lagi di dalam perancangan kerajaan.

Mengenai siaran radio bahasa Iban dan peralatan di RTM Kuching, sukalah saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman iaitu untuk memperbaiki siaran radio bahasa Iban, Kementerian Penerangan telah mengadakan satu pemancar radio “shortwaves” 100 kilowatt pada tahun 1994 dengan kos RM4.5 juta. Pemancar ini amat sesuai untuk keadaan gunung-ganang di Sarawak. Peralatan di RTM Kuching memang diperbaharui dari masa ke semasa. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM5.38 juta telah diperuntukkan untuk penggantian alat radio di RTM Kuching.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berkaitan dengan iklan tahunan dan sumbangan kecil, suka saya nyatakan bahawa hasil iklan tahunan radio dan TV ialah di antara RM300 juta hingga RM350 juta kira setahun, kira-kira 45% dari hasil iklan iaitu dari iklan-iklan jenama rokok. Selain daripada itu, jenis rancangan yang sentiasa mendapat sambutan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, sukalah saya nyatakan bahawa rancangan yang sering mendapat sambutan ialah rancangan sukan, tayangan gambar dan hiburan dan pihak kementerian tidak bercadang untuk memaksa pengiklan-pengiklan menaja rancangan-rancangan tertentu sebaliknya kebebasan membuat pilihan adalah diberi kepada pengiklan.

Walau bagaimanapun, rancangan berbentuk infotainment dan edutainment tetapi disiarkan meskipun tanpa penaja. Kementerian juga tidak membenarkan sebarang jenis iklan yang memberi promosi kepada rokok atau barang-barang yang boleh diertikan sebagai mendorong tabiat merokok. Sungguhpun demikian, kementerian ini berpendapat bahawa adalah tidak adil untuk tidak membenarkan iklan-iklan dari syarikat-syarikat pengeluar rokok yang pada masa yang sama mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan lain selain daripada rokok.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga mempersoalkan soal ekuiti asing dalam syarikat agensi pengiklanan, penggunaan bahasa dalam iklan dan media cetak. Suka saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan sedar bahawa kebanyakan agensi pengiklanan di negara ini mempunyai ekuiti asing yang besar. Sungguhpun demikian, kementerian ini hanya akan berurusan dengan agensi-agensi pengiklanan yang mempunyai sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan di mana syarat-syarat ekuiti telah diambil kira. Mengenai penggunaan bahasa dalam iklan-iklan media cetak adalah di luar bidang kuasa Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah mempersoalkan penggunaan bahasa Mandarin termasuk dalam TV. Beliau juga telah menyatakan bahawa filem kantonis tidak sesuai dengan masyarakat Cina dan meminta agar diadakan perubahan filem-filem dalam bahasa Mandarin. Saya suka menyatakan bahawa RTM menyiarkan program berbahasa Mandarin dan Kantonis kerana ada penonton berbahasa Kantonis dan Mandarin. Matlamat kita untuk memberi keadilan kepada semua golongan mengenai filem Kantonis sudah lama tetapi RTM juga menyiarkan filem-filem lama pelbagai bahasa termasuk yang berbahasa Melayu.

Ahli Yang Berhormat dari Yan telah meminta supaya waktu siaran Berita Perdana jam 8.00 ditukarkan kepada jam 9.00 dan memansuhkan lesen TV seperti saya sebut tadi,

meminta gantikan kamera Filem Negara yang telah usang. Suka saya nyatakan bahawa Berita Jam 6.00 dan Berita Jam 8.00 hampir sama. Jika tidak sempat tengok Berita Jam 8.00 bolehlah menonton Berita Jam 6.00.

**Tuan Pengerusi:** Jam 6.00 dahulu, Yang Berhormat. Jam 6.00 dahulu, jika tidak sempat jam 6.00 barulah jam 8.00. *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** *[Ketawa]* Sebab Ahli Yang Berhormat dari Yan dalam perbahasan tadi menyebut bahawa jam 8.00 biasanya orang menunggu waktu antara maghrib dan isyak di surau dan oleh kerana itu tidak sempat melihat Berita Jam 6.00. Oleh yang demikian, mereka yang akan pergi ke surau untuk solat maghrib bolehlah menonton Berita Jam 6.00. Berita-berita itu hampir sama sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, betul jam 6.00 ini tetapi jam 6.00 depa dok dalam bendang lagi. Tidak sempat dengan trafik jam lagi.

**Tuan Pengerusi:** Dia dok di bendang lagi?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Dia dok di bendang lagi?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dok di bendang lagi, dok tambat kerbau, lembu itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Balik-balik ke rumah waktu maghrib, jadi...

**Tuan Pengerusi:** Ya.



**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lagi pun jam 6.00 banyak berita-berita daerah, berita-berita negeri. Jadi, saya mintalah. Ini permintaan orang-orang yang ahli-ahli masjid. Jadi, kalau kementerian buat yang itu, pahala pun lebih.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Masa dahulu pun pukul 9.00 juga bukan? Berita dahulu?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, betul, Tuan Pengerusi.

*[Tepuk][Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, jika cadangan untuk menukarkan Berita Perdana daripada jam 8.00 kepada jam 9.00, ia akan melibatkan pula pertukaran masa rancangan seperti rancangan selepas itu, salah satunya adalah rancangan Forum Perdana Hal Ehwal Islam. Jadi, kalau kita anjak daripada pukul 8.00 kepada pukul 9.00, Forum Perdana Hal Ehwal Islam terganggu. Jadi, kerana rancangan ini disiarkan pada jam 9.00 malam dan jika dianjakkan, ini akan timbul rungutan penonton terutama di Sabah dan Sarawak kerana siaran terlalu lewat, peralihan masa.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, Forum Perdana Hal Ehwal Islam ini malam Jumaat sahaja. Malam Jumaat memang orang suka tidur lambat-lambat sedikit, beri anak cucu lena dahulu. *[Ketawa]* Jadi, tidak apalah, malam Jumaat tidak apa, Tuan Pengerusi. Jadi, macam mana pandangan kementerian? *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tidak apa terganggu? Tidak apa ya? *[Ketawa]* Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Yan itu cukup baiklah, saya ingat kementerian akan duduk meneliti dan akan pertimbangkan terutama malam Jumaat.

*[Tepuk]*

Program Perkhidmatan Penerangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan agar menyediakan program yang lebih comprehensive bagi menerangkan dasar-dasar kerajaan. Ini termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Parit telah meminta supaya ada bahan-bahan terbitan untuk diedarkan. Bagi menjawab permasalahan ini, Kementerian Penerangan memang sedar mengenai keperluan dan kepentingan komunikasi bersemuka dalam menjelaskan falsafah dan wawasan serta dasar kerajaan kepada rakyat.

Justeru itu, kerajaan melalui Kementerian Penerangan telah menyediakan perancangan program yang komprehensif khususnya dalam menangani isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan, Yang Berhormat dari Jelebu dan Yang Berhormat dari Parit. Banyak kegiatan yang telah dan sedang dan akan dilaksanakan oleh jabatan yang berkenaan. Malahan dalam pelaksanaan program-program tersebut Jabatan Penerangan mengambil kira tahap kefahaman pendidikan dan lain faktor masyarakat supaya dapat menggunakan pendekatan yang paling sesuai agar penerangan yang diberikan difahami oleh masyarakat.

Berkaitan dengan.....

**Dato' Othman bin Abdul:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Dato' Othman bin Abdul:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar ucapan dari Yang Berhormat tadi tidak kurang dari empat orang yang membangkitkan tentang kelemahan soal program-program yang akan dijalankan Jabatan Penerangan ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Pengarah Bahagian Khas, Jabatan Penerangan ini dia lebih mementingkan dengan politik peribadinya sendiri sahaja? Yang dia buat program hanyalah untuk membina dirinya dalam politik, di sini dalam UMNO. Saya jumpa dia tiap-tiap minggu hari Jumaat, hari Sabtu, hari Ahad berada di Pendang. Sedangkan dia

seorang Pengarah Bahagian Khas seluruh Malaysia. Adakah Yang Berhormat bersetuju, sedar dan hendak membetulkan perkara ini? Sebab tugas dia ialah seluruh Malaysia.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, ini satu tuduhan yang serius. Saya terkejut dan terperanjat. Kalau Pengarah Bahagian Khas bersikap demikian, kita boleh ambil tindakan. Dalam menjalankan tugas dengan kerajaan tidak ada kepentingan politik peribadi. Saya akan siasat, beliau adalah pegawai kontrak, dan kita boleh tamatkan kontrak pada bila-bila masa kalau dakwaan itu betul.

**Dato' Othman bin Abdul:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Abdul:** Satu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan sedikit tentang ini.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah! Yang Berhormat tidak boleh beri penjelasan.

**Dato' Othman bin Abdul:** Saya hendak beritahu, tiap-tiap hari Jumaat dia ada di Pendang dia minta hendak baca khutbah di masjid.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah itu. Yang Berhormat sila teruskan.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, bagi menjawab siri Purba dengan buah silat yang disebut oleh Yang Berhormat dari Yan. Yang pertama, saya suka membetulkan bahawa program itu bukan program daripada Wayang Tinggi, tetapi adalah terbitan HVD. Tujuannya adalah untuk pasaran luar negeri yang sangat kuat persaingannya.

Bagi menjawab masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena berkaitan dengan drama berbahasa Inggeris yang tidak difahami oleh sebahagian rakyat di

negara ini, drama Melayu dalam bahasa Inggeris. Sukalah saya menyatakan bahawa dalam mengekalkan imej dan martabat negara bahasa Melayu - kita harus ketepikan. Kita akui bahawa keperluan untuk mempelajari bahasa lain adalah satu keharusan juga. Oleh yang demikian, drama rancangan berbahasa Inggeris adalah untuk menyumbang ke arah pemahaman bahasa Inggeris, peningkatan ilmu pengetahuan bagi masyarakat umum. Namun kita tidak perlu ikut perkara-perkara yang tidak sesuai dengan budaya dan nilai masyarakat negara lain.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini berita baik, Tuan Pengerusi. Sekarang jam 8.25 Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya teringat fasal Wayang Tinggi tadi. Saya hendak mencadangkan, kita ada banyak wayang yang dok main di sebelah kawasan. Saya mencadangkan kalau boleh wayang kulit Ansun. Wayang kulit ini cukup bagus secara moden. Jadi, adakah pihak kementerian sekali-sekala kita bawa benda-benda macam ini. Macam dalam Perhimpunan Agung UMNO, wayang kulit itu 'pack' orang tengok. Berita terkini lebih baik daripada RTM persembahkan dia. Jadi, cerita-cerita macam ini kalau kita permodenkan, dia akan menjadi satu benda yang baik untuk generasi masa depan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat.

Saya suka hendak pergi kepada teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena yang mendakwa mungkin ada pegawai di kementerian cuba sabotaj filem-filem drama Melayu atau ada pegawai-pegawai di Kementerian Penerangan yang rasuah kerana terdapat kes-kes drama Melayu yang ditolak selepas satu tahun enam bulan. Ini adalah satu tuduhan yang kita anggap serius untuk kita selesaikan.

Saya suka menyatakan bahawa sesungguhnya bekalan pada hari ini adalah melebihi keperluan. Terdapat hampir 100 buah syarikat pembekal rancangan yang berurusan dengan RTM, dan daripada 100 itu 90% adalah production house yang mengeluarkan drama Melayu. Jadi, untuk menilai bahan-bahan yang dihantar kepada RTM adalah mengambil masa.

Bagi program-program yang bermutu biasanya kelulusan dibuat dengan segera. Tetapi bagi program-program yang kurang bermutu biasanya penilaian dibuat beberapa kali supaya usaha untuk memperbaiki keadaan, melainkan jika terlalu lemah untuk menyelamatkan program itu ataupun produk yang dibawa oleh production house itu, melainkan jika terlalu lemah, maka terpaksa ditolak. Namun demikian, tentulah RTM sangat bersimpati untuk membantu production house bumiputera.

Baru-baru ini saya telah menyatakan bahawa 200 jam diberi kepada konsortium supaya dapat mengimbangi keadaan selain tentulah tuduhan mengata HVD monopoli, Wayang Tinggi monopoli dan lain-lain. Tetapi kita tetap memberi 200 jam seperti diputuskan oleh Kabinet kepada Kris Motion. Ini satu langkah yang cukup baik yang mendapat mengimbangkan keadaan.

Tuan Pengerusi, menjawab Yang Berhormat dari Tanjong Karang, iaitu terdapat bahasa bercampur aduk dalam TV. Sukalah saya nyatakan bahawa bahasa rancangan TV kecuali berita, ceramah, forum dan sebagainya adalah bahasa yang digunakan oleh rakyat jelata termasuk bahasa kita sendiri. Usaha menerapkan nilai murni melainkan mesej pelbagai kaedah penyampaian dalam rancangan TV adalah dipertingkatkan. Ini adalah bagi menjawab soal budaya rakyat Malaysia yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang termasuklah bahawa kita masih perlu masa untuk meningkatkan usaha melibatkan banyak pihak termasuk orang-orang dan stesen-stesen penyiaran untuk menentukan perkara ini mencapai kejayaan.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah mempersoalkan penerbitan yang dimonopoli oleh beberapa penerbit sahaja. Saya suka menyangkal dakwaan itu dan

menyatakan Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk bersikap adil dari segi pengagihan penerbitan rancangan swasta dan cara yang dilaksanakan ialah dengan menubuhkan konsortium seperti yang saya sebutkan pada awal tadi.

Bagi menjawab Yang Berhormat Tanjong Karang berkaitan dengan iklan terlalu banyak dalam siaran televisyen, suka saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan perlu menyiarkan iklan bagi membolehkan kos perolehan atau harga rancangan yang disiarkan dapat dibiayai menerusi penajaan oleh pengiklan. Sungguhpun demikian, saya bersetuju supaya jumlah masa siaran iklan perlu dikawal dan saya berpendapat bahawa pada masa ini ianya masih terkawal, iaitu 10 minit bagi setiap satu jam. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian menetapkan supaya masa tersebut adalah memadai iaitu 10 minit bagi setiap jam.

Yang Berhormat dari Kepong telah meminta menyediakan garis panduan siaran sejajar dengan perkembangan teknologi penyiaran sekarang. Sememangnya kementerian ini sedang menyemak semula garis panduan siaran bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam usaha untuk memastikan bahan-bahan yang disiarkan melalui TV, cable dan satelit sejajar dengan ekspektasi rakyat di negara ini khususnya untuk mengekalkan dan meningkatkan nilai-nilai murni dan budaya serta norma masyarakat negara ini.

Yang Berhormat Parit Buntar telah menanyakan soal pusat akhbar antarabangsa bagi SUKOM. Sukalah saya nyatakan bahawa peranan utama IPC (Pusat Akhbar Antarabangsa) bagi SUKOM 98 adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan komunikasi kepada beribu wartawan yang bakal melaporkan kejohanan SUKOM ini dan menyalurkan bahan-bahan berita mereka ke ibu pejabat masing-masing untuk disiarkan semula kepada para pelanggan mereka. Kemudahan-kemudahan ini termasuk penyediaan peralatan seperti komputer peribadi, mesin fax, alat pengantar foto dan sebagainya, adalah

satu keperluan asas. Pusat akbar ini, yang mempunyai komunikasi satelit akan dibuat 24 jam setiap hari pada keseluruhannya dalam menjalankan operasi mereka apabila sukan olimpik kelak.

Yang Berhormat Parit Buntar juga telah mempersoalkan peruntukan berkurangan di Bahagian Perhubungan Akhbar dari RM3.6 juta tahun 1996 kepada RM2.68 juta pada tahun 1997. Sesungguhnya peruntukan berkurangan tidak menjejaskan kegiatan dan program aktiviti bahagian ini dan ia akan tetap dilakukan sebab kita mengamalkan perbelanjaan berhemat seperti yang diarah oleh pihak Perbendaharaan.

Yang Berhormat Parit juga telah mengesyorkan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa mengenai kawalan bahasa dan juga meminta Kementerian Penerangan mengawal bahan-bahan siaran iklan di akhbar. Cadangan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kawalan Bahasa di Kementerian Penerangan untuk siaran TV dan radio di Kementerian Penerangan setakat ini tidak perlu. Ini adalah disebabkan Kementerian Penerangan juga menganggotai sebuah badan penyelaras bahasa Melayu yang antara peranannya ialah mengenai penggunaan bahasa Melayu bagi maksud penyiaran dan oleh kerana itu, tidaklah dirasakan perlu agar jawatankuasa ini ditubuhkan.

Yang Berhormat Sipitang juga meminta agar drama yang tidak meningkatkan semangat toleransi ditampilkan dan disiarkan di TV, tidak berasas semata-mata terhadap kekacakan artis lelaki atau kecantikan artis wanita sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, tema-tema toleransi kaum dan perpaduan sememangnya menjadi asas kepada setiap siaran untuk kita mempertingkatkan perpaduan kaum di negara ini agar hubungan antara kaum akan terus meningkat sebagai satu bangsa Malaysia.

Yang Berhormat Sipitang juga telah meminta diadakan siaran liputan mengenai Persidangan Parlimen. Banyak perkara penting boleh disampaikan kepada rakyat dan minta dikembalikan laporan yang pernah dibuat dahulu. Sukacita saya sebut bahawa bagi

setiap sesi persidangan Parlimen, RTM memperuntukan masa siaran khas bagi memberi laporan Berita Perdana - ditambah 5 minit untuk menyiarkan laporan Parlimen. Begitu juga siaran radio yang menyiarkan laporan perbahasan di Parlimen.

Ahli Yang Berhormat Bukit Mas telah meminta supaya pembinaan transposer TV di Ba' lalan. Untuk makluman, Ba' lalan telah dikenal pasti sebagai kawasan yang akan diadakan sebuah stesen transposer TV dan kajian tapak serta keperluan peralatan sedang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah meminta supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Kementerian Penerangan melawat atau mengadakan pemeriksaan lesen. Pihak penguatkuasaan Kementerian Penerangan telah mengalami kemerosotan dalam keupayaan - sebenarnya cawangan penguatkuasaan melaksanakan sistem pemeriksaan berkomputer iaitu pemeriksaan di jalankan ke atas penggunaan alat televisyen yang tidak diperbaharui lesennya sahaja dan berlandaskan komputer senarai lesen yang telah diperbaharui.

Yang Berhormat Jelebu juga telah bertanyakan kedudukan projek Institut Penerangan di Jelebu. Bagi menjawab perkara ini, projek Institut Latihan Penerangan (ILP) sekarang ini sedang dalam peringkat perancang akhir kementerian dan merupakan satu projek yang diberi keutamaan tinggi oleh kementerian ini. Buat masa ini kementerian masih lagi menunggu surat rasmi daripada kerajaan Negeri Sembilan mengenai status tanah seluas 50 ekar yang dicadangkan diberi kepada kerajaan untuk membina Institut Latihan Penerangan ini. Projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan untuk melaksanakannya diluluskan oleh agensi pusat.

Berkaitan dengan MOU K3P Jelebu dengan Hulu Langat, sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan sedang menunggu cadangan tarikh yang sesuai daripada Urusetia K3P Negeri Sembilan untuk Majlis MOU dengan K3P Hulu Langat bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu.



Akhir sekali, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang mengenai peningkatan taraf jawatan Pegawai Penerangan Daerah .....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Balik Pulau bangun Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, saya telah menim-bulkan dua soalan yang saya kira bagi saya adalah penting tadi, tentang .....

**Tuan Pengerusi:** Ruang udara, ya.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tentang hak milik awam, tentang ruang udara dan apakah rasional kalau kita mengenakan lesen TV, pada masa yang sama kita menjual ruang udara tersebut dan pada masa yang sama juga kita tidak menyediakan satu saluran khas untuk awam yang tidak didorong ataupun dikuasai oleh kuasa pasaran.

Dan ekoran daripada itu, saya telah mencadangkan supaya sama ada kerajaan memansuhkan langsung lesen TV ini, kalau kerajaan tak mahu memansuhkan lesen TV ini, maka kerajaan hendaklah mewujudkan satu saluran yang asing yang dimiliki oleh awam yang tidak dikuasai oleh pasaran.

Dan yang keduanya, saya telah juga menimbulkan tentang apakah kesan daripada kita mengkomersialkan ruang udara ini ke atas industri drama dan juga pengeluaran filem tempatan, kerana saya mengatakan bahawa usaha tersebut akan mengecilkan pasaran iklan tempatan dan dengan itu akan merendahkan nilai pasaran keluaran tempatan seperti drama dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, jadi, dua persoalan itu belum dijawab lagi. Terima kasih.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan ruang udara dan langkah untuk memansuhkan lesen TV, ini satu cadangan dan persoalan yang cukup baik, 'a very good question', saya minta

kalau boleh saya menjawab mengenai ruang angkasa ini secara bertulis. Saya tidak mampu hendak menjawab pada masa sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, soalan itu payah sangat! *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Ya, saya cakap terus terang! Boleh Yang Berhormat, ya?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Ya!

**Tuan Pengerusi:** Boleh, boleh!

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Boleh! Jawapan secara bertulis. Tetapi, bagi jawapan yang kedua, saya ingat saya telah menjawab apabila saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, terutama mengenai drama.

**Tuan Pengerusi:** Hmm!

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Akhir sekali, berkaitan peningkatan taraf jawatan Pegawai Penerangan Daerah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang. Sukacita saya maklumkan bahawa kementerian memang sangat prihatin mengenai kedudukan anggota-anggota di Jabatan Penerangan di semua peringkat dan dalam hal ini, kementerian telah pun mengambil tindakan untuk menaikkan taraf Pegawai Penerangan Daerah dan cadangan telah pun diluluskan oleh agensi pusat dan telah dilaksanakan.

Jawatan Pegawai Penerangan Daerah telah pun dinaikkan taraf dari Gred S6 kepada Gred S4 dan juga Gred S5 mengikut norma-norma dan kepentingan serta kedudukan beban kerja di daerah yang berkaitan.

Dan sekali lagi, setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian memberi teguran yang begitu konstruktif dan

mendorong kita untuk meningkatkan lagi keupayaan kita memperbaiki prestasi Kementerian Penerangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM327,467,900 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM327,467,900 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM77,881,060 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM77,881,060 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***

